



MALAYSIA

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2029]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973 dan 1974):

Jawatankuasa—

Jadual Pertama—

Kepala B. 28 [Ruangan 2081]

Kepala B. 35 [Ruangan 2085]

Kepala B. 38 dan B. 40 [Ruangan 2085]

Kepala B. 48 [Ruangan 2088]

Kepala B. 58 dan B. 59 [Ruangan 2095]

Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 2107]

Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan) [Ruangan 2111]

Rang Undang-undang Persatuan Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) [Ruangan 2113]

Rang Undang-undang Racun Makhlok Perosak [Ruangan 2129]

Rang Undang-undang Doktor Veterinar [Ruangan 2138]

KANDUNGANNYA—(sambungan)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1973:

Jawatankuasa—

Kepala P. 28 [Ruangan 2081]

Kepala P. 52 [Ruangan 2095]

Kepala P. 61 [Ruangan 2103]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1974:

Jawatankuasa—

Kepala P. 36 [Ruangan 2085]

Kepala P. 44 [Ruangan 2086]

Kepala P. 47 [Ruangan 2088]

Kepala P. 49 [Ruangan 2088]

Kepala P. 50 [Ruangan 2089]

Kepala P. 53 [Ruangan 2095]

Kepala P. 63 [Ruangan 2104]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2139]**

UCAPAN PENANGGUHAN:

Rapat Umum Barisan Nasional dan Salah-guna Kekuasaan [Ruangan 2146]

DICETAK OLEH

**MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, J.S.M., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMENANTUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

1974

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Isnin, 22hb Julai, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P. Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Kewangan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- “ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- “ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- “ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- “ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- “ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- “ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- “ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- “ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- “ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- “ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- “ Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T.
(Tanah Merah).

" Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

" Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS,
J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

" Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM,
S.P.M.J. (Segamat Utara).

" Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

" Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR
BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

" Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N.
(Johor Bahru Barat).

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH
alias HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN
UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI
RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN
MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK
HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

" Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).

" NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

" DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

" DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

" TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).

" TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

" TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

" PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

" TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

" TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

" TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

" TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).

" TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K.
(Hilir Perak).

" PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

" DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

" TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

" DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

" TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

" TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

Yang Berhormat AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

- " TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- " TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- " TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- " TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- " DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- " TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- " TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- " TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- " DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- " TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- " TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- " TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- " TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- " TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- " TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- " TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- " TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- " TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- " TUAN JAWAN ANAK EMPALIENG (Rejang).
- " DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- " TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- " TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- " TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- " TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- " TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- " DATUK DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., J.M.N., P.J.K. (Kuantan).
- " TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- " TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- " TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

Yang Berhormat TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

- " TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " DATU ENKU MUHSEIN BIN ENKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- " WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- " TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- " TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- " TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- " TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- " RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- " PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- " TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN, A.M.P. (Ipoh).
- " TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- " TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- " TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- " DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- " TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- " TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- " TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- " TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- " DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- " DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- " TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- " TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- " TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- " TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- " TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- " TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- " TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- " TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- " TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- ” Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- ” Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- ” Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- ” Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- ” PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- ” TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- ” CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- ” TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- ” TUAN HAJI MOHD. CHIK JOMARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- ” TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- ” DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- ” DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- ” DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- ” DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

YANG HADIR BERSAMA :

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).

- ” Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- ” Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KAPAL-KAPAL DIBERI OLEH JEPUN

1. **Tuan Ng Hoe Hun** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan apakah telah terjadi kepada dua buah kapal yang telah diberi oleh Kerajaan Jepun sebagai pembayaran hutang darah, nama-nama pemegang saham dan keuntungan yang diperolehi daripada kedua-dua buah kapal itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kedua buah kapal tersebut telah disewakan kepada Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (M.I.S.C.). Kapal-kapal itu adalah kepunyaan penuh Kerajaan Malaysia dan sewa yang diterima oleh Kerajaan sehingga tahun 1972 berjumlah \$6.4 juta.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu apakah nama dua buah kapal itu?

Perdana Menteri: Kapal itu namanya "Bunga Orked" dan "Bunga Tanjung".

Tuan Mustapha bin Hussain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu, kenapakah sampai hari ini Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia belum lagi membuat penyata kira-kiranya?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu tidak ada sangkut-paut.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Pada 20hb Ogos, 1968 di Dewan ini bekas Perdana Menteri ada membuat satu kenyataan (statement) dan saya hendak quote kenyataan itu iaitu berkenaan dengan Hutang Darah (Blood Debt). Kata bekas Perdana Menteri itu:

"As a gesture of atonement to the Malaysian people, the Government of Malaysia proposed to the Japanese Government that the money be used to benefit the people."

Soalan saya ialah bagaimana rakyat Malaysia ini dapat faedah daripada Hutang Darah itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu tidak ada bersangkut-paut dengan soalan asal yang bertanyakan semata-mata apa telah terjadi kepada dua buah kapal yang diserahkan oleh Kerajaan Jepun kepada negeri ini. Berkenaan dengan bagaimana wang Hutang Darah (Blood Debt) itu digunakan adalah tidak bersangkut-paut dengan soalan ini. Saya tidak benarkan!

Tuan Ng Hoe Hun: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Masalah ini berkenaan dengan Hutang Darah antara rakyat Malaysia dengan Kerajaan Jepun dan wang itu as a form of dua buah kapal yang telah diterima dari Kerajaan Jepun. Saya hendak tahu bagaimanakah rakyat Malaysia akan mendapat faedah daripada wang Hutang Darah itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya sudah perintahkan bahawa soalan tambahan itu tidak ada sangkut-paut dengan soalan yang asal.

PENCEN KEPADA PESARA-PESARA

2. **Tuan Lim Kit Siang** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbang dengan bersungguh-sungguh untuk meninggikan bayaran pencen sebanyak 50-100 peratus memandangkan keadaan inflasi sekarang, dan juga untuk memperkenalkan satu sistem pencen baru yang padan dengan penyesuaian tahunan indeks sarahidup supaya pesara-pesara kita dapat diberi bayaran yang lebih adil.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak dapat memberi pertimbangan yang istimewa kepada pesara-pesara dengan memberi kenaikan pencen sebanyak 50 hingga 100 peratus kepada mereka oleh sebab keadaan inflasi, kerana masalah ini dihadapi oleh semua golongan dan lapisan rakyat di negara ini.

Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, Kerajaan telahpun meluluskan pembayaran Elaun Bantuan Khas kepada semua pekerja-pekerja Kerajaan, dan elaun ini adalah juga dibayar kepada pesara-pesara yang menerima pencen tidak lebih

daripada \$500. Selain daripada itu pesara-pesara yang telah bersara di bawah sistem gaji yang lama, atau yang tidak menerima pemidahan kepada bentuk tanggaji bersih, dan sedang menerima pencen pokok kurang daripada \$595 sebulan, telah dibayar Elaun Tambahan sebagai menggantikan elaun sara-hidup (COLA) mulai daripada 1hb Januari, 1973.

Sistem pencen yang baharu yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat dipertimbangkan oleh kerana indeks sarahidup bukan sahaja menyentuh pesara-pesara bahkan segenap lapisan rakyat. Ahli Yang Berhormat tentu maklum bahawa sebuah Jawatankuasa Khas telah dilantik oleh Kerajaan untuk mengkaji dasar-dasar faedah persaraan bagi pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam dan juga Badan-badan Berkanun. Jawatankuasa tersebut telah selesai kerjanya dan Lapuran Jawatankuasa itu sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa oleh kerana keadaan inflasi sekarang sangat tinggi, maka soal kelewatan pembayaran pencen adalah lagi satu soalan sangat rumit, dan kelewatan pembayaran pencen menambahkan kesusahan orang-orang yang menunggu pencen itu. Sungguhpun dalam Dewan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila soalan ini dikemukakan beberapa kali, beliau ada kata jikalau setiap kes dibentangkan beliau atau jabatan yang berkenaan boleh ambil tindakan. Di sini saya mahu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri oleh kerana semua kes-kes yang saya ada kemukakan mengenai kelewatan pembayaran pencen ada dengan serta-merta diambil tindakan, tetapi ada banyak kes-kes di negara kita di mana ada kelewatan pembayaran pencen tidak disalurkan dengan Ahli-ahli Parlimen. Bolehkah untuk mengurangkan kesusahan orang-orang yang menunggu bayaran pencen, khususnya sekarang dalam keadaan inflasi ada satu yunit ditubuhkan untuk memproses dengan cepat atas semua perkara itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah terangkan kita memang ada satu yunit yang mengelolakan perkara ini dan tindakan-tindakan telahpun diambil untuk membayar pencen ini dengan seberapa segera yang boleh. Akan tetapi, seperti saya sebutkan pada awal mesyuarat Persidangan

ini ada beberapa kes-kes yang terpaksa diasas dan mengambil masa sedikit, dan itulah sebab kelewatan, dan kita akan membayar pencen-pencen itu dengan seberapa segera yang boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar antara pesara-pesara yang dapat pencen kurang daripada \$200 seumpamanya, di dalam zaman inflasi ini tidak mencukupi langsung walaupun mereka dapat bantuan khas. Adakah Kerajaan mempunyai satu rancangan untuk membantu pesara-pesara yang dapat pencen kurang daripada \$200 sebulan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi iaitu kita ada memberi elaun khas kepada mereka yang mempunyai pencen kurang daripada \$500 sebulan seperti juga pihak yang lain, dan kedudukan pencen itu juga sedang dikaji supaya dapat ditambahkan lebih sedikit.

KAJIAN/PENILAIAN PEMBANGUNAN

3. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan ada menjalankan satu kajian dan penilaian pembangunan yang benar-benar objektif untuk menentukan samada projek-projek pembangunan di negara ini benar-benar memberi faedah kepada rakyat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sentiasa mengkaji perkara ini. Matlamat utama program-program pembangunan yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah untuk memberikan kebaikan dan meninggikan taraf hidup rakyat. Projek-projek pembangunan yang disediakan oleh Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan berbagai-bagai agensi Kerajaan sentiasa diselidiki dengan berdasarkan matlamat tersebut. Tidak syak lagi bahawa kita telah mencapai kejayaan besar dalam memperbaiki taraf hidup rakyat sebenarnya menerusi program-program pembangunan yang diusahakan oleh Kerajaan. Kajian Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua dan lain-lain dokumen yang diterbitkan, menunjukkan dengan jelas kaedah-kaedah yang digunakan dalam menyemak dan juga mentaksirkan projek-projek pembangunan tersebut setakat mana

kejayaan yang telah kita capai dalam memberikan taraf hidup yang lebih sempurna dan lebih tinggi untuk faedah rakyat.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berpuas hati dengan perancangan pembangunan yang sedang berjalan sekarang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri berpuas hati dengan pelaksanaan yang telah dijalankan sehingga hari ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi satu arahan kepada semua agensi-agensi Kerajaan dan Kerajaan-kerajaan Negeri seperti PKNS (SEDC) bahawa apabila mereka melancarkan projek-projek pembangunan, orang-orang miskin dan orang-orang susah tidak akan disusahkan bila ada pengambilan tanah untuk projek-projek pembangunan. Sebelum menghalaukan setinggian-setinggian atau orang-orang miskin yang duduk di kawasan itu seperti di Kampung Bukit China di kawasan saya, di Bandar Melaka, untuk projek pembangunan Kerajaan atau agensi-agensi mesti ada rancangan untuk resettlement mereka dengan mengadakan rumah murah dengan sewa yang rendah. Jikalau tidak, mereka akan bayar harga projek pembangunan dan itu tentulah bukan tujuan Rancangan Malaysia Kedua.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memanglah tujuan Kerajaan dalam rancangan pembangunan ini hendak menolong rakyat, bukan hendak menyusahkan rakyat. Jadi semua perkara yang kita jalankan itu ialah untuk faedah dan kesenangan rakyat.

PENGKALAN-PENGKALAN TENTERA ASING

4. Tuan Lim Kit Siang (di bawah S.O. 24(2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau akan menimbang dengan bersungguh-sungguh untuk menghapuskan segala pengkalan tentera asing di negara kita supaya cadangan pengecualian Asia Tenggara kita menjadi lebih bermakna dan dapat dipercayai oleh kerana Malaysia sudahpun menubuhkan hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat, Republik China dan Russia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat negara kita tidak ada pengkalan-pengkalan tentera asing.

Sepertimana yang telah diterangkan di Dewan ini dahulu, Malaysia mengharapkan bahawa semua pengkalan-pengkalan tentera asing di wilayah ini akan dihapuskan sebaik sahaja cadangan pengecualian diwujudkan di Asia Tenggara ini.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar walaupun tiada pengkalan tentera asing di tanahair kita, tetapi di Butterworth ada RAAF (Royal Australian Air Force) di sana. Jika beliau sedar, bilakah Kerajaan Malaysia akan menyuruh Kerajaan Australia menarik balik RAAF itu ke Australia?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi bila sahaja rancangan kita hendak menubuhkan wilayah berkecuali di Tenggara Asia ini, segala pengkalan (base) tentera asing akan diundurkan di Tenggara Asia ini.

LAPURAN JAWATANKUASA ANTARA—KERAJAAN (I.G.C. REPORT)

5. Awang Bungsu bin Abdullah (di bawah S.O. 24 (2)) minta Timbalan Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah tugas Jawatankuasa bagi mengkaji semula Lapuran I.G.C. mengenai Perjanjian London dalam mana Malaysia terbentuk, telah dijalankan dan mengapakah tidak diberi publisiti, terutamanya di Sarawak, terhadap tugas yang penting seperti itu.

Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat telah maklum, saya telahpun memberi keterangan mengenai kajian semula Lapuran Jawatankuasa Antara-Kerajaan secara bertulis kepada Dewan ini pada 24hb April, 1974. Jawatankuasa Antara-Kerajaan Peringkat Menteri mengandungi wakil-wakil Kerajaan Pusat, Kerajaan Sabah dan Kerajaan Sarawak telahpun mengadakan mesyuaratnya pada 10hb Januari, 1974. Jawatankuasa itu telah bersetuju menubuhkan sebuah Jawatankuasa Antara-Kerajaan Peringkat Pegawai untuk mengkaji beberapa aspek peraturan-peraturan yang ada sekarang

dan membuat perakuan kepada Jawatankuasa Antara-Kerajaan Peringkat Menteri. Sehingga sekarang ini, Jawatankuasa Antara-Kerajaan Peringkat Pegawai telah mengadakan dua mesyuarat dalamana beberapa perkara telah selesai dibincangkan.

Jawatankuasa Antara-Kerajaan Peringkat Pegawai sedang menyediakan laporannya dan laporan ini akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Antara-Kerajaan Peringkat Menteri tidak berapa lama lagi.

Hebahan mengenai dengan kajian ini telahpun diperbuat oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak melalui pengumuman akhbar dan radio.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar perkara imigresen iaitu rakyat Malaysia daripada Semenanjung Malaysia dan juga daripada Sarawak apabila mereka hendak memasuki Sabah, mereka perlu membawa paspotnya ke Sabah. Dan juga adakah beliau sedar mula-mulanya di dalam I.G.C. peraturan ini ialah untuk menjaga rakyat daripada Singapura memasuki Sarawak atau Sabah, tetapi oleh kerana sekarang Singapura tiada dalam Malaysia, maka di dalam perbincangan ini adakah persetujuan dibuat untuk menghapuskan rakyat dari Semenanjung Malaysia menunjukkan atau membawa paspot supaya mereka boleh masuk Sabah atau Sarawak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya anggap soalan ini tidak boleh dibawa oleh sebab perkara-perkara detil. Soalan asalnya bertanya berkenaan dengan perkara am sahaja iaitu mengenai apakah kemajuan pekerjaan committee ini.

BERAS—HARGA

6. Tuan Loh Jee Mee (di bawah S.O. 24 (2)) minta Timbalan Perdana Menteri menyatakan mengapa harga beras lebih mahal selepas pengenaan kawalan harga ke atas beras berbanding dengan harga sebelum kawalan harga.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, perbandingan harga beras sebelum Kawalan Harga dikenakan dengan harga selepas Kawalan Harga dikuatkuasakan tidaklah menunjukkan gambaran yang sebenarnya. Ini ialah kerana beras yang dijual sebelum ada Kawalan Harga hanya

menggunakan nama seperti beras Kedah No. 1, 2, dan 3, beras Mahsuri, Bahagia, Mat Candu, beras China dan beras Siam. Demikian juga tidak dapat ditentukan kerana peratus pecahan yang ada pada beras itu. Dengan adanya Kawalan Harga Beras, jenis-jenis tersebut ditentukan pula peratus pecahannya. Tinggi rendah harga beras itu adalah mengikut peratus pecahan tersebut dan samada beras itu dari jenis panjang, sederhana ataupun pendek. Itulah sebabnya perbandingan harga di antara dua tempoh itu tidak memberi gambaran yang jelas.

Patut juga saya sebutkan di sini bahawa dalam menetapkan harga maksima, pihak Kerajaan adalah memberi pertimbangan yang wajar tentang harga padi yang patut dan menasabah untuk petani-petani, keuntungan yang berpatutan kepada peniaga-peniaga beras, di samping memberikan harga yang berpatutan dan stabil kepada pengguna-pengguna. Bagaimanapun, harga yang ditetapkan adalah harga maksima. Pihak Kerajaan adalah menggalakkan peniaga-peniaga menjual dengan harga yang kurang daripada harga maksima ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, kadar harga beras yang sama mutunya adalah rendah sedikit daripada harga sebelum kawalan harga dikuatkuasakan dan disamping itu didapati pula ada peruncit-peruncit yang menjual dengan harga kurang sedikit daripada harga maksima yang ditetapkan itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita tadi, saya ingin membuat soalan tambahan, adakah Kementerian mengakui ada sungutan-sungutan pengguna-pengguna beras, khasnya di luar bandar setelah dibuat kawalan baru-baru ini bahawa harga beras itu mahal dan sukar hendak dapat banyak beras yang berharga murah. Dengan keadaan ini, adakah Kementerian ini membuat satu rancangan supaya membanyakkan beras-beras yang berharga murah, tidak sebagaimana keadaan yang ada sekarang?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini saya tidak dapatlah memberi jaminan tetap, harus ada juga aduan-aduan berkenaan dengan harga beras lebih tinggi daripada ditetapkan mengikut tempat-tempat yang pendalaman atau

tempat-tempat yang jauh. Tetapi bagi umumnya, Kementerian saya tidak menerima aduan-aduan yang mengatakan harga-harga beras ini adalah lebih daripada yang ditetapkan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Berikutan dari soalan saya tadi yang menjadi sungutan kepada pengguna-pengguna kita ialah dengan sebab Kerajaan memberikan syarat kepada pemborong-pemborong kita, selain daripada kita membeli beras tempatan, kita kena membeli beras daripada luar negeri yakni beras Siam. Maka dengan adanya dicampurkan beras Siam itu menjadikan semua pemborong-pemborong dan pembeli kita hendak membeli beras Siam itu. Dengan keadaan yang begini, maka beras yang sampai ke tangan orang ramai menjadi mahal. Adakah Kerajaan bercadang bahawa beras Siam yang diberi kepada L.P.N. itu diberikan kepada pasaran bebas, tidak disyaratkan sebagaimana keadaan sekarang?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu. Harga beras samada beras di dalam negeri atau beras yang diimpot harganya ialah sebagaimana harga yang ditetapkan oleh Kerajaan, dan tidak ada beza samada beras itu beras dari luar atau beras dari dalam.

KILANG-KILANG PADI

7. Tuan Edwin anak Tangkun minta Perdana Menteri menyatakan mengapa kilang-kilang padi di Kedah bekerja separuh tenaga sebagaimana yang dilaporkan oleh Straits Times keluaran 27-3-74 dan samada ini menyebabkan kekurangan beras di Malaysia.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu tentu-lah telah meneliti bahawa dalam lapuran akhbar yang disebutkan itu telah dinyatakan mengapa kilang-kilang padi itu berjalan separuh masa sahaja. Berita akhbar itu menyebut sebab-sebabnya. Mengikut berita akhbar itu "because of the continued lack of demand for rice from wholesalers and retailers in Kuala Lumpur and the Southern States".

Kedudukan itu pada masa tersebut telah tidak menjejaskan kedudukan bekalan beras.

SAMSU HARAM

8. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengelakkan kejadian minum samsu haram seperti peristiwa yang berlaku di Rahang Kecil.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil segala langkah yang perlu untuk mencegah kegiatan pemasakan dan penjualan samsu haram. Pada hakikatnya Kerajaan dalam usahanya untuk mencegah kegiatan membuat samsu haram, telahpun mengurangkan kadar cukai eksais di atas samsu-samsu tempatan, daripada \$30 satu proof gelen kepada \$20 satu proof gelen yang mula berkuatkuasa daripada 6hb Januari, 1972. Saya sukacita memaklumkan kepada Dewan ini, bahawa dengan pengurangan kadar cukai eksais ini, jumlah samsu yang dibuat oleh pembuat-pembuat yang dilesenkan dan dikeluarkan daripada bond bagi tujuan duti bagi tahun-tahun 1972 dan 1973 telah menunjukkan jumlah pengeluaran yang berlebih daripada jumlah yang dibuat dan dilepaskan daripada bond di dalam tahun 1971.

Selanjutnya ingin saya menyatakan iaitu Kerajaan telah juga mengambil beberapa langkah untuk mengawal penjualan dan pengedaran samsu. Kawalan ini ditujukan khasnya kepada perusahaan-perusahaan yang berkaitan dengan memproses, membotol dan memindah minuman-minuman mabok yang tertakluk di dalam pengertian membuat (manufacture) dan dengan peraturan ini perusahaan-perusahaan itu adalah dikehendaki dilesenkan mengikut peraturan perlesenan di bawah Akta Eksais 1961. Peraturan-peraturan ini telahpun dikuatkuasakan dengan ketatnya dan mana-mana satu perusahaan yang didapati memproses samsu yang tidak dibayar duti, lesen-lesen perusahaan seperti ini akan ditarik balik.

Jabatan Kastam dan Eksais di Raja juga terus berwaspada dan bertindak keras di dalam kempen ke atas pemasak-pemasak samsu haram. Daripada awal tahun ini sehingga bulan Mei, Jabatan Kastam telah mendakwa 47 orang yang bersabit dengan kesalahan samsu haram. Denda yang telah

dikenakan oleh Mahkamah pada tempoh yang sama berjumlah sebanyak \$70,270. Selain daripada itu, 1,161 gelen samsu haram yang mana duti di atasnya berjumlah \$16,960; tapai sebanyak 86,829 gelen dan 260 alat-alat masak samsu telah dirampas.

Jabatan Kastam akan terus membuat kawalan dengan lebih rapi lagi di dalam kempenya di atas pengusaha-pengusaha samsu yang tidak berlesen dan saya percaya kejadian seperti yang telah berlaku di Rahang Kecil itu dapat dielakkan. Seterusnya, saya juga ingin membuat rayuan kepada orang ramai supaya membuat laporan kepada pihak-pihak yang berkenaan di atas mana-mana kegiatan membuat samsu haram dan juga orang-orang yang meminum samsu haram supaya dapat pihak Kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Timbalan Menteri Kewangan telah menjelaskan tadi langkah-langkah atau kempen mengatasi atau untuk menghapuskan pembuat samsu haram dan menjualnya, adakah pihak Kerajaan ada mempunyai rancangan untuk menerangkan bahawa samsu haram itu berbahaya kepada pengguna-penggunanya? Semua kempen itu tidak mengurangkan orang ramai minum samsu haram seperti kejadian yang telah berlaku di Rasah, Seremban, tetapi kalau Kerajaan ada mempunyai rancangan untuk memberitahu kepada orang ramai bahawa minuman samsu haram tersebut adalah sangat berbahaya, maka kejadian itu boleh dielakkan atau dikurangkan.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang telahpun diingatkan kepada orang ramai dari semasa ke semasa, tetapi kalau pun diadakan kempen mahupun secara kecil atau besar-besaran, kalau ada lagi daripada mereka itu yang hendak minum samsu yang demikian, saya fikir Kerajaan tidak boleh buat apa-apa. Tetapi dalam usaha ini sebagaimana saya sebut tadi orang ramai adalah sama-sama bertanggungjawab. Kalau didapati ada teman-teman mereka yang gemar kepada perbuatan serupa itu, tolonglah bantu untuk memberikan penerangan kepada mereka itu akan bahaya meminum samsu haram itu.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar kalau sekiranya ditunjukkan di dalam TV bahawa

minum samsu haram adalah berbahaya, setiap hari dibuat macam itu, disiarkan juga dalam Radio Malaysia, maka dengan yang demikian kita boleh mengurangkan orang ramai minum samsu haram.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan saya timbangkan bersama-sama dengan Kementerian yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan berjaya menangkap orang yang bertanggungjawab dengan kematian yang berlaku di Rahang Kecil, dan apakah tindakan yang diambil oleh kerana jikalau ada kejayaan dan kejayaan itu memberi publisiti yang besar, itu mungkin memberi satu contoh yang sangat berkesan untuk mengelakkan berlakunya peristiwa seperti itu.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, segala kegiatan membuat samsu haram dan meminum samsu haram itu telah dapat dijalankan dengan jayanya, dan di dalam banyak hal mereka yang bertanggungjawab itu sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi telahpun ditangkap dan telahpun dihukum di mahkamah. Mengenai peristiwa di Rahang Kecil itu sendiri 2 orang yang bertanggungjawab telahpun ditangkap dan tindakan telahpun dijalankan ke atas mereka itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa ada setengah-setengah kedai kopi dalam negeri ini menjual samsu halal kepada pelanggan yang tertentu, adakah ini menjadi satu kesalahan kepada undang-undang negara kita?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengikut fahaman daripada Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara menganggap samsu yang dibuat itu samsu halal, saya kurang faham, kerana yang saya tahu dari segi perkara samsu itu ada tersebut samsu yang haram, tetapi kalau ada samsu yang halal, saya hendak tahu juga daripada Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara supaya boleh kita rasa juga, kalau halal.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya sayangi itu, beliau mengatakan ada

samsu haram, tetapi pada pendirian saya samsu adalah haram semua sekali—tak ada samsu yang halal. Jadi yang saya hendak terangkan begini, ada setengah kedai kopi dalam negeri ini hendak menggalakkan penjualan samsu itu samada samsu halal atau haram, tetapi semuanya samsu, maka dijualnya samsu kepada pelanggan-pelanggan yang tertentu pada tiap masa, dihantarkan botol untuk minuman pelanggannya, yang diminum itu bukan air bali, tetapi samsu. Jadi dengan keadaan demikian ini adalah menjadi satu kesalahan kepada undang-undang negara kita ini. Adakah Kastam telah mengambil tindakan atas kesalahan itu?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan yang ada segala penjualan samsu itu mestilah mempunyai lesen atau kebenaran, tetapi kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat itu ada mengetahui kedai-kedai kopi yang tidak mempunyai lesen untuk menjual samsu demikian, diberitahu pihak yang berkuasa supaya dapat diselidiki, dan kalau benar, kesalahan itu dapat kita ambil tindakan. Pejabat Kastam berusaha setiap masa untuk mencegah perkara itu, tetapi kalau orang ramai dan Ahli Yang Berhormat tahu kejadian serupa itu, kalau diberitahu kita tidak akan berlengah-lengah untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab.

PINJAMAN TANPA FAEDAH

9. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan masa depan untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman tanpa bayaran faedah daripada Republik Rakyat China untuk menjalankan projek-projek oleh kerana terdapat banyak negara seperti Zambia dan Tanzania di Afrika telah mendapat faedah daripada pinjaman-pinjaman tanpa membayar faedah seperti tersebut dari Republik Rakyat China.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan buat masa ini tidak ada apa-apa rancangan untuk mendapatkan pinjaman tanpa faedah dari Republik Rakyat China melaksanakan projek-projek pembangunan.

PAKAIAN SERAGAM MURID-MURID SEKOLAH

10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa Kerajaan dan pihaknya tidak dapat menegakkan dalam soal pakaian seragam bagi murid-murid sekolah rendah dan menengah kebangsaan di negara kita misalnya perempuan hendaklah berbaju kurung dan lelaki berseluar panjang.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sudahpun menetapkan pakaian seragam kepada murid-murid lelaki dan perempuan di semua peringkat sekolah tetapi kelonggaran telah diberi kepada murid-murid di peringkat Sekolah Menengah Atas iaitu murid-murid lelaki adalah dibenarkan memakai seluar panjang dan murid-murid perempuan beragama Islam dibenarkan memakai baju kurung dan kain yang berwarna seragam.

Setakat ini Kementerian Pelajaran tidak ada rancangan untuk mengubahkan kedudukan pakaian seragam itu.

LEBUHRAYA TIMUR-BARAT— KEROSAKAN JENTERA

11. Tuan Loh Jee Mee (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan berapa lama telah terbangun atau terlambat dalam pembinaan projek Lebuhraya Timur-Barat dengan sebab timbulnya masalah-masalah keselamatan, dan bilakah projek ini dijangka akan siap.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, kerosakan-kerosakan ke atas sebahagian dari jentera-jentera yang digunakan dalam projek Jalanraya Timur-Barat oleh penganas-penganas kominis baru-baru ini boleh menyebabkan kelewatan dalam tempoh penyiapan projek tersebut sehingga satu tahun lamanya dari tarikh penyiapan yang telah dijangkakan pada tahun 1977. Oleh itu projek ini dijangka akan siap di dalam tahun 1978.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu kenapa mesin-mesin yang menjalankan kerja di sana yang telah

diletupkan itu sehingga hari ini mengikut apa yang saya tahu sedikit benar yang di-baiki dan yang lain-lain itu tinggal keadaannya begitu sahaja?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dijawab oleh rakan sejawat saya pada 18hb Julai, 1974.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pada masa ini telah dihantarkan alat-alat jentera untuk menggantikan jentera-jentera yang rosak bagi meneruskan rancangan kita itu?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, ada.

BUMIPUTRA—TAKRIF

12. **Dr Tan Chee Khoon** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Peguam Negara menyatakan:

- (a) takrif "bumiputra"; dan
- (b) bagaimana seorang rakyat Malaysia boleh memohon menyesuaikan diri untuk menjadi seorang bumiputra.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tidak ada takrif di sisi undang-undang bagi perbendaharaan "bumiputra" tetapi perbendaharaan ini diguna bermaksud orang-orang Melayu dan bumiputra-bumiputra Negeri Borneo. "Melayu" dan "bumiputra" Negeri-negeri Borneo telah ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan.
- (b) Mana-mana orang yang menepati takrif "Melayu" atau "bumiputra" Negeri Borneo mengikut mana yang berkenaan bolehlah mensifatkan dirinya sebagai seorang Melayu atau bumiputra.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam penjelasan Peguam Negara tadi beliau menyatakan bumiputra bermakna Melayu dan orang-orang yang berasal dari Sarawak dan Sabah. Bukankah Orang Asli boleh disebutkan bumiputra juga?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Di dalam Perlembagaan Malaysia kita ada takrif Melayu atau the definition of "Melayu" yang beragama Islam, tetapi kalau dia ada mencukupi syarat-syarat yang ditetapkan

dalam Perlembagaan boleh digelar Melayu, tetapi hendak memanggil bumiputra tidak mengikut Perlembagaan—boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Peguam Negara sedar antara Orang Asli kebanyakannya bukan beragama Islam, bukankah mereka juga bumiputra sekiranya mereka beragama Kristian, seumpamanya.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Memang betul dia boleh digelar bumiputra, tetapi dalam Perlembagaan kita ada khas bagi Aborigines itu yang mendapat kedudukan yang khas lebih daripada "Melayu". Kalau diambil orang Aborigines sebagai bumiputra, maka hilanglah hak-hak yang ada dalam Perlembagaan.

PENGANGKUTAN AWAM— KENAIKAN PERBELANJAAN

13. **Tuan Loh Jee Mee** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menjamin rakyat bahawa setiap ikhtiar akan dibuat bagi mengatasi sebarang kenaikan perbelanjaan pengangkutan awam seperti pengangkutan keretapi dan bas, walaupun harga minyak diesel telah naik baru-baru ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perhubungan berikhtiar mengelakkan sebarang kenaikan perbelanjaan pengangkutan, tetapi oleh kerana kos pengurusan pengangkutan awam adalah di luar kawalan Kementerian Perhubungan, pengurusan pengangkutan bergantung kepada harga minyak, samada minyak diesel atau benzen dan lain-lain barang spare parts yang harganya kian bertambah naik. Maka sebarang kenaikan yang tidak dapat dielakkan akan dikaji sehalus-halusnya oleh Kementerian Perhubungan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar jika sekiranya Kerajaan mengurangkan cukai diesel, petrol atau spare partsnya, maka tidak perlulah syarikat-syarikat bas memohon menaikkan tambang bas?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak payah ditanya, common-sense will tell you. (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sekiranya saya tak payah bertanya dan sekiranya Kerajaan ada common-sense, maka Kerajaan boleh mengurangkan cukai minyak petrol dan diesel dan spare parts supaya penduduk-penduduk atau penumpang-penumpang tak payah membayar lebih tambang bas.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa soalnya, Ahli Yang Berhormat?

Dr Tan Chee Khoon: Kalau sekiranya Kerajaan ada common-sense, bolehkah Kerajaan menggunakan common-sense supaya penumpang-penumpang tidak payah membayar lebih tambang bas?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang sebenarnya perkataan "kalau-kalau" ini kalau mengikut Peraturan Mesyuarat hypothetical. Samada Kerajaan ada common-sense atau tidak, itu saya fikir terserah kepada Kerajaan sendiri.

Dr Tan Chee Khoon: Perkataan itu bukan digunakan oleh saya, Tuan Yang di-Pertua, itu digunakan oleh pihak Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat menyoal tidak tepat. Saya hendak tahu apakah pertanyaan yang tepat untuk Menteri menjawab?

Dr Tan Chee Khoon: Saya boleh cuba lagi, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar kiranya Kerajaan ada common-sense untuk mengurangkan cukai tentang diesel, minyak petrol dan spare partsnya, maka penumpang-penumpang di seluruh Malaysia tak payah membayar lebih tambang bas.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak jawab. Bertanyalah kepada Kementerian yang berkenaan.

AMBULAN MEMBAWA PESAKIT-PESAKIT

14. Tuan Haji Mohd. Zaid bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) syarat-syarat bagi kegunaan ambulan;
- (b) jenis-jenis pesakit yang berhak menggunakan ambulan;
- (c) peraturan tentang bayaran tambang yang dikenakan kepada pesakit-pesakit yang menggunakan ambulan; dan

(d) tindakan yang boleh diambil terhadap kakitangan yang didapati memberi maklumat palsu kepada orang ramai tentang kegunaan ambulan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua,

(a) ambulan-ambulan digunakan bagi maksud membawa pesakit-pesakit yang menerima kemalangan teruk atau pesakit-pesakit yang mengidap penyakit yang tenat ke hospital atau memindahkan pesakit-pesakit itu dari sebuah hospital ke sebuah hospital yang lain. Walau bagaimanapun, seseorang pegawai perubatan, atas budi-bicaranya sendiri dan tertakluk kepada kepentingan hospital, boleh membenarkan penggunaan sesebuah ambulan untuk membawa seseorang pegawai atau keluarganya yang tiada harapan hidup lagi dari hospital ke rumahnya apabila permohonan dibuatnya sendiri atau oleh saudara maranya yang rapat. Ambulan-ambulan tidak boleh digunakan untuk membawa mayat.

(b) Jawapan adalah sama seperti di atas.

(c) Bayaran tambang yang sedang berjalan kuatkuasanya sekarang ialah sebanyak 50 sen sebatu.

(d) Tindakan tatatertib akan diambil ke atas kakitangan yang didapati memberi maklumat palsu, jika dilapurkan dan telah disiasat dan didapati benar.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah ambulan yang telah dicakapkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, saya cuma hendak tahu bilakah Kementerian ini akan menggunakan simbol ambulan daripada palang merah itu kepada bulan bintang, sebagaimana yang diisytiharkan baharu-baharu ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh ditimbang oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

MADYA UTRECKT (PROFESSOR)—MENARIK PERMIT KERJA

15. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa permit kerja Professor Madya Utreckt

telah dibatalkan dan samada ahli-ahli Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya membantah keputusan ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Kakitangan Akademik Universiti bukan ahli-ahli Persatuan itu yang telah membantah tindakan menarik permit kerja Professor Madya Utrekt. Saya tidak mahu memberi keterangan mengapa pas kerjanya ditarik balik oleh sebab soalan itu bercanggah dengan Peraturan Majlis Mesyuarat 23. (1) (f).

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar walaupun beliau tidak mahu memberi penjelasan tentang sebab-sebab pas kerja untuk Professor Madya Utrekt ditarik balik oleh Kerajaan, adakah beliau sedar sebab ini telah diumumkan oleh Academic Staff Association, dan bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa Professor Madya Utrekt ini langsung tidak membuat kesalahan di tanahair kita semasa beliau berkhidmat di Universiti Malaya?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya fikir soalan itu melanggar Peraturan Mesyuarat 23. (1) (f). Maknanya, jikalau hendak menerangkan terpaksa Menteri kena sebut sebabnya, dia tidak boleh, kerana bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 23. (1) (f).

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh. Cuba lagi satu!

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Menteri yang berkenaan sedar The Graduates Society of Malaysia telah membantah tentang perkara ini; iaitu Pas Kerja Professor Madya Utrekt telah ditarik balik. Dan adakah beliau sedar kalau perbuatan seperti ini berlaku lagi, maka ini boleh merosakkan nama bukan sahaja Universiti Malaya, bahkan Kerajaan kita.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Badan yang lagi satu yang disebutkan tadi, saya tidak sedar sebab tidak ada notis diberi kepada

saya untuk menyiasat ada atau tidak. Tetapi saya tidak percaya langkah-langkah begini akan membusukkan nama.

RUMAH-RUMAH PANGSA, JALAN RAJA LAUT

16. Dr Tan Chee Khoon (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan samada beliau akan membentangkan di dalam Parlimen Lapuran Suruhanjaya Penyiasatan mengenai keruntutan rumah-rumah pangsa di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, Lapuran Suruhanjaya Penyiasatan mengenai keruntutan rumah-rumah pangsa di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur telah disediakan pada bulan Mei, 1970. Lapuran ini telah tidak dibentangkan di dalam Parlimen oleh sebab Parlimen telah tergantung pada masa itu.

Bagaimanapun, Lapuran ini telah dirojokkan kepada Jemaah Menteri yang telah memutuskan pada masa itu untuk mencetak dan menjual 2,000 salinan lapuran itu dan 1,000 salinan lampiran-lampirannya. Lapuran ini telah pun dicetak pada Oktober, 1971 dan boleh diperolehi dari Jabatan Cetak Kerajaan.

PENDUDUK-PENDUDUK LUAR BANDAR DI SARAWAK—BANTUAN

17. Tuan Mohamed Arif bin Salleh (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan berapa buah badan-badan berkanun Kerajaan dan separa-Kerajaan yang telah ditubuhkan di Sarawak bagi membantu penduduk-penduduk luar bandar yang miskin meninggikan taraf hidup mereka dan bagaimanakah tiap-tiap satu badan ini menjalankan tugasnya dan sejauhmanakah kejayaannya.

Setiansaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian tidak mengetahui banyaknya badan-badan berkanun Kerajaan dan separa-Kerajaan yang telah ditubuhkan di Sarawak. Ahli Yang Berhormat bolehlah memajukan soalan ini kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk mendapatkan penjelasan yang selanjutnya.

UNDANG-UNDANG HAKCIPTA

18. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada beliau sedar semenjak Undang-undang Hakcipta diluluskan banyak kejadian-kejadian melanun hakcipta, baik buku ataupun lagu telah berlaku dengan berterangan tetapi nampaknya tidak ada tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap orang-orang yang berkenaan yang merugikan pengarang-pengarang atau pencipta-pencipta dan juga negara. Apakah tindakan yang akan diambil ke atas mereka yang melanunkan hakcipta seperti ini;
- (b) samada Kerajaan berpuashati dengan undang-undang yang sedang berjalan sekarang ini atau adakah Kerajaan berhajat hendak meminta undang-undang ini supaya membolehkan Kerajaan bukan sahaja menghukum orang-orang yang berkenaan ini tetapi juga pembahagi-pembahagi; dan
- (c) semenjak diluluskan undang-undang ini berapa banyaknya kejadian melanun hakcipta ini telah dapat Kerajaan kesan dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap si pelanun hakcipta ini dan adakah mereka masih meneruskan pekerjaan mereka.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian saya memang sedar akan banyaknya kejadian melanun hakcipta berlaku semenjak Akta Hakcipta diluluskan. Beberapa tindakan Mahkamah telah diambil oleh pihak yang hakciptanya dicuri dan ada di antara tindakan itu telah berjaya. Sukacita saya memberitahu bahawa Akta Hakcipta ini adalah berbentuk "regulatory" yang mana tindakan Mahkamah diambil oleh pihak yang hakciptanya dicuri.

Pihak Polis, sebagaimana di masa-masa yang lepas telah memberi pertolongan penyiasatan berasas kepada waran yang dikeluarkan oleh Magistrate. Beberapa kes hakcipta telahpun dibawa ke Mahkamah. Mereka yang didapati salah bagi melanun buku boleh dihukum denda di antara \$200 hingga \$20,000.

- (b) Kerajaan berpuashati dengan Undang-undang Akta Hakcipta yang ada sekarang. Bagaimanapun Jawatankuasa Hakcipta senantiasa mengkaji Akta Hakcipta, 1969 dan cuba memperkemaskan kiranya terdapat sebarang kelemahan-kelemahan pada Akta tersebut. Jawatankuasa Hakcipta sedang mencadangkan beberapa pindaan terhadap Akta Hakcipta yang ada sekarang bagi memastikan hukuman yang lebih berat terhadap mereka yang melanun.

- (c) Seperti terkandung di dalam jawapan saya kepada soalan (a) tindakan mengesan dan apa-apa juga tindakan ke atas sipelanun Hakcipta terpulanglah kepada mereka yang berpendapat bahawa hakciptanya telah dilanun.

PARTI KOMINIS—IKTIRAFKAN

19. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan selepas menyaksikan sistem politik ala kominis telah membawa kemajuan cemerlang kepada rakyat Negeri China dan selepas pemimpin-pemimpin kita sendiri menyatakan bahawa penganas-penganas di hutan kita bukan kominis yang tulin, samada Kerajaan bercadang hendak mengiktiraf parti kominis di negeri kita.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak memberi pertimbangan langsung untuk mengiktirafkan Parti Komunis yang tulin atau tidak tulin di negara ini, kerana semangat, idiologi dan kegiatan-kegiatan penganasan yang mereka amalkan adalah berentangan dengan pegangan dan nilai hidup keseluruhan rakyat jelata negara ini yang menekankan keamanan dan patuh kepada keluhuran Perlembagaan seperti yang dimaktubkan di dalam Rukunegara.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya iaitu pada hari ini penganas-penganas kominis dalam hutan itu adalah membunuh, merampas dan sebagainya dalam negara kita. Akan tetapi, sekiranya satu Parti baru, Parti Komunis yang tidak membunuh, menyamun dan tidak buat apa-apa, sebagaimana Parti Komunis di Russia, boleh atau tidak ditubuhkan di negara ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan hypothetical, saya tidak benarkan!

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar banyak negara lain, seumpamanya Ceylon, India, Austria, Israel dan sebagainya ada Parti Kominis dan mereka tidak membunuh atau berbuat kacau. Adakah Menteri yang berkenaan bersetuju kalau sekiranya kita mengiktirafkan Parti Kominis, maka kejadian di dalam negara-negara yang disebutkan itupun boleh berlaku di sini, iaitu Parti Kominis tidak membuat kacau di tanahair kita.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu lebih kurang sama juga dengan soalan tadi. Jadi saya berasa kesal mendengarkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat itu kalau bertanya begini merupakan mereka tidak tahu sama sekali apakah idiologi kominis (communism) yang sudah menentukan bahawa maksud menghalalkan cara, dan di dalam cara mereka itu untuk mencapai maksudnya mereka tidak meng-haramkan penganasan. Inilah sebabnya kita di negara ini, kalau negara lain menerima, itu soalan dia, bukan soalan kita. Tetapi di dalam negara kita ini yang memang cintakan keamanan dan patuh kepada keluhuran Perlembagaan seperti yang di-maktubkan di dalam Rukunegara, kita sekali-kali tidak akan menghalalkan parti kominis.

Raja Nong Chik Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya iaitu negara kita ini adalah percaya kepada Tuhan. Orang Malaysia percaya kepada ujudnya Tuhan, tetapi fahaman kominis tidak percaya ujudnya Tuhan. Adakah itu satu daripada sebab yang kita tidak mahu menghalalkan Parti Kominis di Malaysia ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, benar. Inilah satu daripadanya yang menyebabkan kita tidak mahu menerima Parti Kominis.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan berpendapat bahawa yang membawa soalan ini daripada parti kita, disokong oleh PEKEMAS ialah salah satu suara yang meminta Kerajaan supaya memberi sokongan kepada parti kominis ini. Adakah pendapat Kerajaan

bahawa kedua-dua parti ini menyuarakan Parti Kominis Malaya supaya dibawa dalam Parlimen ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu tidak bersangkutan dengan soalan asal.

PEJABAT-PEJABAT TANAH— SALAHGUNA KUASA

20. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa ada banyak kejadian salahguna kuasa dan amalan-amalan yang tidak baik sedang berlaku di Pejabat-pejabat Tanah di seluruh negara, jika ya, mengapa tindakan tatatertib tidak diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab melakukan perkara tersebut.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada menerima banyak aduan-aduan mengenai kejadian menyalahgunakan kuasa dan amalan-amalan yang tidak baik di Pejabat-pejabat Tanah di seluruh negara. Pegawai-pegawai Kerajaan adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Kelakuan dan Tatatertib (Perintah Am Bab. D), 1969 dan Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam, 1972. Sekiranya ada aduan-aduan diterima dan sekiranya didapati cukup bukti atas kesalahannya, maka tindakan tatatertib adalah diambil oleh Lembaga Tatatertib yang berkenaan.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi satu jaminan di Dewan ini jika saya memberi bukti atau information bahawa ada banyak kejadian salahguna kuasa dan amalan-amalan yang tidak baik yang berlaku di Pejabat-pejabat Tanah di seluruh negara. Adakah Kerajaan akan menyiasat dan mengambil disciplinary action?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Yang Berhormat itu dapat mengemukakan bukti-bukti yang jelas, bukti-bukti itu akan saya sampaikan kepada pihak yang berkenaan (yang saya maksudkan ialah Lembaga Tatatertib) maka tentulah penyiasatan

akan dijalankan, dan jika sekiranya Lembaga itu berpuas hati bahawa bukti itu adalah jelas dan tepat, sudah semestinya tindakan tatatertib akan diambil.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Adakah Kementerian Kemajuan Tanah ini mengetahui bahawa rancangan-ancangan yang dibuat oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini iaitu hendak menolong bumiputra itu memang baik, tetapi yang menggagalkannya adalah setengahnya, bukan semua sekali, kakitangan Kerajaan, terutama sekali Pegawai-pegawai Tanah, mereka itu menjadi orang tengah dan mereka ini mencari kesempatan hidup untuk menekan rakyat. Pernah berlaku kepada seorang rakyat yang miskin datang temuduga meminta tanah, Penolong Pegawai Daerah bertanya; berapa akaun kamu dalam bank; berapa pencen kamu dan sebagainya. Jadi adakah Kerajaan akan mengambil tindakan kepada Pegawai Tanah yang sedemikian itu, menyusahkan rakyat hendak memberi tanah, bertanyakan berapa banyak duit dalam bank dan semuanya. Inilah yang rakyat selalu tidak puas hati dan adakah Kementerian Kemajuan Tanah akan bertindak kepada mereka itu? Saya boleh memberi maklumat.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya adalah sama seperti tadi.

LADA HITAM—SUBSIDI

21. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) mengapakah subsidi-subsidi lada hitam yang diluluskan masih belum lagi dibayar kepada peladang-peladang di Sarawak semenjak tahun 1972;
- (b) adakah ini kerana kekurangan bekalan baja, ketidakcukupan wang Kerajaan atau kekurangan kakitangan Kerajaan untuk menjalankan kerja tersebut di Sarawak; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, rancangan Bantuan Lada Hitam adalah satu projek

Rancangan Malaysia Kedua yang dilaksanakan dalam tahun 1973, sebelum itu masa telah digunakan bagi mengatur dan menyiapkan persediaannya. Rancangan itu dibahagikan kepada 3 jenis yang membezakan jumlah bantuan kepada tanaman baharu, tanaman semula dan bantuan memperbaiki pokok yang sudah besar. Semenjak rancangan subsidi lada hitam dilaksanakan dalam tahun 1973 bantuan berjumlah \$752,398 dikeluarkan sebagai berikut:

(a) Kategori A	Bantuan bagi pokok yang sudah besar ...	1,130 ekar
(b) Kategori B	Bantuan Tanaman semula ...	—
(c) Kategori C	Bantuan Tanaman baharu ...	1,768 ekar

Rancangan subsidi lada hitam ini memberi bantuan merupakan benih, baja dan racun serangga. Bantuan wang tidak diberi melainkan jika didapati perlu untuk membeli alat yang susah didapati sendiri oleh petani-petani.

Krisis minyak yang dialami oleh seluruh dunia telah menyebabkan kekurangan bekalan baja dan racun kimia serangga dan ini telah melambatkan penyelesaian permohonan-permohonan yang telah diluluskan. Segala usaha sedang dijalankan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sarawak untuk mengatasi segala kesulitan yang telah menyebabkan kelewatan perlaksanaan rancangan subsidi itu, antaranya:

- (a) kekurangan bahan-bahan untuk pengeluaran benih bagi tanaman-tanaman yang baru;
- (b) ketiadaan bekalan baja dan racun serangga.

Jabatan Pertanian Sarawak telah memanggil sebut-harga untuk membeli keratan-keratan benih untuk dibahagi-bahagikan kepada peserta-peserta rancangan subsidi ini. Kekurangan bekalan baja susah hendak diatasi oleh Jabatan Pertanian Negeri kerana ketiadaan bekalan itu. Walau bagaimanapun, Jabatan itu telah diarah supaya membeli bekalan baja yang ada di Sarawak mengikut harga pasaran dengan tidak payah menurut sistem tender.

Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapat aduan dari peladang-peladang iaitu rancangan subsidi dari Kerajaan Negeri kepada peladang di Negeri Sarawak

semenjak tahun 1972 dan 1973 sehingga tahun 1974 inipun belum lagi dibantu dengan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Jadi, apakah langkah yang dibuat oleh Kerajaan supaya dapat dipercepatkan memberi bantuan kepada rakyat, kerana lada yang ditanam pada tahun 1972 dan 1973 dan pada tahun 1974 belum lagi mendapat baja, maka lada itu telah mati. Saya ingin tahu dalam Dewan ini apakah langkah yang patut diambil oleh Kerajaan supaya dapat mempercepatkan memberi bantuan kepada peladang-peladang di Negeri Sarawak?

Tuan Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan berikhtiar dan berusaha setakat mana yang dapat Kerajaan membantu dengan secepat mungkin akan dibuatkan mengikut keadaan dan mengikut setakat mana yang boleh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 22 hingga 65 adalah diberi di bawah ini.)

TANAMAN PELBAGAI DI SARAWAK

22. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah langkah-langkah selanjutnya yang diambil untuk memastikan pelbagai tanaman oleh petani-petani di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak dan apakah bantuan yang akan diberi oleh Kerajaan untuk menggalakkan pertanian dengan menggunakan jentera oleh petani-petani kita.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Di bawah rancangan mempelbagaikan pertanian yang mulanya dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Pertama dahulu termasuklah kelak bagi menanam tanaman-tanaman tahunan dan kekal seperti kelapa sawit, koko, kopi, buah-buahan, jagong dan soya beans. Dengan pengalaman dan kejayaan yang diperolehi Kerajaan Negeri Sarawak telah dapat memperhebatkan lagi rancangan mempelbagaikan pertanian itu dengan lebih luas untuk memasukkan tanaman-tanaman yang ekonomik yang sesuai seumpama patchouli, bunga cengkih, buah pala, gajus dan rumput-rumput ternakan.

Rancangan-rancangan mempelbagaikan pertanian itu telah juga dapat diperbaiki dengan cara menggalakkan petani-petani kecil menjalankan perusahaan berkumpulan supaya tanaman-tanaman dapat dibuat dengan cara besar-besaran untuk diperdagangkan.

Saya bersetuju dengan kegunaan jentera adalah satu-satu daripada cara memodenkan pertanian. Perusahaan ladang pertanian besar-besaran sememang menggunakan jentera pertanian untuk menambah kecapan menyediakan kawasan ladang perusahaan itu. Jentera Pertanian amat berguna bahkan ladang-ladang itu terletak di kawasan terpencil ataupun di daerah yang kekurangan tenaga buruh. Sebaliknya pula perusahaan pertanian di negeri ini banyak yang terletak di dalam tangan petani-petani kecil. Maka kemampuan mereka ini adalah terhad bagi menjenternakan perusahaannya. Oleh hal yang demikian itu, Jabatan Pertanian Negeri Sabah telah mengadakan sebanyak 106 unit jentera seperti Jengkaut, trektor pembajak, misyen penyembur yang berjentera yang disewa kepada petani-petani mengikut kegunaannya seperti menyediakan tapak semaian, tanah ladang untuk tanaman ataupun mengorek kolam ikan ataupun untuk menyembur racun-racun serangga dan musuh tanaman.

Dengan usaha yang sederhana sebagai tersebut itu Jabatan itu berharap petani-petani akan bergerak secara beramai di dalam perusahaannya menerusi Pertubuhan Peladang untuk mengemaskan usaha pemeliharaan ladang mereka dengan penggunaan jentera pertanian yang mereka miliki secara berkongsi.

INFLASI—KURANGKAN BEBAN

23. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana kebenarannya bahawa Kerajaan boleh mengurangkan beban inflasi di Malaysia menurut ahli ekonomi Bank Negara Encik Lin See Yan, dalam kertas kerjanya yang bertajuk "The Inflation Syndrome and its implication for policy" yang dikemukakan kepada suatu konvensyen ekonomi baru-baru ini sebagaimana yang dilaporkan dalam *Straits Times* keluaran 27-3-1974.

Menteri Kewangan (Tun Haji Abdul Razak): Dengan kerjasama rakyat telah dan dapat mengurangkan akibat-akibat inflasi

sebagaimana yang terbukti oleh beberapa langkah yang telah diambil dan yang dapat mengawal kadar inflasi. Langkah-langkah ini meliputi kedua-dua dasar kewangan dan belanjawan yang termasuk pemberian subsidi bagi setengah-setengah barang makanan, termasuk beras dan gula, buku-buku teks dan baja, penghapusan cukai-cukai impot ke atas sejumlah besar barang-barangan asas serta pembayaran elaun bantuan khas kepada pekerja-pekerja Kerajaan yang berpendapatan rendah.

Pada umumnya langkah-langkah belanjawan ini dan langkah-langkah kewangan yang telah diambil semenjak awal tahun yang lepas dapat juga menentukan kadar pertumbuhan ekonomi di peringkat yang tinggi dan pengangguran dikawal di peringkat yang rendah. Ini ialah kerana Kerajaan menyedari betapa pentingnya bagi mengelakkan beban inflasi ke atas rakyat yang miskin.

KELAPA—PEMASARAN

24. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh FAMA untuk mengadakan kemudahan-kemudahan pasaran tempatan dan loji memproses kelapa di Sarawak untuk memperbaiki industri kelapa.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: FAMA telah memberi keutamaan kepada usaha memperbaiki pemasaran kelapa dan hasil-hasil kelapa memandang kepada mustahaknya hasil tersebut sebagai bahan makanan dan sebagai sumber pendapatan petani. Di Sarawak, FAMA telah merangka rancangan-rancangan bagi memperbaiki pemasaran kelapa dan hasil-hasil kelapa melalui dua cara. Pertama, di bawah rancangan perniagaannya, Lembaga boleh membeli dan menjual kelapa dan hasil-hasil kelapa bagi memperbaiki sistem pengedaran dan menstabilkan harga.

Yang kedua, FAMA juga sedang ber-cadang untuk mendirikan sebuah Pusat Memproses Kelapa Kering di Bahagian Satu atau Bahagian Dua bagi memproses kelapa kepada kelapa kering yang bermutu tinggi. Kerja-kerja bagi mendirikan Pusat Memproses Kelapa Kering ini dijadualkan bermula pada awal 1975 dan dijangka siap pada akhir tahun tersebut. Penyiasatan sedang dijalankan sekarang untuk menentukan kawasan yang sesuai bagi projek ini.

Pusat ini akan mempunyai kemampuan menerima 25,000 biji kelapa sehari. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, FAMA berharap akan dapat mendirikan pusat memproses kelapa kering tambahan di kawasan-kawasan kelapa yang penting di Sarawak.

GAJI MINIMA

25. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan mengapakah Kerajaan enggan membuat ketetapan gaji minima di Malaysia.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Dewan ini pasti masih ingat, sebuah Usul mengenai perkara yang sama telah dikemukakan oleh Ahli Yang berhormat bagi Datok Kramat pada hari pertama persidangan Dewan ini pada kali ini. Dalam perbahasan ke atas Usul tersebut, saya telah menerangkan pendirian Kerajaan mengenai perkara ini dengan panjang lebarnya. Saya tidak ada apa-apa lagi yang hendak ditambah.

MINYAK DI SARAWAK—HASIL DIKUTIP

26. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah pendapatan yang dikutip dari cukai minyak di Sarawak bagi tahun-tahun 1971, 1972 dan 1973, dan nyatakan berapakah pendapatan-pendapatan masing-masingnya bagi Negeri dan Persekutuan.

Tun Haji Abdul Razak: Hasil yang dikutip daripada minyak di Sarawak ialah daripada cukai impot dan cukai eksais. Jumlah cukai eksais yang dikutip ialah lebihkurang sebanyak \$1.5 juta bagi tahun 1971, \$1.4 juta bagi tahun 1972 dan \$1.7 juta bagi tahun 1973 manakala cukai-cukai impot berjumlah lebihkurang \$9.6 juta bagi tahun-tahun 1971 dan 1972 dan \$11.7 juta bagi tahun 1973.

Hasil cukai yang saya sebutkan itu semuanya diberi kepada Kerajaan Negeri Sarawak mengikut peruntukan Bahagian V kepada Jadual Ke 10 dalam Perlembagaan Persekutuan. Di bawah peraturan Perlembagaan itu Kerajaan Persekutuan tidak dapat apa-apa hasil daripada cukai-cukai atas petrol dan barang-barang keluaran petrol.

DEMAM DENGGI—PENYAKIT

27. Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil atau akan diambil oleh Kerajaan untuk menghalang wabak penyakit demam denggi di Semenanjung Malaysia dari merebak ke Sarawak.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Setakat ini langkah-langkah yang telah diambil di Sarawak untuk mencegah penyakit demam denggi adalah seperti berikut; satu kajian jentek-jentek atau larval survey telah dijalankan di Kuching dan Sibu dan kempen anti nyamuk aedes juga diaturkan di kedua-dua tempat ini. Langkah-langkah yang sama juga diaturkan di bandar-bandar lain. Kegiatan-kegiatan pelajaran kesihatan telah juga diperhebatkan melalui akhbar-akhbar dan radio.

Walau bagaimanapun, seperti yang telah saya sebutkan beberapa kali pada masa yang sudah, tanggungjawab membasmi penyakit demam denggi bukanlah terletak di atas Jabatan Kesihatan sahaja, malahan orang ramai juga mempunyai tanggungjawab yang besar kerana mereka sahajalah yang dapat memastikan supaya tidak ada tempat-tempat nyamuk itu membiak dalam rumah atau kawasan rumah-rumahnya.

Saya suka mengesa Ahli-ahli Yang Berhormat sekali lagi supaya membantu Kementerian Kesihatan dengan menyampaikan berita ini kepada semua penduduk di kawasan-kawasan Ahli Yang Berhormat.

LAWATAN KE CHINA—SYARAT

28. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan melonggarkan sekatan-sekatan yang ada sekarang untuk melawat Negeri China.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Soalan ini telah saya jawab ketika menjawab soalan No. 10 pada 17hb Julai, 1974.

HOSPITAL-HOSPITAL DI SABAH

29. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan

- (a) memandangkan kepada kesukaran perhubungan di Sabah samada Kerajaan bercadang untuk membina lebih banyak

lagi hospital-hospital untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat; dan

- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk pesakit-pesakit tidak menanti lama sangat di hospital untuk mempercepatkan rawatan perubatan.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua beberapa hospital yang sedia ada akan diperbesarkan ataupun digantikan dengan hospital yang baru. Hospital yang akan dibesarkan adalah Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu dan Hospital yang sedia ada di Beaufort, Kudat dan Kota Belud akan digantikan dengan hospital yang baru. Bangunan hospital-hospital baru di Papar dan di Ranau telahpun siap dan digunakan. Selain dari itu hospital-hospital baru di Tambunan dan di Beluran juga akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Bagi kawasan-kawasan luar bandar beberapa lagi dispensari luar bandar juga akan atau sedang dilaksanakan. Dispensari-dispensari tersebut adalah di Kinarut, Sequati, Telaga, Nabawan, Membakut, Meligan, Perancangan (Daerah Beluran) dan Perancangan (Daerah Ranau).

- (b) Pegawai Perubatan, Pembantu Hospital dan Jururawat yang bekerja di Jabatan Pesakit Luar akan ditambah.

DEMAM DENGGI—MENCEGAH

30. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah terakhir yang diambil oleh Kerajaan untuk menyekat merebaknya penyakit demam denggi di seluruh negara dan mengapakah tindakan segera tidak diambil mengenai merebaknya penyakit demam denggi baru-baru ini yang mengakibatkan banyak kematian.

Tan Sri Lee Siok Yew: Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian saya bagi mencegah penyakit demam denggi haemorrhagic dari merebak keseluruh negara adalah seperti berikut:

- (i) Satu Rancangan Tindakan—"Plan of Action" bagi mengawal Demam Denggi Haemorrhagic telah di sediakan dan

dihantarkan kepada semua Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri pada bulan Februari tahun ini.

- (ii) Semua negeri telah diberitahu awal-awal lagi mengenai kemungkinan berlakunya penyakit ini dan meminta mereka mengambil tindakan pencegahan.
- (iii) Di negeri-negeri di mana didapati kes-kes Demam Denggi Haemorrhagic langkah-langkah kawalan segera seperti semburan ubat serangga-insecticide fogging, pelajaran kesihatan, mencari tempat pembiakan nyamuk dari rumah ke rumah, membubuh ubat "ABATE" ke dalam bekas-bekas air dan tangki air bagi menghalang nyamuk dari membiak, telah dijalankan oleh pasukan-pasukan kesihatan di daerah-daerah yang terlibat.
- (iv) Kempen kebersihan—"gotong royong" seluruh negara telah dilancarkan pada 17-3-74 di Sungai Chua, Ulu Langat diikuti oleh kempen-kempen yang serupa di semua ceruk rantau negara.
- (v) Penerangan yang luas di T.V., radio dan akhbar dan menerusi sekolah-sekolah telah diberikan mengenai peranan penting yang boleh dimainkan oleh orangramai dalam mengawal pembiakan nyamuk Aedes, nyamuk pembawa penyakit Demam Denggi Haemorrhagic.
- (vi) Seorang "WHO short-term consultant" bagi memberi nasihat di atas pengawalan penyakit demam Denggi Haemorrhagic, telahpun tiba dan sekarang sedang membantu di dalam kempen membasmi nyamuk aedes.
- (vii) Pembelian 22 mesin fogging tambahan dan ubat serangga telah dibuat.
- (viii) Kempen besar-besaran bagi menghalang jangkitan penyakit ini di kawasan-kawasan sensitif terutama sekali di Selangor, Johor dan Melaka di mana kejadian penyakit ini berlaku dengan menggunakan pasukan-pasukan kesihatan membuat "swing-fogging", pelajaran kesihatan dan membubuh ubat "ABATE".
- (ix) Ujian-ujiann sedang dijalankan ke atas perkakas baru "Ultra-low volume" cold aerosol spraying equipment di

dalam pengawalan nyamuk Aedes, dengan tujuan membeli lebih banyak lagi mesin ini untuk kegunaan masa hadapan.

- (x) Penyemburan ubat serangga dari udara di beberapa bahagian di negara ini termasuk Wilayah Persekutuan sedang dipertimbangkan jika diperlukan.
- (xi) Rancangan-rancangan jangka panjang bagi menubuhkan Unit Kawalan Pembawa Penyakit Vector Control Unit dengan mempunyai kakitangan tetap bagi menghadapi "vector borne diseases" sedang diselenggarakan.

Walaupun bagaimanapun, adalah dikesali kerana sambutan dari orang ramai kepada kempen gotong royong anti Aedes tidak begitu memuaskan dan nyamuk aedes masih didapati membiak di rumah-rumah dan kawasan-kawasan rumah.

Namun demikian, adalah jelas dengan langkah-langkah segera yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengawal merebaknya demam denggi haemorrhagic telah mengurangkan bilangan kes-kes dan kematian di dalam minggu-minggu yang lepas, dan saya yakin bahawa penyakit-penyakit ini dapat dikawal tidak berapa lama lagi.

SERANG HENDAP DI CHEMOR

31. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau boleh memberi butir-butir berkenaan dengan serang hendap yang berlaku di Chemor pada 20hb Jun, 1974.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak ada sebarang peristiwa serang hendap yang berlaku di Chemor pada 20hb Jun, 1974.

DOKTOR/PAKAR DARI CHINA

32. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kesihatan menyatakan, memandangkan penubuhan diplomatik di antara Malaysia dan Republik Rakyat China samada Kementerian beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk mengambil masuk Doktor-doktor dan Pakar-pakar dari Republik Rakyat China supaya dapat mengatasi masalah kekurangan Doktor-doktor dan Pakar-pakar di Malaysia, jika ya, bilakah mereka akan datang ke Malaysia, dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tidak. Kementerian saya tidak ada apa-apa rancangan untuk mengambil doktor-doktor dan pakar-pakar daripada Republic Rakyat China.

SAMSU HARAM DI RAHANG KECIL

33. Tuan Chan Fu King minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) bilangan kejadian yang telah berlaku kerana minum samsu haram di Rahang Kecil, dekat Seremban baru-baru ini;
- (ii) bilangan orang yang telah hilang penglihatan kerana minum samsu haram;
- (iii) bilangan orang yang ditangkap kerana menjual samsu haram itu di Rahang Kecil; dan
- (iv) apakah rancangan Kerajaan untuk membasmikan penjualan samsu haram dan juga menghalang rakyat minum samsu haram itu.

Tun Haji Abdul Razak:

- (i) Mengikut laporan satu kejadian sahaja yang telah berlaku dalam tahun 1974.
- (ii) Tiada. Tiga orang telah didapati cedera mati akibat meminum samsu tetapi ketiga-tiganya telah dirawat dan sembuh.
- (iii) Dua orang.
- (iv) Saya telah memberi jawapan kepada pertanyaan yang sama yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Richard Ho Ung Hun pada hari ini, dan saya tiada mempunyai apa-apa keterangan tambahan.

JENTERA PROJEK LEBUHRAYA (EAST-WEST HIGHWAY)

34. Tuan Chan Fu King minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan kejadian yang ada melibatkan jentera atau manusia, yang telah berlaku di projek East-West Highway sejak permulaannya; dan nyatakan butir-butir lanjut mengenai kejadian itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kejadian-kejadian yang melibatkan jentera atau manusia yang telah berlaku di projek Lebuhraya Timur-Barat semenjak permulaan pembinaannya, kesemua ber-

bangkit daripada peletupan jentera-jentera oleh pengganas komunis pada 23-5-74 dan butir-butir lanjut peristiwa mengenainya adalah seperti berikut:

- (a) Pada 23-5-74 mulai jam 8.30 malam 68 buah jentera telah dilumpuhkan dengan alat-alat letupan yang dipercayai dilakukan oleh pengganas-pengganas komunis.
- (b) Pada 25-5-74 lebih kurang jam 12.00 tengahari satu Scout Car Security Forces telah melanda satu perangkap periok api. Dua anggota mendapat cedera ringan.
- (c) Pada 25-5-74 jam 10.00 pagi, 2 orang anggota Pasukan Keselamatan terpijak perangkap periok api yang berdekatan dengan kubu Banding di Lebuhraya Timur Barat. Kedua-dua mereka mendapat cedera ringan.
- (d) Pada 25-5-74 jam 3.00 petang, satu truk Pasukan Keselamatan melanda kawasan periok api. Dua orang anggotanya mendapat cedera ringan.
- (e) Pada 13-6-74 jam 11.15 pagi satu jentera Minimok kepunyaan Jabatan Kerja Raya semasa hendak memotong satu Ferret Scout Car telah melanda kawasan periok api. Dua orang pekerja Jabatan Kerja Raya mendapat cedera ringan.

BAWANG MERAH/BESAR—HARGA

35. Tuan Chan Fu King minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar suri-suri rumahtangga bersungut kerana harga runcit bawang merah jenis besar (Bombay Onions) tidak dikurangkan oleh pekedai-pekedai runcit walaupun harga pemborong bagi harga jenis bawang itu sudah turun, iaitu harga runcit ialah 35 sen s ati manakala harga pemborong hanya 18 sen sekati, jika ya, apa tindakan Kementerian beliau telah ambil untuk menurunkan harga bawang merah.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Daripada maklumat-maklumat dan perangkaan yang diterima oleh Kementerian saya hanya ada perbezaan lebih kurang 10 sen sahaja di antara harga borong dan runcit bawang merah dan bawang besar pada bulan Mei dan Jun tahun ini di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Ipoh. Perbezaan

harga runcit dan borong di antara satu bandar dengan satu bandar yang lain bergantung kepada kos pengangkutan, timbal balik perniagaan (business turn over) dan jangka masa tahannya barang-barang itu (perishability). Di sini jelaslah bahawa mungkin ada perbezaan yang besar sedikit di antara harga borong dan runcit di antara satu kawasan dengan lain.

Bekalan bawang untuk negeri kita adalah diimport dari luar negeri dan bekalan pula adalah bermusim (seasonal). Jadi harganya turun naik mengikut keadaan di negeri punca. Untuk memastikan supaya bekalan bawang yang mencukupi dengan harga yang berpatutan, Kerajaan telah menghapuskan segala cukai-cukai terhadap pengimpotan barang-barang ini.

PETROL/DIESEL/MINYAK TANAH— KENAIKAN HARGA

36. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa notis yang lebih awal tidak diberi kepada orang ramai mengenai kenaikan harga-harga petrol, diesel dan minyak tanah dan jumlah keuntungan syarikat-syarikat minyak telah mendapat dengan hal ini; dan
- (b) sebab-sebab mengapa kebanyakan setesyen-setesyen minyak enggan menjual minyak petrol kepada pengguna-pengguna.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):

- (a) Kerajaan tidak dapat memberi notis yang lebih awal kepada orang ramai mengenai kenaikan harga-harga petrol, diesel dan minyak tanah, kerana ini akan menggalakkan orang ramai untuk membeli minyak berlebihan-lebihan yang mana akan menimbulkan keadaan kacaubilau dan kekurangan palsu "artificial shortage" disebabkan simpan sorok dan lain-lain atas bahan-bahan yang terlibat itu.
- (b) Sepanjang pengetahuan Kerajaan tidak ada setesyen-setesyen minyak yang enggan menjual minyak petrol kepada pengguna-pengguna. (Keengganan menjual minyak diesel adalah berkemungkinan oleh kerana memandangkan kepada setengah-setengah setesyen minyak kehabisan bekalan diesel).

PASUKAN POLIS HUTAN/TENTERA— LAYANAN SAMA

37. Tuan James Stephen Tibok minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandangkan bahawa anggota-anggota Polis Hutan menjalankan kerja-kerja keselamatan dan sentiasa di barisan depan apabila berlaku kekacauan dan nampaknya sekarang pegawai-pegawai Polis menjadi sasaran pembunuhan, mengapa mereka tidak diberi keistimewaan yang sama seperti pegawai-pegawai Angkatan Tentera.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pihak Kerajaan memberi layanan yang sama kepada Pasukan Polis Hutan dan Tentera.

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (MAJUIKAN)

38. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau bercadang menubuhkan sebuah "Syarikat Maju Ikan" untuk nelayan-nelayan di Negeri Melaka; jika ya, bila.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia atau MAJUIKAN dalam tahun 1971 dengan tugas-tugas yang tertentu untuk memaju dan memodenkan lagi sektor perusahaan perikanan di seluruh negeri. Oleh hal yang demikian itu, Kerajaan tidaklah perlu menubuhkan sebuah syarikat Maju Ikan khususnya di Negeri Melaka sebagai yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Melaka Selatan.

Walau bagaimanapun, MAJUIKAN sedang membuat kajian untuk mengadakan satu Rancangan Pemasaran Ikan di Negeri Melaka.

NELAYAN—RANCANGAN BANTUAN

39. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada Kementerian beliau bercadang menubuhkan suatu rancangan memberi bot-bot dan peralatan-peralatan lain untuk membantu nelayan-nelayan di Melaka; yang sekarang ini mendapati kesukaran mencari nafkah hidup harian.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kementerian Pertanian dan Perikanan mempunyai rancangan bantuan nelayan

atau subsidi untuk dilaksanakan di negeri ini bertujuan memberi bantuan kepada nelayan-nelayan yang berkelayakan untuk meninggikan taraf pendapatan mereka. Bantuan-bantuan ini diberi dalam bentuk jaring menangkap ikan ataupun separuh bayaran bagi injin-injin dalam mengikut keadaan, setelah disiasat oleh Jabatan Perikanan. Rancangan bantuan nelayan ini tidak memberi bot kepada nelayan.

PINJAMAN PERUMAHAN KAKITANGAN KERAJAAN

40. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbang menambahkan pinjaman perumahan kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan, memandangkan kepada hakikat bahawa harga rumah telah melambong tinggi.

Tun Haji Abdul Razak: Perkara ini sedang dikaji oleh Kerajaan.

TINGKATAN VI SEKOLAH MENENGAH KEAT HWA

41. Tuan Lim Pee Hung minta Menteri Pelajaran menyatakan, memandangkan bahawa keputusan peperiksaan M.C.E. tahun lalu adalah memuaskan di setengah-setengah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (China) seperti Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (China) Keat Hwa, Alor Star, samada Kementerian beliau akan menggalakkan penubuhan kelas Tingkatan VI di sekolah-sekolah tersebut.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Saya yakin Yang Berhormat bermaksud di sini ialah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan conforming dan bukan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (China). Pembukaan Tingkatan VI adalah tertakluk kepada 2 faktor yang penting iaitu:

- (a) samada sekolah-sekolah itu ada kemudahan-kemudahan yang sempurna seperti guru-guru siswazah, makmal-makmal yang lengkap, perpustakaan yang lengkap juga dan lain-lain;
- (b) bilangan murid yang layak.

Memandangkan kepada (a) dan (b) Kementerian Pelajaran telah memulakan satu kelas Tingkatan VI Bawah di Sekolah Menengah Keat Hwa, Alor Star pada tahun 1974.

PERTIKAIAN PERUSAHAAN

42. Tuan Soh Ah Teck minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan memandangkan keadaan kegelisahan buruh sekarang di negara kita dan pekerja-pekerja menghadapi kesulitan-kesulitan yang besar, dan untuk mengelakkan pertikaian perusahaan, samada beliau akan menimbang mengkaji semula setengah-setengah peruntukan Undang-undang Buruh supaya peruntukan-peruntukan ini lebih praktik dan berkesan terutama apabila undang-undang sedemikian melibatkan pengurusan dan pekerja-pekerja.

Tan Sri V. Manickavasagam: Seperti yang kerap kali telah saya terangkan dalam Dewan ini, seluruhnya undang-undang buruh, termasuk Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 yang tujuan utamanya ialah untuk menyelesaikan pertikaian-pertikaian perusahaan dan memupuk perhubungan perusahaan yang sihat, adalah sentiasa dikaji dan pindaan-pindaan akan dilaksanakan apabila dan sepertimana yang dianggap perlu demi kebaikan negara.

LESEN IMPOT KERETA

43. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) samada beliau telah menerima surat saya bertarikh 12hb Mei, 1974 dalam mana saya telah mencadangkan penubuhan sebuah suruhanjaya siasatan untuk menyiasat pemberian permit-permit AP untuk mengimpot motokar-motokar, lori-lori dan alat-alat gantian kenderaan, oleh kerana pemberian permit-permit AP tersebut disalahgunakan dengan luasnya dan telah mengayakan ramai pegawai-pegawai parti dalam parti pemerintah, khususnya UMNO sementara ramai orang yang tidak bersalah telah menderita kerana lori-lori dan motokar-motokar mereka yang dibeli dengan penuh kepercayaan, diberkas dan ditahan oleh Kastam sementara menunggu penyiasatan dan ini telah memusnahkan perniagaan mereka bukan kerana kesalahan mereka sendiri; dan

- (ii) samada beliau bercadang menubuhkan satu suruhanjaya penyiasatan untuk memastikan bahawa tiada sebarang ahli politik dalam parti pemerintah menggunakan kedudukan dalam partinya untuk mendapat keuntungan bagi dirinya.

Datuk Hussein bin Datuk Onn:

- (i) Surat Ahli Yang Berhormat itu telah diterima. Walau bagaimanapun, gambaran yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa lesen impot kereta diberi sewenang-wenangnya adalah tidak benar. Asas pengeluaran lesen impot untuk mengimpot kereta-kereta yang sudah dipakai (second-hand) telahpun saya huraikan satu persatunya di dalam jawapan saya kepada soalan Yang Berhormat Dr Chen Man Hin pada 19-7-1974.

Lesen untuk mengimpot lori-lori pula diberi kepada mereka yang mempunyai "haulage permit" yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan. Lesen mengimpot lori diberi juga kepada syarikat-syarikat yang mengendalikan perniagaan jual-beli kenderaan untuk menampung kekurangan bekalan lori di pasaran tempatan. Keutamaan diberi kepada peniaga-peniaga bumiputra yang ingin menceburkan diri dalam perniagaan lori sebagai menampung kekurangan bumiputra dalam perniagaan lori ini. Bagi lesen mengimpot motokar dan lori untuk kegunaan sendiri atau syarikat sendiri, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengenakan syarat melarangkan penukaran hakmilik kenderaan-kenderaan yang diimpot.

Adalah tidak benar bahawa pemberian permit AP telah disalahgunakan dan telah mengayakan pegawai parti dalam parti pemerintah.

Rampasan yang dibuat oleh pihak Kastam baru-baru ini adalah kerana kereta-kereta itu diimpot dengan permit palsu. Rampasan juga dibuat ke atas lori dan kereta-kereta yang telah ditukar hakmilik iaitu melanggar syarat-syarat pengimpotan.

Kerajaan memang sedar di atas kesulitan-kesulitan yang telah dialami oleh mereka yang telah menjadi

mangsa penipuan kemasukan kereta-kereta dan lori-lori ini. Berasaskan kepada kesedaran inilah maka pihak-pihak berkenaan akan cuba sedaya upaya mempercepatkan penyelesaian kes-kes ini supaya kesulitan ini dapat diatasi.

- (ii) Oleh kerana pemberian lesen berasas kepada lunas-lunas tertentu dan diberikan kepada golongan yang memenuhi syarat yang dikenakan dan rampasan dibuat berasaskan kepada undang-undang, maka soal penubuhan suruhanjaya penyiasatan untuk menyiasat pemberian lesen-lesen AP tidaklah timbul.

WARGANEGARA MALAYSIA KE CHINA—SEKATAN

44. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memandangkan perhubungan diplomatik dengan China, dapatkah beliau mempertimbangkan:

- supaya warganegara Malaysia dibenarkan berhijrah ke China tanpa sebarang sekatan;
- adakah beliau akan membenarkan kemasukan barang-barang perdagangan China ke Malaysia tanpa sebarang sekatan; dan
- adakah beliau akan membenarkan pembukaan semula Bank China.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- Perkara ini telah saya terangkan ketika menjawab soalan No. 10 pada 17hb Julai, 1974.
- Pengimpotan barang-barang dari negeri China tidak dikenakan sekatan apa-apa dan hanya menghendakkan ianya disalurkan melalui Pemas selaras dengan dasar Kerajaan supaya Pemas menjadi wakil tunggal dalam perdagangan luar Malaysia/China.
- Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Bank, 1973 tidak membenarkan mengeluarkan lesen kepada mana-mana bank dalam mana lebih 50 peratus daripada modal dibayar dimiliki oleh sebuah Kerajaan Asing dan Bank China termasuk dalam kategori ini.

TANGGAGAJI BARU ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

45. **Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa tanggungjawab baru bagi anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia yang disyurkan oleh Lapuran Tan Sri Sheikh Abdullah itu tidak memuaskan; dan
- (b) samada beliau akan menubuhkan Lembaga Penasihat yang mengandungi pegawai-pegawai awam dan pegawai-pegawai yang berpengalaman dari Angkatan Tentera untuk mengulangkaji dan mengadakan tanggagaji baru.

Menteri Pertahanan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Perakuan-perakuan Jawatankuasa Tan Sri Sheikh Abdullah mengenai tanggagaji, elaun-elaun, pencen, ganjaran dan lain-lain syarat perkhidmatan anggota-anggota Angkatan Tentera telah diluluskan oleh Kerajaan dan dilaksanakan dalam bulan Ogos, 1972. Seperti juga lapuran-lapuran Suruhanjaya-suruhanjaya/Jawatankuasa-jawatankuasa Gaji yang lain mungkin terdapat juga beberapa "anomalies" dalam Lapuran Jawatankuasa Tan Sri Sheikh Abdullah itu dan Kementerian Pertahanan bersama-sama dengan jabatan-jabatan lain yang bersangkut-paut iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan telahpun mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengkaji samada terdapat juga "anomalies" dalam Lapuran itu dan mencari jalan menyelesaikannya jika didapati ada. Oleh hal yang demikian, saya tidak bercadang melantik sebuah Badan Penasihat untuk mengkaji perkara ini seperti yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

M.C.A.—PEGAWAI GUNAKAN PISTOL

46. **Tuan Ng Hoe Hun** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) samada benar bahawa pada 23hb April, 1969, seorang pegawai seranta M.C.A. telah menggunakan sepucuk pistol dengan tujuan membunuh dua orang lelaki bernama Ong Leong Huat dan Phua Lian Tee di Market Road, Taiping, jika ya, adakah apa-apa tindakan yang telah diambil terhadap orang ini;
- (b) apa sebab kes ini tidak dibawa ke mahkamah;

(c) bilakah pegawai tersebut akan didakwa di mahkamah; dan

(d) siapakah nama dan apa alamat pegawai ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Siasatan Polis telah menunjukkan yang anggapan dalam pertanyaan di atas bahawa senjata tersebut digunakan dengan tujuan membunuh dua orang lelaki itu adalah tidak benar sama sekali.
- (b) Kes ini tidak dibawa ke mahkamah oleh kerana keterangan-keterangan yang ada tidak mengizinkan.
- (c) Soalan ini tidak timbul.
- (d) Nama orang yang berkenaan itu ialah Chua Ah Bah yang beralamat di No. 165 atau 197, Market Road, Taiping.

BUMIPUTRA DI UNIVERSITI MALAYA—PERATUS

47. **Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada menjadi dasar Kerajaan untuk menambah peratus penuntut-penuntut bumiputra di Universiti Malaya kepada 52%, jika ya, berapa peratus pula pengambilan penuntut-penuntut dari keturunan China dan India.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tidak. Walau bagaimanapun seperti yang telah saya nyatakan dalam jawapan saya terdahulu bahawa pengambilan penuntut-penuntut di Institusi Pelajaran Tinggi hendaklah seberapa yang boleh mencerminkan keadaan rakyat berbilang kaum di negara ini.

MAJUIKAN—RANCANGAN PENANGKAPAN IKAN

48. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa semasa majlis dialog di Sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris) Bayan Lepas dalam tahun 1973, beliau pernah berjanji dengan nelayan-nelayan di Telok Kumbar bahawa Kerajaan akan memberi 10 buah bot kepada nelayan-nelayan di Telok Kumbar dan Sungai Batu dan jika ya, bilakah bot itu akan diberikan kepada mereka; dan

- (b) bilangan bot-bot yang telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada nelayan-nelayan di Pulau Pinang hingga hari ini.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Jawapan kepada soalan-soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

- (a) Dalam Majlis dailog yang diadakan di Sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris) Bayan Lepas yang tersebut saya telah membuat kenyataan meng ai kemungkinan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia atau MAJUIKAN melancarkan rancangan penangkapan ikan mengandungi 10 buah bot di Pulau Pinang. Kajian perlu dibuat oleh MAJUIKAN untuk menentukan samada rancangan yang sedemikian itu boleh memberi keuntungan dan mendatangkan faedah kepada nelayan-nelayan termasuk nelayan-nelayan di Telok Kumbar dan di Sungai Batu. Bot-bot akan dibina oleh MAJUIKAN apabila ia telah puashati dengan sambutan dan persediaan oleh nelayan-nelayan yang akan mengambil bahagian dan sekiranya itu akan memberi faedah. Syarat-syarat yang tersebut itu belum selesai untuk MAJUIKAN melancarkan satu sekim yang berkenaan di Telok Kumbar ataupun di Sungai Batu.

- (b) Tak ada.

PELADANG-PELADANG

49. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau mempunyai rancangan untuk mengkaji keadaan hidup peladang-peladang yang telah dipindahkan dari kampung mereka oleh Kerajaan Pulau Pinang untuk menjadikan Kampung mereka itu kawasan perindustrian.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kementerian Pertanian dan Perikanan tidak ada mempunyai rancangan. Walau bagaimanapun saya telah diberi maklum oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa Kerajaan itupun tidak ada mempunyai rancangan untuk mengkaji keadaan hidup peladang-peladang yang dimaksudkan itu. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberi peladang-peladang yang menanam padi yang telah diambil tanahnya itu tapak-tapak rumah di Batu Maung. Peluang

kerja di kilang-kilang telah juga ditawarkan kepadanya. Kepada peniernak-penternak babi dari kawasan yang telah diambil itu satu tempat telah disediakan bag.nya di Gertak Sanggol.

RAPAT UMUM FRONT KEBANGSAAN DI KELAB SELANGOR

50. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada rapat umum yang diadakan di padang Kelab Selangor pada 2hb Jun, 1974 adalah untuk orang ramai ataupun untuk ahli-ahli Front Kebangsaan sahaja, dan sekiranya rapat umum tersebut diadakan untuk ahli-ahli Front Kebangsaan, adakah bayaran sewa dibuat kepada Kelab Selangor kerana menggunakan kawasannya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Rapat Umum yang diadakan pada 2hb Jun, 1974 adalah diadakan untuk seluruh rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum atau aliran politik untuk menerangkan hasil-hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China. Pengumuman berkenaan dengan rapat umum itu telah dibuat melalui alat sebaran am. Soal pembayaran tidak berbangkit oleh kerana pihak Kelab Selangor bersetuju kawasan padang digunakan untuk kepentingan negara.

MINYAK PETROL—HARGA

51. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Kewangan memandangkan harga-harga minyak petrol yang tinggi yang melibatkan rakyat kalangan pekerja, nyatakan samada beliau sedia mengecualikan duti yang dikenakan ke atas tambahan minyak petrol antara perbezaan harga-harga baru dan lama.

Tun Haji Abdul Razak: Pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu tidaklah begitu jelas kepada saya. Seperti tertulis nampaknya maksud beliau ialah samada Kerajaan dapat mengecualikan duti-duti yang dikenakan atas kenaikan harga minyak petrol. Suka saya menjelaskan bahawa duti-duti impot dan eksais yang dikenakan atas minyak petrol ialah secara kadar specific iaitu duti impot sebanyak \$1.40 segelen dan duti eksais sebanyak \$1.30 segelen. Oleh kerana duti-duti ini dikenakan berdasarkan kuantiti dan bukan

mengikut nilai atau ad valorem, maka kenaikan harga minyak petrol itu telah tidak membawa sebarang kenaikan dalam duti-dutinya.

MINYAK PETROL— KENAIKAN HARGA

52. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar selepas kenaikan harga-harga minyak petrol, sebuah syarikat minyak telah mengumumkan di dalam akhbar-akhbar tempatan bahawa keuntungannya telah bertambah berbanding dengan keuntungan tahun lepas; jika ya, bolehkah beliau menerangkan bagaimana dan dengan cara apa beliau membuat kesimpulan memersetujui kenaikan harga-harga minyak petrol.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Pengumuman yang dibuat itu adalah mengenai syarikat-syarikat minyak antarabangsa. Oleh yang demikian, pengumuman itu tidak melibatkan syarikat-syarikat minyak tempatan. Walau bagaimanapun Shell Refining Company (F.O.M.) Berhad, sebuah syarikat menapis minyak tempatan ada membuat pengumuman tentang kedudukan keuntungan syarikat itu. Berdasarkan akaun yang telah diudit bagi tahun 1973 yang berakhir pada 31hb Disember, kemasukan (intake) minyak mentah dan "feedstocks" untuk diproses dan dicampur "blending" menunjukkan 5% lebih rendah dari tahun 1972. Pendapatan bersih selepas dipotong cukai ialah M\$5,876,000 dan ini adalah 7% lebih rendah dari tahun 1972 yang mana syarikat itu telah mendakwa disebabkan mereka tidak mendapat semula dari pasaran kos minyak mentah dan "feedstocks" yang dibeli dengan harga yang tinggi. Juga mereka mendakwa kos operasinya adalah lebih tinggi dari tahun 1972.

Persetujuan dicapai mengenai kenaikan harga-harga minyak petrol berdasarkan kenaikan harga minyak mentah keseluruhannya lebih kurang sebanyak 200% pada dua ketika iaitu pada 16hb Oktober, 1973 dan 1hb Januari, 1974.

MINYAK—MEMILIKNEGARAKAN PENGELUARAN/PENAPISAN

53. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada perlu diubuhkan satu jawatankuasa Par-

limen bagi mengkaji bagaimana cara-cara yang baik untuk memiliknegarakan pengeluaran dan penapisan minyak memandangkan bahawa syarikat-syarikat luar negeri lebih mementingkan keuntungan yang besar daripada membekalkan minyak yang murah kepada rakyat.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Memiliknegarakan pengeluaran dan penapisan minyak mestilah dikaji dengan teliti sebelum mengambil sesuatu tindakan. Kita patutlah mengkaji sedalam-dalamnya "impact" dan "repercussions" tindakan ini terhadap imej Malaysia. Usaha Malaysia selama ini untuk menarik pelaburan asing akan terjejas apabila kita mengambil tindakan yang sedemikian. Adalah dijangka bahawa keadaan mungkin berubah apabila Kerajaan sendiri akan mengambil bahagian dalam proses mencarigali, pengeluaran dan penapisan minyak kelak menerusi Perbadanan Petrolia Nasional (PETRONAS).

MAS—PERJANJIAN UDARA DENGAN NEGARA-NEGARA ISLAM

54. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perhubungan menyatakan samada pihak MAS bercadang hendak:

- (a) mengadakan perjanjian penerbangan dengan negara-negara Islam terutamanya dengan Arab Saudi dan Republik Arab Mesir; dan
- (b) memulakan penerbangan sewa khas bagi pelajar-pelajar dan rakyat Malaysia yang menetap di negara-negara tersebut untuk membolehkan mereka pulang ke tanahair pada masa cuti.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):

- (a) Kerajaan Malaysia telahpun menyelesaikan Perjanjian-perjanjian Perkhidmatan Udara dengan Negara-negara Islam iaitu Saudi Arabia, Jordan, Kuwait dan Lebanon. Perjanjian Udara dengan Negara Republik Arab Mesir belum lagi diadakan dan ada kemungkinan bahawa perjanjian udara dengan Negara itu dan Iraq akan diadakan tidak berapa lama lagi.
- (b) Apabila Syarikat MAS merancang untuk mengadakan perkhidmatan penerbangannya ke Negara-negara Islam Asia Barat, Syarikat itu akan

memberi pertimbangan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan tambang murah bagi penuntut-penuntut Malaysia yang ada di Negara-negara itu.

KETUA POLIS NEGARA— PEMBUNUHAN

55. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada pembunuhan kejam ke atas Ketua Polis Negara baru-baru ini menandakan tektik baru pergerakan komunis Malaysia untuk menumpukan keganasannya di bandar-bandar setelah gagalnya usaha mereka mencapai tujuan mereka di hutan berikutan dengan tertubuhnya hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat China.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Siasatan ke atas pembunuhan kejam bekas Ketua Polis Negara masih lagi dijalankan.

YAYASAN PENGAJIAN TINGGI ISLAM KELANTAN

56. Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan berikutan dengan penyerahan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (Y.P.T.I.K.) kepada Universiti Kebangsaan adakah Kerajaan Pusat telah membuat sebarang keputusan mengenai taraf Y.P.T.I.K. sebelum daripada tarikh Pengambilan alih itu. Adakah Ijazah itu akan di nilai setaraf dengan Ijazah Universiti Al Azhar atau mana-mana pusat pengajian tinggi yang diiktiraf.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Kerajaan Pusat tiada membuat sebarang keputusan mengenai taraf Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (Y.P.T.I.K.) sebelum ianya dijadikan sebagai Cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia. Soal memberi nilai Ijazah yang dikeluarkan oleh Y.P.T.I.K. sebelum pengambilan alih itu tidak berbangkit.

UNIVERSITI MALAYA— PENGAMBILAN PENUNTUT

57. Raja Nong Chik bin Raja Isbak minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa peratuskah dikhaskan untuk murid-murid masuk ke Universiti Malaya mengikut kaum :

- (a) Bumiputra;
- (b) Kaum Cina; dan
- (c) Kaum India dan lain-lain.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Universiti Malaya tidak mengamalkan sistem quota bagi pengambilan penuntut-penuntut ke Universiti tersebut. Tetapi pengambilannya seberapa boleh mencerminkan keadaan rakyat—berbilang kaum di negara ini.

KESATUAN SEKERJA— PENYELESAIAN PERUNDINGAN

58. Dr A. Soorian minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada benar pada 20hb Mac, 1974 dalam satu persidangan antara majikan dan pekerja-pekerja Federal Hotel, Kuala Lumpur, beliau telah menghasut majikan menutup Hotel itu dan mengurangkan buruh; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa penghasutan antiburuh tidak akan berlaku lagi di masa hadapan; dan
- (b) samada benar beliau telah mengugut hendak mengeluarkan Kesatuan dari pendaftaran jika mereka tidak mahu bertolak ansur atas syarat-syarat yang ditetapkan oleh beliau yang berat ke sebelah majikan Hotel; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa ugutan anti-kesatuan tidak berlaku lagi di masa hadapan.

Tan Sri V. Manickavasagam:

- (a) Tiada perbuatan menghasut telah dilakukan, seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson itu.
- (b) Tiada ugutan-ugutan yang anti-kesatuan sekerja telah dilakukan, seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson itu. Dibalikannya, kedua-dua pihak telah dinasihatkan supaya mempercepatkan penyelesaian perundingan bersama mereka, supaya perjanjian bersama itu dapat ditandatangani dengan awal, yang akan menentukan terjalannya perhubungan yang lebih aman di antara majikan dan pekerja-pekerja di tempat pekerjaan tersebut. Pihak-pihak tersebut telah menerima nasihat tersebut dan satu perjanjian bersama telah pun ditandatangani pada 30hb Mac, 1974.

ELAUN BANTUAN KHAS PESARA-PESARA SARAWAK

59. Datuk James Wong Kim Min minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah Elaun Bantuan Khas bagi pesara-pesara tidak lagi dilanjutkan ke Sarawak dan bilakah bayaran pertama kepada pesara-pesara di Sarawak akan dibuat.

Perdana Menteri: Elaun Khas bagi pesara-pesara adalah meliputi seluruh Malaysia. Bayaran di Sarawak telahpun dibuat pada 28hb Jun, 1974.

KETUA POLIS NEGARA— PEMBUNUHAN

60. Tuan V. Veerappen minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan perbezaan dalam kenyataan yang dibuat oleh beliau dan kenyataan yang dibuat oleh Pemangku Ketua Polis Negara mengenai pembunuhan K.P.N. samada beliau boleh menjelaskan kedudukan yang sebenar.

Perdana Menteri: Sebenarnya tidak ada perbezaan di antara kenyataan akhbar saya dengan kenyataan akhbar yang dibuat oleh Pemangku Ketua Polis Negara.

Oleh itu, perkara yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah timbul.

BANK OF CHINA

61. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan membenarkan Bank of China ditubuhkan semula di Malaysia untuk memastikan perhubungan perdagangan yang lebih rapat di antara kedua-dua negara, dan nyatakan samada perkara ini telah dibincangkan semasa lawatan beliau selama enam hari ke negara China, dan jika ya, dengan siapa dan juga berikan butir-butirnya.

Perdana Menteri: Perkara ini tidak dibincangkan. Soal kebenaran bagi Bank of China ditubuh di Malaysia tidak timbul pada masa ini.

BONOS TAHUNAN PEKERJA-PEKERJA

62. Tuan V. David bertanya kepada Perdana Menteri adakah Kerajaan akan mempertimbangkan permintaan pekerja-pekerja Kerajaan untuk mendapatkan bonos

tahunan dan 13 bulan gaji setiap tahun kerana terdapat beberapa bulan yang mempunyai 31 hari.

Perdana Menteri: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, soal membayar bonos tahunan dan 13 bulan gaji setiap tahun kepada pekerja-pekerja Kerajaan adalah perkara dasar yang besar kerana ia melibatkan wang yang banyak serta menyetujui Kerajaan-kerajaan Persekutuan, Negeri-negeri dan Badan-badan Berkanun. Oleh hal yang demikian, perkara-perkara itu perlulah dikaji dengan teliti dan dari semua segi. Apabila selesai kajian itu, Kerajaan akan membuat keputusannya.

PERJALANAN BEBAS KE CHINA

63. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan tertubuhnya hubungan diplomatik dengan Negeri China:

- (a) samada Kerajaan akan membenarkan warganegara Malaysia untuk membuat perjalanan bebas ke Negeri China; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masaalah 300,000 orang yang bukan warganegara dalam negara ini.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak):

- (a) Perkara ini telah saya terangkan dalam jawapan pada 17hb Julai, 1974.
- (b) Perkara ini telah diterangkan di dalam Kenyataan saya pada 17hb Julai, 1974.

ASIA TENGGARA— KONSEP PENGECUALIAN

64. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hasil lawatan beliau ke negeri China baru-baru ini dan samada konsep berkecuali bagi Asia Tenggara telah dirundingkan di sana; dan
- (b) bagaimana Negara China mengamalkan disiplin yang teratur terhadap rakyatnya sehingga beliau tertarik hati.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) Satu daripada hasil lawatan rasmi saya ke Republik Rakyat China ialah persetujuan bersama tentang penubuhan perhubungan diplomatik. Butir-butir

lain terkandung di dalam Kenyataan Bersama yang mana saya rujukan kepada Ahli Yang Berhormat.

Dalam perbincangan saya dengan Perdana Menteri Chou En-lai, beliau telah menyatakan simpati serta sokongan terhadap konsep Pengecualian Asia Tenggara yang saya terangkan kepadanya itu.

- (b) Perkara ini adalah perkara dalam negeri RRC sendiri dan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, RRC adalah negara Kominis dan amalan tata-tertib adalah sebahagian dari sistem kominis.

JAMBATAN PULAU PINANG— PROVINCE WELLESLEY

65. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bila jambatan menghubungi Pulau Pinang dan Province Wellesley akan dibina.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Jawapan kepada soalan yang sama telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga di dalam masa soal-jawab pada 19hb Julai, 1974.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1973 DAN 1974)

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN 1973 DAN 1974

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (19hb Julai, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.
(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Jawatankuasa)

JADUAL PERTAMA

Kepala B. 28 (Jadual Pertama)

Kepala P. 28 (Anggaran Pembangunan
(Tambahan) (Bil. 3), 1973)

3.45 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan B. 28 sejumlah \$9,331,195 dan P. 28 sejumlah \$10 diluluskan di Dewan ini. Sebab-sebab belanjawan tambahan peruntukan tambahan ini telahpun dijelaskan di Kertas Perintah 7 yang telah dibentangkan di Dewan ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

3.47 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan): Tuan Pengerusi, saya bangun mengambil kesempatan bercakap sedikit mengenai Kepala B. 28 ini. Sudah tidak dinafikan lagi Perkhidmatan Luarbandar kita adalah paling indah dalam dunia sebelah sini dan inilah satu hakikat yang patut kita banggakan sebagai rakyat Malaysia. Akan tetapi saya penuh yakin bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita yang rajin itu tidak akan kecil hati sekiranya saya menyentuh satu perkara sahaja yang telah timbul dalam fikiran saya pada saat ini.

Soalnya itu ialah Pusat Kesihatan Kecil di Pulau Pangkor, Sitiawan. Bilangan rakyat yang berbilang bangsa di sebelah sana kian bertambah dan Pusat itu telah tidak mencukupi lagi untuk merawat penduduk-penduduk pulau nelayan yang juga kian masyor kerana keindahan pantai-pantai semula jadi dari segi pelancungan.

Baru-baru ini Kementerian Kesihatan telahpun mengarahkan supaya seorang doktor menambahkan lawatannya dari sekali seminggu hingga tiga kali seminggu kerana rayuan yang telah dibuat oleh orang ramai di sana. Langkah cepat ini yang telah diambil oleh Kerajaan adalah sangat-sangat dihargai dan bagi pihak orangramai di Pulau Pangkor, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kita. Walau bagaimanapun, langkah ini mungkin satu stop-gap-measure sahaja dan orang ramai di sana sangatlah berharap supaya taraf Pusat Kesihatan Kecil yang ada itu dinaikkan supaya seorang doktor ditempatkan di sana demi untuk kebajikan kesihatan mereka. Hanya dengan itulah mereka akan mengelakkan diri

mereka daripada kesulitan yang kerap timbul daripada kemalangan dan kecemasan yang tidak berbau itu. Seperti semua orang ramai sebelah sana tahu bot ambulan yang berkhidmat di Pulau Pangkor untuk kejar pesakit-pesakit cemas ke tanah besar Lumut sangat lapuk dan tidak sesuai sebagai bot ambulan yang patut berenjin kuasa besar serta laju. Dengan menempatkan seorang doktor di Pulau Pangkor nanti masalah secondary seperti bot ambulan itu akan lenyap secara automatic. Saya harap Yang Berhormat Menteri kita mengambil perhatian atas perkara ini.

3.41 ptg.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Pengerusi, saya juga ingin bercakap mengenai dengan Kementerian Kesihatan ini.

Yang pertama, saya ingin menyebutkan bahawa sistem perubatan dalam negara kita ini memanglah nyata kepada kita bahawa di bandar-bandar besar kita mengadakan hospital besar dan di kawasan-kawasan pendalaman kita mengadakan Pusat-pusat Kesihatan Kecil dan di tempat-tempat yang lebih jauh boleh jadi ada Pusat Kesihatan yang lebih kecil lagi. Di tempat-tempat bandar besar yang ada hospital besar kita menempatkan doktor-doktor yang ramai, kemudian di kawasan pendalaman yang diadakan Pusat-pusat Kesihatan Kecil itu dikurangkan doktor-doktor yang begitu mahir. Selain daripada itu, masalah yang paling berat yang saya pandang, tentulah pihak Kerajaan tidak dapat hendak menempatkan kedudukan doktor ataupun pakar-pakar seperti apa yang diadakan di tempat-tempat yang besar, tetapi kalau dari segi perubatan, dari segi ubat, tentulah pihak Kerajaan tidak dapat membezakan kedudukan ubat bagi hospital besar dengan Pusat-pusat Kesihatan Kecil.

Saya pernah menerima pengaduan daripada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan pendalaman apakala mereka pergi di Pusat Kesihatan Kecil menemui penolong-penolong kepada doktor, mereka mendapat ubat-ubat yang tidak memuaskan, tetapi apakala mereka berjumpa dengan doktor yang berada di hospital-hospital besar, maka mereka mendapat jenis ubat yang lain. Kadang-kadang mereka pergi ke Pusat Kesihatan Kecil ubatnya tidak ada, apabila pergi ke Hospital Besar ada pula ubatnya.

Pada hemat saya orang yang paling banyak menerima ataupun diserang oleh penyakit tentulah mereka yang tinggal di kawasan pendalaman. Saya rasa bagi mereka yang tinggal di kawasan pendalaman tidak harus kita membiarkan mereka untuk mendapat rawatan yang baik sehingga terpaksa pergi kepada kawasan-kawasan yang jauh daripada tempat mereka. Apa yang saya harap kepada Kementerian yang berkenaan supaya di kawasan-kawasan pendalaman itu mengadakan stok-stok ubat yang mencukupi supaya rakyat tidak mengatakan di dalam Malaysia kita ini masih ada kelas-kelas di dalam sistem mengubat orang yang sakit. Walau bagaimanapun, saya berpuashati di atas apa yang berjalan selama ini di dalam perkara-perkara yang lain, terutama di kawasan saya tentang pesatnya kemajuan hospital yang ada sekarang ini.

3.44 ptg.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Sitiawan berkenaan dengan menaikkan taraf Pusat Kesihatan Kecil kepada Pusat Kesihatan Besar di Pulau Pangkor itu telah dikaji oleh Kementerian saya, dan sekarang Kementerian saya telah bersetuju bahawa Pusat Kesihatan Kecil ini akan dinaikkan tarafnya sebagai Pusat Kesihatan Besar pada masa yang akan datang. Tindakan-tindakan yang sepatutnya telah diambil oleh Kementerian saya.

Soalan yang kedua, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut, saya boleh memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa tindakan-tindakan boleh diambil untuk mengatasi kesulitan-kesulitan supaya ubat-ubat yang sesuai akan diberikan kepada Pusat-pusat Kesihatan Kecil dan sebagainya di seluruh tanahair kita. Ini saya boleh memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$9,331,195 untuk Kepala B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$10 untuk Kepala P. 28 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1973.

3.45 ptg.

Kepala B. 35 (Jadual Pertama)

Kepala P. 36 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1974

Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus Ketiga, 1973 mengikut Kepala B. 35—Kementerian Penerangan sebanyak yang telah diterangkan di dalam Kertas Perintah yang berkenaan dan juga Kepala Pembangunan (Tambahan) (Pertama), 1974 Kepala P. 36—Jabatan Penyiaran seperti yang dinyatakan di dalam Kertas Perintah tersebut adalah dipohon untuk diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,372,673 untuk Kepala B. 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$30 untuk Kepala P. 36 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1973.

Kepala B. 38 dan B. 40 (Jadual Pertama)

3.40 ptg.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1973 di bawah Kepala B. 38—Pegum Negara sebanyak yang telah diterangkan di dalam Kertas Perintah yang berkenaan dan juga di bawah Kepala B. 40—Jabatan Kebankrapan sebanyak yang diperuntukkan seperti yang diterangkan dalam Kertas Perintah yang berkenaan untuk diluluskan.

3.50 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dengan ringkas sahaja kepada Kepala B. 38—Jabatan Pegum Negara, dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga mana-mana yang sesuai.

Saya telah tertarik kepada satu kemungkinan mogok oleh Jurubahasa-jurubahasa Mahkamah kita di Malaysia yang tersiar di suratkhbar tertentu baru-baru ini. Kononnya, mereka telah mohon supaya tuntutan menaikkan gaji ditimbang dengan teliti serta adil. Setahu saya, antara lain, adalah dua perkara yang penting dalam hal ini yang harus diperhatikan oleh Kerajaan dengan segera sekiranya gangguan besar

dalam penyelenggaraan keadilan dalam mahkamah seluruh Semenanjung akan dielakkan.

Pertama, tangga gaji bulanan Jurubahasa Mahkamah kita belum dikaji semula oleh Kerajaan sejak lebih kurang 24 tahun yang lalu.

Kedua, taraf pensen, elaun bahasa yang ahli-ahli Jurubahasa kita telah menang melalui peperiksaan rasmi telah ditarik balik oleh Kerajaan. In other words, they have lost the pensionable status for language allowances which they have won by hard work and official examinations.

Tuan Pengerusi, setahu saya Persatuan Jurubahasa pun telah membuat surat kepada Kerajaan baru-baru ini yang telah membawa katadua (ultimatum) kepada Kerajaan yang menyatakan tindakan mogok akan dijalankan mulai 11hb Ogos tahun ini, sekiranya tuntutan-tuntutan tertentu tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan.

Kandungan halus dalam pertikaian antara Persatuan dan Kerajaan tidak saya akan sebutkan. Apa yang ingin saya kemukakan kepada Dewan ini amnya dan kepada Yang Berhormat Pegum Negara kita khususnya, ialah betapa perlunya syarat-syarat perkhidmatan Jurubahasa-jurubahasa kita diperbaiki bukan sahaja selaras dengan taraf hidup yang kian melambung itu, tetapi juga selaras dengan kelayakan tinggi yang mesti dipunyai oleh tiap-tiap ahli Jurubahasa supaya calon-calon yang berkalibar sahaja akan ditarik masuk ke cawangan perkhidmatan Mahkamah yang penting itu, dan juga Jurubahasa-jurubahasa berkalibar yang sedang berkhidmat dalam mahkamah-mahkamah kita tidak akan berikhtiar hendak memisah diri dari perkhidmatan penting itu, untuk mencari padang-padang rumput yang lebih hijau ataupun mencari pekerjaan-pekerjaan lain yang lebih mewah serta memuaskan.

Tuan Pengerusi, jawatan Jurubahasa-jurubahasa Mahkamah kita bukan sahaja penting, tetapi sebab ia penting, maka taraf alihbahasa masa bertugas mereka pasti sentiasa tinggi, supaya penyelenggaraan keadilan kita dapat terus dijalankan dengan lancar serta licin. Jika perlu, tanyalah jurubahasa Serentak Dewan yang mulia ini tentang kesukaran tugas alihbahasa mereka, kalau perkataan-perkataan tepat dan betul dapat dicari dan digunakan saat itu juga.

Saya sendiri mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan tentang apa yang perlu dari segi kelayakan oleh ahli-ahli Jurubahasa Mahkamah kita. Semua pegawai-pegawai yang terlibat dalam kewajipan menjalankan tugas-tugas keadilan baik Yang Arif Tuan Hakim, Tuan Pendaftar, Tuan Pendakwa ataupun Peguam-peguam yang hadir berbicara tiap-tiap hari di Mahkamah kita, tidak dapat tidak, mengaku betapa pentingnya Jurubahasa-jurubahasa yang cerdek pandai dikekalkan untuk perkhidmatan keadilan kita yang cemerlang itu.

(*Dengan izin*) Sir, it is not too much to say, from personal knowledge, that court interpretation like all other branches of interpreters' work, is, in the nature of things, both a science and an art, and unless something is done to improve the lot of our Court Interpreters, good men and women will continue to look for greener pastures outside the Interpreters' Service to its ultimate and grave detriment. Twenty four years is a long time to wait. One whole generation of Court Interpreters could have come and gone.

Saya merayu kepada kerajaan kita bukan seolah-olah saja bagi kepentingan Jurubahasa-jurubahasa kita itu, tetapi yang lebih pentingnya kerana kepentingan mahkamah kita supaya ianya akan terus menjadi lambang dan pelita keadilan kita selamalamanya.

3.56 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, sebenarnya atas perkara B. 38—Jabatan Peguam Negara dan P. 40—Jabatan Kebankrapan, Yang Berhormat wakil dari Sitiawan tadi menyebutkan perkara-perkara yang berbangkit mengenai gaji dan elaun Jurubahasa atau Interpreters yang bukan di bawah Kementerian saya. Mahkamah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Walaupun begitu, segala teguran yang diberikannya itu akan kita ambil perhatian dan akan disampaikan kepada Kementerian yang berkuasa.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$213,075 untuk Kepada B. 38 dan \$52,000 untuk Kepada B. 40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Kepala B. 48 (Jadual Pertama)

Kepala-kepala P. 44, P. 47 dan P. 49 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1974.

3.58 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu peruntukan wang sebanyak \$148,000 di bawah Kepala B. 48 Pecahan-kepala 1100—Jabatan Percetakan menjadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1973 dan 1974. Saya juga mohon supaya Anggaran Tambahan Perbekalan Pembangunan (Bil. 1) tahun 1974 yang berjumlah \$250,010 di bawah Kepala P. 44 Pecahan-kepala 61—Majlis Perbandaran Melaka. \$140,000 di bawah Kepala P. 47 Pecahan-kepala 3—Arkib dan Perpustakaan Negara \$110,000; dan di bawah Kepala P. 49 Pecahan-kepala 3—Pejabat Percetakan \$10 diluluskan oleh Dewan ini.

Sebab-sebab peruntukan tambahan di atas dikehendaki telah dijelaskan di dalam Kertas Perintah No. 10 tahun 1974 di muka 5 dan Kertas Perintah No. 4 Tahun 1974 di muka 19.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

4.00 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): (*Dengan izin*) Mr Chairman. Sir, I refer to Kepala P. 44 in connection with the increased allocation for the improvements of main drainage in the Malacca Municipality. I support this request, and I would like to take this opportunity to bring to the knowledge of the Minister that in the Malacca town there are many areas where there is a very deplorable drainage system creating problems of health and hygiene, of sanitation and of healthy surroundings, especially for the slum areas in Malacca town which as a problem is a national problem. The poor live in the slum areas and they are mostly squatter areas and it is in these areas where the problems of drainage, of healthy surroundings are the most acute and it is in these areas that the Government must make the most special effort to ensure that there is a proper drainage system, that the drains are not clogged up for weeks and months on end with

stagnant water and making the people there stay in very unhygienic and non-sanitary conditions.

Therefore, I would put forward a proposal to the Honourable Minister that in making this provision for this increased allocation, to advise the Malacca Municipality to draw up a programme whereby all the slum areas in the town proper itself, in the Municipality itself, where there is no proper system, to provide drains and to see that they are properly cleared and properly maintained from the point of view of hygiene and from the point of view of sanitation. If there is a programme whereby, say, by the next 5 years or next 8 years, all the slum areas will have proper drains, then I am sure this will bring about an improved quality of life, improved environment for the people in Malacca town. I hope that the Honourable Minister can take note and put forward my proposal to the proper authorities.

4.02 ptg.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, peruntukan ini sebahagian sahaja daripada peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kedua untuk Bandar Melaka, jadi Kerajaan telah sedar akan kerumitan-kerumitan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka. Perhatian telah diambil atas masaalah-masaalah perparitan dalam Majlis Bandaran Melaka dan kerana itulah ada dikemukakan kepada Dewan ini peruntukan untuk tahun ini.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$148,000 untuk Kepala B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$140,000 untuk Kepala P. 44 \$110,000 untuk Kepala P. 47 dan \$10 untuk Kepala P. 49 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1974.

Kepala P. 50 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1974)

4.04 ptg.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membentangkan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama P. 50 bagi Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa sebanyak \$2.5 juta.

Peruntukan ini adalah dikehendaki oleh Persatuan Peladang untuk membiayai perbelanjaan seperti berikut:

- (i) \$1 juta untuk perusahaan-perusahaan pertanian seperti mendirikan kilang-kilang memproses hasil-hasil pertanian. Antaranya kilang memproses markisa, koko, kacang tanah, kopi, memproses hasil-hasil ternakan dan lain-lainnya;
- (ii) \$720,000 untuk kejenteraan ladang dan kenderaan bagi membantu Pertubuhan-pertubuhan Peladang termasuk Syarikat-syarikat Kerjasama dan Persatuan-persatuan Peladang memperoleh trektor-trektor, lori dan lain-lain kenderaan bagi memperluaskan usaha-usaha pemasaran;
- (iii) \$400,000 untuk modal pemasaran bagi membantu Pertubuhan-pertubuhan Peladang di dalam usaha-usaha memasarkan hasil-hasil pertanian seperti kacang tanah, jagung, ternakan dan lain-lain; dan
- (iv) \$380,000 untuk projek ternakan ayam. Projek ini akan dimajukan oleh Persatuan Peladang Kebangsaan dengan usaha bersama Persatuan Peladang Kawasan untuk mengeluarkan hasil-hasil pertanian.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

4.07 ptg.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) Sir, the development of the rural areas of Malaysia is of vital importance to the overall national development of the country. It is therefore extremely heartening to see the great emphasis which has been placed on the development not only of the traditional kampung areas but also of the new villages and the estate areas in Malaysia. In particular, Sir, I would like to urge that in regard to the many fishing villages in the countryside and also the kampungs which require attention in this respect, we should get our State Engineers, State Architects and State Town Planners to keep a comprehensive record of all the kampungs and fishing villages in every State. In other words, a plan should be made of every house, of every village, of every kampung in this country not for record purposes, which will be very useful, but also for publication

in book form to inform the people in this country and also the outside world, people who are always looking for information about our rural life. Then you will also be able to identify the areas of improvement which have got to be made in respect of better roads, better drainage, sewerage system, water supply and so on.

Sir, I believe the existing traditional kampungs and fishing villages contain many useful lessons in terms of town planning and in terms of traditional architecture. The houses have been designed for the tropical climate using very basic natural materials and the arrangements of the buildings have been made in such a way to suit the traditional culture of our people and the way of life of our people and this could form the basis of our own town planning theories and concepts which I hope our own planners would work out so that, in time to come, we will be able to create something of our own especially with the very rapid urbanisation programme which is taking place all over Malaysia, so that in time to come, we will really develop something distinctively of our own. Not only that, Sir, all these development in the countryside will improve the economic well-being of our people and ensure the viability and the security of this country in in the years to come.

4.09 p.m.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Tambahan yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Dalam beliau meminta anggaran ini diluluskan telah membuat beberapa kenyataan. Di antara tujuan-tujuan wang yang diminta sebanyak \$2 juta lebih ini ialah kerana perusahaan kilang.

Tuan Pengerusi, saya berbesar hati bagi pihak peladang dengan adanya Lembaga Pertubuhan Peladang ini mengadakan berbagai-bagai rancangan perkilangan termasuklah kacang tanah dan lain-lain, tetapi saya minta kepada Kementerian ini mengadakan satu kilang sayuran, sayuran yang bermutu tinggi supaya dapat diadakan dan tanah-tanah dalam negeri ini tidak kurang juga boleh kita dapati yang sesuai dengan tanaman sayuran yang bermutu tinggi itu.

Selama ini kita mendapat sayur-sayuran yang baik ini daripada luar negeri. Saya harap perkara ini patut difikir dan dikaji balik.

Yang kedua, dalam masalah sayur ini ada beberapa kerumitan. Satu daripadanya kawasan saya di Muar Utara boleh mengeluarkan sayur sawi tak kurang daripada satu hari 4 atau 5 lori. Kadangkala sayur sawi ini harganya mahal dan kadangkala dapat harga yang murah dijual ke Singapura dan lain-lain. Bila mana modalnya tak balik, penanam-penanam sayur ini terpaksa memusnahkan sayur-sayuran ini. Pada hemat saya patut dibuatkan satu penyelidikan supaya sawi-sawi ini dibuat jeruk termasuk juga kobis kita yang ada di Cameron Highlands. Kalau kobis ini tidak boleh dijual dengan harga yang baik, kita patut buat jeruk supaya dapat memberi faedah kepada peladang-peladang kita.

Yang ketiga, dalam Lembaga Pertubuhan Peladang ini sekarang telah menjadi satu kebingungan pula kepada ahli-ahli peladang-peladang kita yang pada masa sekarang telah disusun dengan baik dan diselaraskan dengan syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian. Ada satu perkembangan baru yang menjadi tanda soal peladang-peladang kita dalam usaha yang sangat baik yang berjalan dengan baik sekarang, tumbuh satu cadangan supaya diadakan Co-operative Peladang namanya. Ini satu perkara yang saya fikir patut dikaji balik, kita betulkan Lembaga Pertubuhan Peladang yang ada sekarang dan Syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian. Dengan kita mengadakan satu badan lagi dengan nama Co-operative Peladang ini menjadi tanda soal kepada setengah-setengah peladang kita dan setengah-setengah peladang seperti negeri Pahang mereka tidak ingin hendak memberikan harta yang begitu banyak dalam co-operative ini. Hal yang semacam ini saya fikir janganlah membingungkan peladang kita. Kita mahu pelaksanaan hasil usaha yang dibuat oleh Kementerian ini berjaya dan sempurna.

Yang keempat, dalam masalah pemberian jentera. Jentera ini banyak kita bekalkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang, kepada Persatuan-persatuan Peladang di dalam daerah negeri ini. Tetapi bilamana jentera ini hendak digunakan oleh peladang-peladang kita dan pemandu pemandunya itu bekerja mengikut sistem

pegawai Kerajaan iaitu tidak boleh lebih daripada pukul 4.00 petang. Jadi saya mahu pemandu-pemandu jentera ini mesti ada mempunyai satu semangat, mesti ada mempunyai satu tenaga baru mahu bekerja mengikut kehendak-kehendak peladang-peladang dan bagi pihak Lembaga Persatuan Peladang, selain daripada gaji, kalau mereka bekerja lebih masa patut kita berikan overtime. Dan ada setengah-setengah pemandu itu pula mengular, kalau kerja itu boleh diusahakan oleh satu jentera seluas 5 ekar, dia bekerja lambat-lambat dengan mengusahakan 3 ekar. Kadang-kadang jentera itu rosak, dicari spare parts sampai 2-3 minggu. Dari segi peladang kita adalah mengelisahkan sebab mereka menggunakan jentera itu supaya memberi pertolongan kepada mereka. Dan ada setengah-setengah kawasan pula jentera ini banyak disimpan di pejabat-pejabat, tidak digunakan oleh peladang-peladang. Masaalah ini patut kita fikirkan sebab Kerajaan mengeluarkan wang ini dengan tujuan hendak memberi faedah kepada peladang tetapi kalau jentera-jentera itu kita simpan di setor-setor pejabat peladang, tidak akan berguna. Saya harap perkara ini patut difikirkan dan dikajikan, kalau mahu peruntukan ini bagi memberikan kejayaan kepada peladang kita.

Tadi telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu ada syarikat ternak ayam. Saya fikir ayam dan kambing itu tidak berapa berbeza. Jadi ada lebih baik Persatuan Peladang ini membuat satu rancangan berternak kambing. Kambing adalah lebih mudah sebab dalam satu tahun boleh beranak dua ekor dan baka kambing yang baik itu ada. Ada baka daripada Indonesia sampai 120 kati beratnya. Rancangan yang macam ini kalau diberi peluang kepada peladang yang sesuai tempat itu memelihara kambing, akan memberikan satu nikmat kepada mereka.

Akhirnya, Lembaga Pertubuhan Peladang ini telah ada satu rancangan Syarikat Ladang namanya. Jadi pada menjualkan saham-saham ini saya fikir patut diseluruhkan kepada semua ahli persatuan dalam tanahair kita ini. Jangan sampai saham-saham ini dimonopoli oleh satu-satu golongan sebab saya dapati ada manusia-manusia yang ada wang, dia memborong semua saham-saham ini. Peladang-peladang kita yang miskin yang kita patut beri hak dia dapat saham itu, mereka tidak dapat.

Keadaan ini patut diperhatikan balik supaya diberi sama rata berhubung dengan saham-saham peladang ini. Saya percaya bahawa rancangan syarikat ladang peladang ini telah berjaya sebagaimana yang ada di Johor, syarikat ini telah mengusahakan ladang kelapa sawit tetapi malangnya saham-saham ini banyak tidak sampai kepada yang benar-benar dinamakan ahli-ahli persatuan peladang.

4.16 ptg.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang diberikan oleh kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, saya ucapkan terima kasih atas pandangannya berhubung dengan kilang untuk menjeruk sayur-sayur, ini saya akan ambil perhatian yang berat.

Yang kedua, berhubung dengan kebinggongan peladang-peladang berhubung dengan Co-operative Peladang. Perkara ini adalah kita telah jalankan dengan mengadakan seminar yang dihadiri oleh semua ahli-ahli Ketua Yunit Persatuan Peladang dengan syarikat-syarikat kerjasama. Tujuan Co-operative Peladang ini adalah untuk menguatkan badan ini untuk dijadikan satu badan yang tunggal supaya Persatuan Peladang dan syarikat kerjasama ini akan mendapat layanan yang sempurna daripada Lembaga Pertubuhan Peladang dan akan dapat mengawasi segala perjalanan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan-persatuan Peladang dan Syarikat Kerjasama di seluruh negara ini.

Yang ketiga berhubung dengan soal pemberian jentera hanya yang disimpan di dalam setor sahaja. Saya rasa ianya disimpan pada waktu malam, pada waktu siang digunakan untuk pergi ke sawah-sawah dan untuk ke ladang, kerana kalau kita biarkan jentera-jentera yang macam itu disimpan di sawah-sawah pada waktu malam maka bimbang juga kalau dirosakkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Yang keempat, berhubung teguran Ahli Yang Berhormat ini mengapa ayam sahaja kita pemiagakan, tidak kambing. Ini adalah sebagai permulaan, insya Allah, apabila kita telah meluluskan wang ini kita

akan cuba menyasat keuntungan dari perniagaan kambing sebab kambing ini anaknya tidak begitu banyak seperti anak ayam. Dari segi pasaran pada masa ini Persatuan Peladang sudah mendapat pasaran yang baik daripada Kementerian Pertahanan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan yang telah memberi tender kepada Persatuan Peladang ini untuk membekalkan ayam-ayam ini dan mengenai membekalkan kambing, saya belum tahu samada tentera-tentera suka makan kambing atau tidak, tetapi ayam semua orang suka. Jadi inilah yang kita pilih segala perniagaan yang boleh memberi keuntungan, tetapi walau bagaimanapun teguran daripada Ahli Yang Berhormat itu sangat saya hargakan dan insya Allah saya akan ambil perhatian untuk disiasat samada boleh menguntungkan atau sebaliknya.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,500,000 untuk Kepala P. 50 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1974.

Kepala B. 58 dan B. 59 (Jadual Pertama)

Kepala P. 52 Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1973

Kepala P. 53 Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1974

4.19 ptg.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya tambahan bagi Kementerian saya berjumlah \$5,022,640 adalah dibahagi kepada tambahan Belanja Mengurus, Kepala B. 58 dan B. 59 sebanyak \$822,600 dan tambahan perbelanjaan pembangunan Kepala P. 52 dan P. 53 sebanyak \$4,200,040 diluluskan.

Sebagaimana telah diterangkan dalam Kertas Perintah 4/74 Kepala B. 58 adalah jelas. Kepala B. 59 perbekalan tambahan sebanyak \$687,000 dikehendaki untuk pembayaran elaun jalor kelakuan baik yang dibayar semula mulai 1hb Mac, 1971 kepada gred-gred posman yang menerima elaun tersebut sebelum pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya Suffian. Selanjutnya pembayaran Elaun Bantuan Khas mulai bulan

Oktober sehingga Disember 1973 itu juga merupakan suatu penambahan yang terpaksa dihadapi.

Terhadap kepada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1973, Kepala P. 52, tambahan peruntukan yang dipohonkan sebagaimana 4 Pecahan-kepala di bawah Kepala Pembangunan 52—Kementerian Perhubungan adalah merupakan peruntukan tanda sahaja iaitu Pecahan-pecahan Kepala yang terlibat ialah Pecahan-kepala 2—enjin-enjin dan gerabak, Pecahan-kepala 4—Rancangan Mendisel Peringkat VI, Pecahan-kepala 17—Kemudahan Rel bagi Jengka dan Pecahan-kepala 24—Membesarkan Perkhidmatan Feri Pulau Pinang.

Pecahan-kepala 2-enjin-enjin dan Gerabak Keretapi di bawah perjanjian pinjaman antara Keretapi Tanah Melayu dan Kerajaan sejumlah \$323,000 telah diluluskan untuk membeli enjin-enjin dan gerabak keretapi, tetapi di dalam tahun 1973 tidak ada peruntukan yang telah disediakan. Oleh yang demikian, peruntukan tanda \$10 adalah dikehendaki manakala jumlah sebanyak \$322,900 telahpun diperolehi secara pindah peruntukan daripada Pecahan-kepala 41—Pelabuhan Baharu, Kota Kinabalu dan Sandakan.

(ii) Pembangunan Pelabuhan: Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda \$10 sahaja yang telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka. Peruntukan tambahan ini adalah untuk pembayaran kepada 150 buah gerabak-gerabak keretapi yang telahpun diperolehi.

Pecahan-kepala 4—Rancangan Mendiselkan, Peringkat VI di bawah perjanjian pinjaman antara Keretapi Tanah Melayu dengan Kerajaan sebanyak \$1,029,900 telah diluluskan bagi Rancangan Mendiselkan, Peringkat VI keretapi dalam tahun 1973 tidak ada peruntukan yang telah disediakan. Oleh yang demikian, peruntukan tanda \$10 telahpun didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka manakala peruntukan sebanyak \$1,029,890 telah diperolehi secara pindah peruntukan daripada pecahan-kepala 41—Pelabuhan Baharu, Kota Kinabalu dan Sandakan.

(ii) Pembangunan Pelabuhan: Anggaran ini adalah diminta meluluskan peruntukan tanda \$10 sebagai pengganti pendahuluan tersebut. Tambahan kepada Pecahan-kepala 2, Kepala

P. 52 yang tersebut di atas adalah merupakan usaha-usaha Keretapi terhadap memodenkan sistem pengangkutan keretapi di Malaysia ini.

Pecahan-kepala 17—Kemudahan rel bagi Jengka di bawah perjanjian pinjaman antara Keretapi Tanah Melayu dan Kerajaan sejumlah \$1,090,010 telah disediakan untuk mengadakan kemudahan rel kepada rancangan Jengka. Oleh kerana peruntukan sebanyak \$300,000 sahaja yang disediakan dalam Anggaran tahun 1973, maka peruntukan tanda \$10 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka manakala, baki sebanyak \$790 yang telah diperolehi secara pindah peruntukan daripada Pecahan-kepala 41—Pelabuhan Baharu, Kota Kinabalu dan Sandakan.

(ii) Pembangunan Pelabuhan: Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda \$10 bagi meminda anggaran harga Pecahan-kepala ini daripada \$800,000 kepada \$1,090,010.

Pecahan-kepala 24—Membesarkan Perkhidmatan Feri Pulau Pinang. Kerajaan telah mengambil ketetapan menguntukkan pinjaman berjumlah sebanyak \$10 juta kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk pembinaan dua buah "terminal" feri di Butterworth dan George Town. Peruntukan tanda sebanyak \$10 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka bagi menghidupkan Pecahan-kepala ini dan jumlah \$2 juta yang dikehendaki dalam tahun 1973 akan diperolehi dari simpanan dalam Kepala yang sama.

Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda sebanyak \$10 bagi menggantikan pendahuluan tersebut. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1974 Kepala P. 53. Dewan juga adalah diminta meluluskan peruntukan tambahan perbelanjaan pembangunan sebanyak \$4,200,000 bagi Pecahan-kepala 34—Membesarkan Perkhidmatan Feri Pulau Pinang. Kerajaan telahpun bersetuju menguntukkan sebanyak \$10 juta kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang bagi membina dua buah "terminal" feri di Butterworth dan George Town.

Mengikut jadual pengeluaran Perjanjian Pinjaman sebanyak \$8,200,000 adalah dikehendaki di dalam tahun 1974 ini. Oleh kerana jumlah \$4 juta sahaja telah diperuntukkan dalam tahun 1974, maka tambahan

sebanyak \$4,200,000 juga adalah dikehendaki bagi membiayai bayaran kerja yang telahpun dijalankan. Peruntukan tambahan yang diperlukan untuk Pecahan-kepala 24 Kepala Pembangunan P. 52 dan Pecahan-kepala 34 Kepala Pembangunan P. 53 adalah merupakan usaha-usaha Kerajaan untuk memperbaiki lagi perkhidmatan feri Pulau Pinang. Adalah dijangka dengan adanya dua buah terminal feri di Butterworth dan George Town ianya dapat menampung kehendak-kehendak lalulintas hingga tahun 1980. Bersama-sama dengan usaha membina dengan dua buah terminal feri ini tiga buah feri, dua tingkat juga sedang dipesan adalah diharap dengan tambahan terminal juga feri dua tingkat ini, kesesakan-kesesakan lalulintas yang dialami pada masa ini akan dapat diatasi.

Tuan Pengerusi, Dewan ini dengan hormatnya diminta meluluskan Tambahan Anggaran Belanja Menguruskan dan Anggaran Pembangunan tahun 1973 dan tahun 1974 berjumlah \$5,022,640.

4.25 ptg.

Tuan Yeoh Teck Chye (Bukit Bintang): (Dengan izin) Tuan Pengerusi, the transport system in Kuala Lumpur has been most atrocious in that instead of any improvement we find that it is getting from bad to worse. Many times it has been mentioned in this House that there have not been enough services provided for the people, particularly to office workers who have to commute to and from their work place. Now it is a common sight to see every morning, every afternoon and every evening people by the hundreds waiting for hours for buses that may or may not come, and particularly in the various settlement areas, where workers who work in factories are concentrated. These are the people who depend solely on public transport and they find that it is very difficult for them to get buses to get to their work place and to be in time for work.

Mr Chairman, Sir, I have brought this matter up to the personal attention of the Honourable Minister of Communications, but, unfortunately, until today this problem is still persisting. I would like to refer particularly to Kampung Pandan where there is a big population of workers who find it extremely difficult to get transport in the mornings and very often they have to find other means at very great expense. Now, if

the present operators are not prepared to put in extra services, then I would request the Honourable Minister to consider giving licences to other companies who would be most prepared to service these people who are in great need of public transport.

The other point I would like to bring to the attention of the Honourable Minister is that taxi licences are very limited, and it would appear that bona fide taxi drivers have been unable to get taxi licences although they have been in the business for the past ten or twenty years. Now personally I have experienced great difficulties

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: On a point of order. Kita dalam peringkat Jawatankuasa. Peruntukan kerana membuat jalan itu tidak ada. Kalau hendak bercakap berkenaan polisi sudah lepas. Tetapi saya boleh terangkan serba-sedikit dan tidak menjelaskan panjang-panjang.

Tuan Yeoh Teck Chye: Mr Chairman, Sir, I merely mention this because I find that the Transport Department would have to adjust its administration and bring about better inspection, so that this matter could be rectified. I think if we have more inspectors and the establishment could provide better administrative officials and administrative methods, then most of these problems could be resolved, because it is quite common. Unfortunately, the enforcement side has not been very effective, because I find that today you get as many as seventy or eighty people in a bus, but there is no effective control and it is again, as I have said, getting from bad to worse and the packing of these people, as mentioned before in trains like sardines, is now happening in the buses—they are again being packed like sardines. I hope the Honourable Minister will see that the enforcement side of this is properly carried out, so that more effective services could be provided for the people.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): (Dengan izin) Mr Chairman, Sir, at this juncture, I have only got one subject to raise regarding this topic, that is, the taxi problem in Kuala Lumpur as well as throughout the country. I hope that the Minister concerned would know that nearly 90 per cent of the taxis now running on the Malaysian roads are owned by people who do not drive the taxis themselves. Taxi licences are issued by

the Ministry of Communications. Of course, there are various conditions and pre-requisites before a taxi licence can be granted. It is very unfortunate that most of the taxi drivers themselves, after applying for three, four or even half a dozen times for a taxi licence, do not get the slightest indication as to when they can get a licence so that they can drive their own taxis.

Sir, as you are aware, taxis are now hired at \$15 per half a day, that is to say, a taxi licence owner could fetch \$30 a day just by sitting down, or just by the gracious favour of the grant from the Minister of Communications of a taxi licence. He can earn \$30 per day just like that, because he is fortunate and lucky enough to own a taxi licence, while the taxi driver himself after driving for half a day under the hot sun could after upkeeping himself and meeting whatever extra expenditure on the vehicle, could hardly get \$10 per day. I think this is not a satisfactory state of affair. I would say that the Government has in a way been responsible for giving the opportunity whereby the privileged are able to enjoy the privilege, while the working class like taxi drivers, have been exploited to a very large extent.

Sir, during these few days, I think we all know that the taxi drivers have been getting together to look for some sort of increase in their fares because now the Government has granted them approval to charge only 50 cents for the first mile and 20 cents for the next half a mile and so on. They are now asking for 60 cents for the first mile and so on.

Sir, I hope the Minister concerned would look into this matter to see how taxis have been operated and somehow or other should get down to the root of the problem to minimise the hardship of the taxi drivers and at the same time to minimise the profits for these privileged and probably capitalistic taxi licence owners.

4.34ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya bercakap sedikit sahaja dalam Kepala P. 52—Kementerian Perhubungan. Saya cuma menyentuh Pecahan-kepala 41. Pelabuhan Baharu, Kota Kinabalu dan Sandakan.

Saya harap pada masa yang akan datang Kerajaan akan mengkaji pelabuhan ini supaya dijadikan pelabuhan antarabangsa yang disebutkan Pelabuhan Asia Tenggara, sebab ini memberikan satu kemudahan kepada kapal-kapal dari negara-negara di Asia Tenggara seperti daripada Indonesia, daripada Thailand, daripada Kuala Lumpur dan Singapura. Kalau dinaikkan taraf ini kepada pelabuhan yang bertaraf antarabangsa, memberikan juga kemudahan kepada kapal-kapal antarabangsa ini yang berlabuh, yang akan berlabuh yang akan datang daripada New Zealand, daripada Amerika, daripada Jepun dan juga di kepulauan-pulau lain.

Masaalah ini saya memandang masa depan. Kalau Asia Tenggara ini mahu membaikkan taraf perkapalannya, sebuah pelabuhan yang bertaraf antarabangsa yang di tengah-tengah duduknya patut kita adakan. Tambahan pula saya dapat tahu bahawa Dermaga Dalam di kawasan ini sesuai sangat, boleh disinggahi oleh kapal-kapal besar di kawasan itu, dan ini yang sangat membanggakan Malaysia pada masa depan.

4.35 ptg.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I hope in the commission for the development of the road transportation system of Malaysia, the Honourable Minister would consider, either soon or in the near future, the provision of a double carriageway road system to connect the whole length and breadth of Malaysia, from Perlis in the north right down to Johore Bahru in the south, and from Port Kelang in the west to Kuantan and Kota Bahru in the east. Now, this would not only speed up the transportation of goods.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sir, on a point of clarification. Yang Berhormat menyentuh di bawah peruntukan Kementerian Kerja Raya, which has provision for roads, bukan Kementerian Perhubungan.

Tuan Pengerusi: Tolong ambil perhatian—itu bukan di bawah Kementerian ini. It is not for this Ministry, that is another one.

Tuan Goh Hock Guan: Yes, Sir. On the question of bus transportation in Kuala Lumpur and Petaling Jaya areas, I hope more bus services will be provided, and provided more punctually and more effi-

ciently, so that the people who go to work would not have to be delayed in their work.

Secondly, Sir, I hope the bus fares would also be subsidised at some time, if necessary, in order to alleviate the hardships caused by inflation. At that point, Sir, I hope that where the Klang Valley is concerned, at some near future, the rapid mass transportation system would be constructed to service the whole of the Klang Valley in terms of moving people from one part of the Klang Valley to the other.

4.38 ptg.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan. Bagi menjawab pandangan Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, tujuan Pelabuhan Kota Kinabalu dan Sandakan sememangnya bertaraf international. Belanja kedua-duanya \$75,000,000; cuma kita pinjam peruntukan itu buat sementara ini untuk perbelanjaan di Pulau Pinang dan kita sudah kembalikan pinjaman itu.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, yang sebenarnya saya telah berunding dengan kompeni bas, suruh kompeni-kompeni bas yang bas-basnya berjalan ke Jalan Kampung Pandan diadakan lima buah bas di waktu pagi, di antara pukul 5.30 atau 6.00 pagi kerana dalam tempoh dua jam itu tidak boleh hendak dibawa semua orang ramai. Kerajaan telah membenarkan 20% sahaja pembayaran cukai bas kecil yang boleh membawa orang-orang yang bekerja di fakteri-fakteri. Ini tidak akan mengganggu bas-bas yang membawa orang biasa pergi ke office. Saya minta Yang Berhormat ini sebagai seorang ketua union, iaitu kalau union banyak duit, dia bolehlah usahakan beli bas-bas kecil ini dan beri kerja kepada belia-belias yang tidak ada kerja untuk membawa pekerja-pekerja yang hendak bekerja di fakteri-fakteri itu.

Berkenaan dengan teksi, kami memang tambah tiap-tiap tahun, tiap-tiap enam bulan ditambah. Baharu-baharu ini ditambah dekat 200 atau 300 buah. Tidak lama lagi kita hendak tambah 500 buah atau 600 buah, tetapi teksi ini dia tidak berkeliaran, ada basenya. Sebab itu kalau hendak mencari teksi, tunggu; teksi tidak datang, tetapi

sekarang teksi-teksi sudah ada talipon. Dia boleh talipon—short-wave. Saya harap siapa yang hendak teksi, kalau dia tidak nampak teksi dia boleh talipon. Ada nombor-nombor talipon teksi itu. Kita akan keluarkan seberapa banyak teksi yang dikehendaki, terutama sekali di bandar-bandar yang besar seperti di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang Melaka, Johor dan juga lain-lain bandar yang besar-besar.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$135,600 untuk Kepala B. 58 dan \$687,000 untuk Kepala B. 59 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$40 untuk Kepala P. 52 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1973; dan \$4,200,000 untuk Kepala P. 53 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1974.

Kepala P. 61 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3, 1973).

4.40 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan wang peruntukan \$10 yang ditunjukkan di bawah Kepala P. 61 itu diluluskan.

Peruntukan yang dipohonkan ini ialah peruntukan tanda sebanyak \$10 bagi Asrama/Rumah Tahanan Budak-budak, Kuala Trengganu. Sungguhpun rumah ini telah siap dibina tetapi wang sebanyak \$5,451 didapati masih dikehendaki dalam tahun 1973 untuk menjelaskan harga perkakas, alat-alat bagi rumah itu. Oleh itu, peruntukan tanda sebanyak \$10 telah diadakan dalam Anggaran Pembangunan, 1973.

Wang sebanyak \$10 itu telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka, manakala baki sebanyak \$5,451 itu telah diperolehi daripada Pecahan-kepala 1. Perkhidmatan untuk Orang-orang Cacat. Butir (iii) Rumah Orang Sakit Melarat, Selangor.

Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda \$10 di bawah Kepala P. 61 ini bagi menggantikan pendahuluan tersebut.

4.42 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya menyokong Anggaran yang

dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Saya cuma hendak minta satu perkara supaya Yang Berhormat Menteri ini memberikan penjelasan peraturan anak-anak kita yang dimasukkan rumah tahanan budak-budak ini, samada mereka ini telah dijatuhkan hukuman kesalahan oleh Mahkamah Budak-budak.

Yang Kedua, ada ibubapa oleh kerana anaknya jahat dan nakal, dia tidak boleh pelihara, dia rela hendak memasukkan anak-anaknya ke rumah tahanan budak-budak ini, dan sanggup pula membayar perbelanjaan selama anak-anaknya dilatih. Adakah Kementerian ini membolehkan dan menerima ibubapa yang hendak memasukkan anaknya dengan perbelanjaannya sendiri? Itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

4.43 ptg.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, bagi menjelaskan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menjelaskan iaitu anak-anak yang ditahan di Rumah Tahanan Budak-budak ini ialah mereka yang dihantar oleh Mahkamah Budak-budak. Sekiranya ada ibubapa yang memikirkan anak-anak tidak terkawal, mereka ini terlebih dahulu hendak menulis kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, ataupun kepada Kementerian saya, maka bagi pihak kita sedialah hendak menguruskan bagaimana ibubapa ini boleh mendapat pertolongan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 61 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1973.

Kepala P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) Tahun 1974)

4.44 ptg.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak \$1 juta adalah diminta di bawah Kepala P. 63, Pecahan-kecil 110. Peruntukan ini adalah pinjaman dari Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Trengganu untuk pembinaan Bangunan Kerajaan Negeri, Kuala Trengganu. Bangunan yang berkenaan sedang dibina dan

peruntukan yang dikehendaki adalah untuk menjelaskan pembayaran pelaksanaan projek itu.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,000,000 untuk Kepala P. 63 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1974.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$4,401,780 dan satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$122,849,550 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan masing-masing bagi tahun kewangan 1973 dan 1974, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 tahun 1974 mengenai wang tambahan bagi tahun 1973 dan Kertas Perintah 9 tahun 1974 mengenai wang tambahan bagi tahun 1974, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam senarai kedua-dua Kertas Perintah itu.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Bacaan Kali Yang Ketiga

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973 dan 1974) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersejukkan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$4,401,780 dan satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$122,849,550 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan masing-masing bagi tahun kewangan 1973 dan 1974, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 tahun 1974 mengenai wang tambahan bagi tahun 1973 dan Kertas Perintah 9 tahun 1974 mengenai wang tambahan bagi tahun 1974, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam senarai kedua-dua Kertas Perintah itu.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$4,401,780 dan satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$122,849,550 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan masing-masing bagi tahun kewangan 1973 dan 1974, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 tahun 1974 mengenai wang tambahan bagi tahun 1973 dan Kertas Perintah 9 tahun 1974 mengenai wang tambahan bagi tahun 1974, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam senarai kedua-dua Kertas Perintah itu.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SARAWAK) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.47 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bertajuk "Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan), 1974" dibaca bagi kali yang kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat dimaklumkan bahawa perbekalan Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 90) hampir-hampir serupa dengan perbekalan Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah Bab 156), iaitu caruman yang dibuat oleh seseorang pencarum adalah dibayar sebagai pencen kepada balu dan anak-anak yatim pencarum tersebut apabila pencarum itu meninggal dunia. Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 90) juga memperuntukkan pembayaran-balik caruman hanya kepada pencarum-pencarum bujang dan pencarum-pencarum duda (widower) yang tiada mempunyai anak-anak yang belum dewasa, iaitu apabila pencarum-pencarum tersebut bersara atau bertukar ke negeri lain, atau jika pencarum-pencarum tersebut meninggal dunia, caruman mereka akan dikembalikan kepada wakil-wakil mereka yang sah disisi undang-undang.

Selain dari itu, Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 90) juga mengandungi peruntukan di seksyen 38 mengenai pencaruman-pencaruman yang berpoligami yang sebaliknya dikehendaki mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja Kerajaan, Sarawak. Caruman yang dibuat oleh seseorang pencarum dan Kerajaan dibayar kepada Kumpulan Wang ini sehingga kematian pencarum yang berkenaan, pada mana caruman-caruman pencarum serta Kerajaan akan menjadi sebahagian daripada harta pesaka pencarum tersebut.

Rang Undang-undang yang dicadangkan bertujuan untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 90) dengan mengadakan peruntukan-peruntukan baru, iaitu seksyen-seksyen 19B dan 38B,

untuk memberi peluang kepada semua pencarum yang berkenaan memilih samada ingin kekal menjadi pencarum atau ingin keluar dari Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja Kerajaan Sarawak. Ini selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menggugah Skim-skim Pencen Balu dan Anak Yatim yang berjalan di Malaysia, sebagaimana yang diperakukan oleh Suruhanjaya Suffian.

Seksyen-seksyen 19B dan 38B menawarkan pilihan (option) kepada semua pencarum yang masih hidup pada masa Rang Undang-undang ini mulai dikuatkuasakan dan ini termasuk pencarum-pencarum yang masih mencarum dan pencarum-pencarum yang telah berhenti mencarum. Pilihan (option) hendaklah dibuat dalam tempoh masa yang tertentu sebelum tarikh-tarikh yang akan diumumkan di dalam Warta Kerajaan bagi pencarum-pencarum yang telah bersara atau bertukar ke negeri lain. Jika pilihan (option) tidak dibuat dalam tempoh masa yang ditentukan, pencarum yang berkenaan akan dianggap sebagai telah membuat pilihan (option) untuk terus menjadi pencarum dan dari itu mengekalkan haknya yang terkumpul (accrue) di bawah Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 90), atau di bawah Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja-pekerja Kerajaan (Sarawak Bab 88).

Jika seorang pencarum kepada Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak membuat pilihan (option) untuk keluar dari Kumpulanwang tersebut, haknya yang terkumpul (accrue) di bawah Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 90) akan luput dan ia atau wakilnya yang sah disisi undang-undang akan dikembalikan jumlah caruman yang ia telah buat beserta dengan faedah berganda sebanyak 2½% setahun; melainkan jika ia dibuang kerja kerana melanggar tata tertib, pada masa carumannya akan dikembalikan tanpa apa-apa faedah. Jika seorang pencaruman kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja-pekerja Kerajaan, Sarawak pula memilih untuk keluar dari Kumpulanwang tersebut, haknya yang terkumpul di bawah Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja-pekerja Kerajaan, Sarawak akan luput dan ia atau wakilnya yang sah disisi undang-undang akan dikembalikan caruman-caruman yang ia telah buat serta juga caruman-caruman

yang telah dibuat oleh Kerajaan bercampur dengan faedah berganda sebanyak 2½% setahun.

Ahli-ahli Yang Berhormat dimaklumkan bahawa seksyen kecil (7) seksyen 19B membuat peruntukan tentang pengurusan Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak di masa hadapan yang akan ditentukan selepas (pulangan-balik) caruman kepada pencarum-pencarum yang memilih untuk keluar dari Kumpulanwang tersebut selesai diselenggarakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.54 ptg.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub (Payang): Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini berkesempatan untuk meluluskan satu Rang Undang-undang yang maksudnya telah lama dirundingkan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak. Bagi pihak Pegawai-pegawai Kerajaan di Negeri Sarawak, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah menyiapkan Rang Undang-undang ini, sungguhpun beberapa tahun baharulah dikemukakan kepada Dewan ini.

Kami faham bahawa masaalah ini rumit dan dengan hal demikian itu telah mengambil masa yang begitu panjang untuk menyelesaikannya. Sekim di bawah undang-undang yang berkenaan di Negeri Sarawak seperti juga di Sabah dan juga di Semenanjung Malaysia ini telah dibuat oleh Kerajaan British dahulu dengan tujuan untuk mengikatkan Pegawai-pegawai Kerajaan. Sebagaimana yang telah diterangkan di dalam Lapuran Suffian dalam keadaan zaman yang ada ini undang-undang ataupun peruntukan-peruntukan dalam undang-undang yang tersebut tadi tidak lagi sesuai, maka sewajarnya sekim ini digulungkan dengan secepat mungkin.

Pegawai-pegawai berkenaan yang akan menerima balik caruman-caruman mereka dengan sedikit faedah, compound interest nampaknya di sini, tentu berharap semoga

pengembalian carum-carum mereka itu akan dapat dilaksanakan dengan seberapa cepat mungkin, kerana mereka ini telah lama sangat menunggu. Dengan wang-wang yang akan didapati balik itu kelak, maka mereka akan dapat membeli rumah ataupun lain-lain untuk kepentingan mereka. Bukan sahaja di bawah Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak), caruman akan dikembali nampaknya, tetapi juga di bawah undang-undang yang bernama Government Employees Provident Fund Ordinance, (ini satu peruntukan undang-undang yang mengenai rakyat yang mengamal sistem poligami) faedah akan didapati.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat. Akhirnya, saya berharap semoga pengembalian carum itu akan dapat diselesaikan, oleh pihak Treasury terutama sekali, dengan secepat mungkin.

4.57 ptg.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya menyampaikan ucapan terima kasih yang sepenuhnya kepada Ahli dari Payang, yang telah menyatakan perasaan penghargaan di atas langkah mengadakan Rang Undang-undang ini yang telah diharapkan oleh pihak Sarawak sendiri semenjak Sarawak masuk di dalam Malaysia. Saya rasa bahawa langkah ini ialah langkah untuk menselaraskan keadaan yang ada di dalam soal bayaran Pencen Balu dan Anak Yatim ini bagi seluruh Malaysia sesuai dengan keadaan-keadaan sekarang dan sesuai dengan perakuan dalam Lapuran Suffian.

Tentang harapannya supaya perkara ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin, adalah harapan bersama dan insya Allah, seberapa yang dapat akan dilaksanakan menurut kehendak Rang Undang-undang ini. Sekali lagi saya berterima kasih kepada Ahli dari Payang di atas sokongannya kepada Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali Yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SABAH) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bertajuk "Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan), 1974" dibaca bagi kali yang kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat dimaklumkan bahawa mengikut peruntukan Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah Bab 156), caruman-caruman yang dibuat oleh seseorang pencharum adalah dibayar sebagai pencen kepada balu dan anak-anak yatim pencharum tersebut apabila pencharum itu meninggal dunia. Ordinan tersebut hanya memperuntukkan pulangan-balik caruman kepada pencharum-pencharum bujang dan pencharum-pencharum duda (widower) yang tiada mempunyai anak-anak yang belum dewasa, iaitu apabila pencharum-pencharum tersebut bersara atau bertukar ke negeri lain, dan jika pencharum-pencharum tersebut meninggal dunia, caruman mereka yang sewajarnya akan dikembalikan kepada wakil-wakil mereka yang sah di sisi undang-undang.

Rang Undang-undang yang dicadangkan bertujuan untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah Bab 156) dengan mengadakan satu seksyen baru, iaitu seksyen 17A, yang memberi peluang kepada semua pencharum membuat pilihan (option) samada ingin kekal menjadi pencharum atau ingin keluar dari Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah. Ini ialah untuk menguatkuasakan keputusan Kerajaan menggulung Skim-skim Pencen Balu dan Anak Yatim yang terdapat di Malaysia sebagaimana yang diperakukan oleh Suruhanjaya Suffian.

Untuk tujuan menggulung Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah,

pilihan-pilihan (options) akan ditawarkan kepada semua pencharum yang masih hidup pada masa Rang Undang-undang ini mulai dikuatkuasakan dan dari itu meliputi pencharum-pencharum yang masih mencharum dan pencharum-pencharum yang telah berhenti mencharum. Jika seorang pencharum memilih untuk keluar dari Kumpulanwang yang dimaksudkan, haknya yang terkumpul (accrue) di bawah Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah Bab 156) akan luput dan ia atau wakilnya yang sah disisi undang-undang akan dikembalikan jumlah caruman yang ia telah buat beserta dengan faedah berganda sebanyak 2½% setahun; melainkan jika ia dibuang kerja kerana melanggar tatatertib, pada masa carumannya akan dikembalikan tanpa apa-apa faedah.

Pilihan-pilihan (options) hendaklah dibuat dalam tempoh masa yang tertentu, iaitu sebelum tarikh-tarikh yang akan diwartakan bagi pencharum-pencharum yang sedang berkhidmat dan pencharum-pencharum yang telah bersara atau bertukar ke negeri lain. Apa-apa pilihan (option) yang dibuat tidak boleh dibatalkan. Jika pilihan (option) tidak dibuat dalam tempoh masa yang ditentukan, pencharum yang berkenaan akan dianggap sebagai telah membuat pilihan (option) untuk terus menjadi pencharum dan dari itu mengekalkan hak-haknya yang terkumpul (accrue) di bawah Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah Bab 156).

Akhirnya, seksyen kecil (7) seksyen 17A mengadakan peruntukan tentang pengurusan Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah di masa hadapan yang akan ditentukan apabila pulangan balik caruman kepada pencharum-pencharum yang memilih untuk keluar dari Kumpulanwang itu selesai diselenggarakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERSATUAN NELAYAN DAN LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.05 ptg.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Persatuan Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 10 tahun yang lalu perusahaan perikanan di negeri ini telah berkembang maju dengan pengenalan perusahaan yang membuka langkah bagi permulaan permodenan perusahaan ini. Semenjak itu jumlah pendaratan ikan telah meningkat berlipat ganda dari 183,600 tan pada tahun 1963 menjadi 444,100 tan pada tahun 1973. Bilangan nelayan-nelayan yang menceborkan diri dalam perusahaan ini telah juga menunjukkan tambahan yang nyata yang mana pada hari ini terdapat sejumlah 80,000 orang diseluruh Malaysia. Perkembangan itu telah memberi peluang pekerjaan di dalam perusahaan-perusahaan berkaitan seumpama pembinaan bot, membuat pukat pemasaran ikan, kilang air batu dan lain-lain. Dari segi pemakanan pula, ikan merupakan sumber protein yang terbesar kepada rakyat Malaysia dan disukai oleh semua golongan rakyat. Sektor perusahaan ini seluruhnya telah menyumbangkan pertukaran wang asing berjumlah lebih kurang \$142.6 juta dalam tahun 1972.

Kementerian saya telah menjalankan beberapa usaha untuk mengatasi beberapa masalah untuk memodenkan perusahaan ini termasuk soal penggembelangan tenaga dan sistem pemasaran yang banyak diuruskan oleh orang-tengah. Langkah-langkah yang terbesar ialah menubuhkan Lembaga Kemajuan Perusahaan Ikan yang menjalan-

kan aktiviti-aktiviti memajukan lagi perusahaan perikanan khasnya ditujukan untuk menolong golongan nelayan tradisi ini. Umpamanya, mengadakan bot-bot dan alat menangkap ikan untuk mengatasi kekurangan modal, mengadakan peraturan-peraturan pengawalan pemasaran dan kilang air batu untuk memberi harga yang berpatutan kepada nelayan dan lain-lain.

Di bidang penggembelangan tenaga nelayan, Kementerian saya telah menggalakkan penubuhan Pertubuhan-pertubuhan Nelayan untuk menyatu-padukan usaha dan tenaga mereka supaya boleh memajukan diri dan perusahaan mereka dengan cara perkongsian. Pertubuhan-pertubuhan Nelayan ini ialah Koperasi Nelayan yang ditubuhkan di bawah Odinan Syarikat Kerjasama 1956 dan Persatuan Nelayan yang ditubuhkan dengan kuatkuasa Akta Persatuan Nelayan, 1971. Sehingga akhir tahun 1972 terdapat 53 buah Koperasi Nelayan di seluruh Malaysia dan sebanyak 24 buah Persatuan Nelayan telah ditubuhkan di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Lesen pukat tunda hanya dikeluarkan melalui pertubuhan-pertubuhan nelayan yang diakui dan jua bantuan-bantuan (subsidi) kepada nelayan-nelayan.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kata sepakat telah dicapai antara pihak-pihak yang berkenaan dan kaum nelayan sendiri supaya kedua-dua pertubuhan nelayan yang ada itu digabungkan dan mempunyai pertalian yang terus dengan Lembaga Kemajuan Perusahaan Ikan. Penggembelangan tenaga, modal dan usaha oleh ketiga-tiga badan ini akan dapat memupuk semangat persefahaman dan kerjasama di antara nelayan-nelayan dan dengan demikian aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan pemberian bantuan Kerajaan akan dapat diselaraskan dengan lebih berkesan lagi. Penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh Lembaga Kemajuan Ikan (MAJU IKAN) akan membolehkan pertubuhan-pertubuhan nelayan itu memikirkan projek perikanan yang besar-besar dan bercorak commercial dengan secara perancangan untuk mendapat keuntungan dan faedah yang maksima. Dengan demikian kaum nelayan akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan lagi di dalam usaha-usaha untuk meninggikan lagi taraf hidup mereka.

Bagi melaksana hasrat itu adalah didapati perlu Akta Persatuan Nelayan, 1971 dan Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, 1971 dipinda dengan tujuan-tujuan:

- (a) Memindahkan kuasa-kuasa pentadbiran an pendaftaran Koperatif Nelayan daripada Ordinan Syarikat-Syarikat Kerjasama, Malaya, Sabah dan Sarawak masing-masing kepada Akta Persatuan Nelayan, 1971;
- (b) Melantik Timbalan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sebagai Pendaftar kedua-dua Pertubuhan Nelayan tersebut;
- (c) Penubuhan Koperatif yang baru yang berasaskan perikanan mengikut kuat-kuasa Ordinan Syarikat Kerjasama, Malaya, Sabah dan Sarawak tidak diteruskan;
- (d) Meletakhakkan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kuasa-kuasa penyeliaan keseluruhannya ke atas semua Persatuan Nelayan yang akan termasuk juga Koperatif Nelayan.

Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang ini adalah menepati tujuan-tujuan tersebut sebagaimana yang terkandung dalam Fasal 2 dan Fasal 3 Rang Undang-undang. Kesan yang nyata daripada Rang Undang-undang ini ialah menyamakan tugas-tugas Persatuan-persatuan Nelayan, Koperatif Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Terdahulu daripada pindaan-pindaan ini, tiap-tiap satu daripada ketiga-tiga badan ini telah mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti perikanan secara berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.10 pg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong sepenuhnya di atas Rang Undang-undang ini, kerana saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang ini tidak lama lagi nelayan-nelayan kita akan maju di dalam bidang menangkap ikan yang akan dapat meningkatkan kehidupan mereka samada bumiputra atau yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak memberitahu sedikit berkenaan dengan perkara yang telah berlaku di dalam membuat bot ataupun kapal kecil. Bot yang telah dibuat oleh MAJUIKAN yang telah diberikan kepada Limbungan MARA di Kuala ini, maka perkara yang kecil, misalnya, kayu cengal untuk membuat bot itu tidak boleh didapati daripada tahun 1973 sampai sekarang ini, padahal hutan belantara kita penuh dengan kayu cengal, kilang-kilang papan kita banyak, tetapi apakah sebabnya kita tidak boleh dapat kayu cengal.

Saya dapat tahu daripada berita yang boleh dipercayai sangat, dan saya bukanlah menuduh melulu di atas perkara ini. Jikalau sekiranya kita hendak memajukan perkara ini, maka perkara yang kecil, misalnya, kayu cengal tidak boleh didapati untuk membuat bot, bagaimanakah pula kita hendak buat perkara yang lebih besar lagi? Barangkali kilang papan cuba untuk sabotaj kita di dalam hendak meninggikan kehidupan nelayan-nelayan kita. Kalau tidak begitu apakah sebabnya kayu-kayu cengal tidak boleh didapati. Kita faham di tiap-tiap negeri ada kayu cengal, di Pahang, di Trengganu dan lain-lain. Cadangan saya ialah Kementerian Perusahaan Utama hendaklah menyekat sebahagian daripada kayu cengal itu supaya jangan dihantar keluar negeri kerana kalau dihantar keluar negeri akhirnya pembangunan di Rancangan Malaysia Kedua ini tidak dapat dijalankan. Walaupun kita ada semua bahan, selain daripada minyak yang diimpot dari Timur Tengah, kita kata rancangan kita gagal oleh kerana kita tak ada minyak, tetapi mengenai hutan belantara di negara Malaysia ini penuh dengan kayu-kayan yang kita eksport. Negara kita kaya kerana salah satu daripada hasilnya yang besar ialah kayu-kayan, tetapi mengapa tidak boleh dapat kayu cengal? Ini satu perkara yang ajaib dan saya percaya Menteri yang bertanggungjawab akan menjawab di atas perkara ini, apa sebabnya kayu cengal tak boleh didapati.

Berkenaan dengan air batu. Di tiap-tiap negeri saya tahu, umpamanya, di Tumpat, di Kuantan dan di Kuala Trengganu ada kilang air batu, tetapi kilang air batu ini tidak mencukupi, Menteri telah mengatakan tadi tangkapan ikan telah berganda daripada hasil yang dahulu, dengan sebab itu barangkali nelayan-nelayan sudah senang betul. Misalnya, kita tanam padi mendapat hasil

dua kali ganda. Begitu juga dengan tangkapan ikan sudah mendapat dua kali ganda banyaknya, harga ikan pula sudah mahal, kaum nelayan sudah senang betul kehidupannya. Saya bersyukur kepada Tuhan di atas perkara ini. Malangnya, air batu masih tidak cukup. Dengan sebab itu, saya berharap Kerajaan mendirikan kilang air batu. Jangan diharapkan kepada taukeh-taukeh.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya dahulu iaitu di Batu Laut, kaum nelayan telah menubuhkan satu syarikat kilang air batu. Di sana juga ada Syarikat Cold Storage yang menjual air batu \$6 seketul. Nelayan-nelayan telah bersatu, beli saham, kemudian buat kilang air batu. Tetapi, tidak panjang umur syarikat itu. Apa sebab tidak panjang umurnya? Sebabnya Cold Storage itu adalah syarikat yang besar, kepunyaan orang Putih. Air batu yang dijual \$6 seketul itu, setelah syarikat air batu nelayan ditubuhkan, maka dijual dengan harga murah. Syarikat Air batu Nelayan menjual \$3 seketul dengan tujuan menolong kaum nelayan. Apa yang dibuat oleh Cold Storage itu ialah dia sanggup jual \$2 seketul, dia rugi pun tidak peduli, walaupun dia bawa air batu daripada Kuala Lumpur, dari Klang dengan lori sampai ke Tanjung Sepat. Kilang yang didirikan oleh nelayan di Tanjung Sepat jual \$3 seketul. Jadi akhirnya kilang nelayan tidak boleh bergerak dan jahanam. Akhirnya, Cold Storage beli Syarikat Air Batu Nelayan itu. Kilang itu sekarang di tangan Cold Storage. Sesudah itu naiklah lagi harga air batu. Oleh kerana pengalaman (experience) saya itu ada sedikit-sebanyak, itu sebab saya memberitahu supaya perkara ini jangan berulang lagi. Kita buat secara kecil-kecil, cold storage akan mematikan kita ataupun kilang lain akan mematikan kita. Dengan sebab itu, kalau hendak buat, buat betul-betul, gagah dan berani betul-betul. Insya Allah, tidak akan goyang lagi.

Saya dapat tahu pegawai kita di dalam MAJUIKAN tidak cukup. Sudah dekat setahun MAJUIKAN ini ada, tetapi saya percaya tentulah sudah siap pegawai ini buat kerjanya. Saya bercakap ini bukanlah untuk faedah saya, tetapi saya hendakkan kemajuan oleh kerana rakyat merungut ada MAJUIKAN dan lain-lain, tetapi rakyat begini juga. Katakan keluaran hasil sudah banyak, sudah dua kali ganda, tetapi nelayan berungut juga. Buat research itu,

buat research ini tetapi nelayan begitu juga. Sungutan ini kerana hendakkan kemajuan. Saya tidak marah, tetapi saya hendak menengokkan supaya kehidupan nelayan dapat kita perbaiki. Dengan sebab itu, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk menjaga supaya betul-betul MAJUIKAN ini boleh maju, maka saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengadakan lebih banyak lagi pegawai untuk kemajuan nelayan-nelayan kita.

Jikalau sekiranya pada hari yang akan datang ini tiap-tiap kilang yang hendak membuat apa sahaja bersangkutan dengan ikan, misalnya, hendak buat kilang fishing net mestilah sekurang-kurang 30% sahamnya dipegang oleh MAJUIKAN supaya jangan dipermainkan-mainkan oleh orang-orang tengah lagi nelayan-nelayan kita. Orang tengah telah menghisap darah kita selama ini, kita tidak mahu lagi dihisap selepas lebih 17 tahun kita merdeka. Bangsa kita juga yang mati, bangsa kita juga yang melarat, orang lain juga yang senang. Dengan sebab itu, jikalau sekiranya betul-betul, maka saya harap kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab menengokkan kilang-kilang yang didirikan di tanahair kita bersangkutan dengan ikan mestilah sekurang-kurangnya 30% sahamnya dipunyai dan dikelolakan oleh MAJUIKAN.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi 10,000 orang yang bekerja sebagai nelayan dan \$140 juta telah didapati daripada ikan dalam negeri kita dalam masa setahun, dan juga pada hari yang akan datang projek besar untuk menangkap ikan secara commercial akan dijalankan, dan selama satu dua tahun ini telah berlipat-ganda hasil-hasil ikan. Saya percaya hasil ikan berlipat-ganda, tetapi kepada orang lain, sebab mereka ada kapal besar, motor-bot besar yang beratnya 50 tan, kalau kita bandingkan daripada yang dikatakan berlipat-ganda tadi daripada \$142 juta setahun itu, saya ingat hasil yang dikeluarkan oleh bumiputra tidak sampai \$20 juta. Saya harap pada hari yang akan datang, sungguhpun berlipat-ganda hasil yang dikatakan ini, kalaulah misalnya masa yang akan datang daripada \$250 juta setahun sekurang-kurangnya setengah daripada jumlah itu dihasilkan oleh bumiputra. Pada masa ini kita bumiputra cuma memegang 1.9%

sahaja iktisad dalam negeri kita ini termasuk MARA, PERNAS, UDA dan sebagainya termasuklah bumiputra. Kalaulah hasil setahun yang akan datang \$250 juta sekurang-kurangnya setengah, \$125 juta mestilah daripada pengeluaran hasil bumiputra. Ini yang saya minta.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan ini untuk kemajuan bangsa dan juga orang Melayu dan bumiputra. Maka saya harap pada masa akan datang bukan sahaja kita adakan undang-undang, kita terus menukar undang-undang, kita perbaiki undang-undang, undang-undang memang baik dan terus baik, tetapi yang perlu sekali adalah pekerjaan yang kita jalankan, foresight kita pada masa yang akan datang, inilah yang penting sekali.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperergusikan Mesyuarat*)

5.26 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Sbri (Johor Timur): Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengalu-alukan dan menyokong Rang Undang-undang Akta Persatuan Nelayan dan Akta Lembaga Kemajuan Ikan (Pindaan). Akta ini yang bertujuan untuk menyelaraskan kegiatan aktiviti-aktiviti perikanan yang dijalankan oleh MAJU-IKAN, Persatuan-persatuan Nelayan dan Syarikat Kerjasama Serbaguna Nelayan memang saya rasa sangat-sangat diperlukan dan menurut keadaan mungkin perlu dibentangkan di Dewan ini lebih awal lagi dahulu.

Dengan adanya Akta ini, kita harap akan dapatlah menghapuskan persaingan dan duplikasi tugas-tugas, khususnya di antara Persatuan Nelayan dengan Syarikat Kerjasama Nelayan supaya Persatuan Nelayan yang sesudah Akta ini akan meliputi juga Syarikat Kerjasama Nelayan akan benar-benar menjadi satu pertubuhan yang kukuh, yang kuat yang boleh dan upaya bekerja untuk faedah nelayan sebagaimana misalnya Lembaga Pertubuhan Peladang memberi khidmat kepada petani-petani.

Saya khususnya mengalu-alukan bahagian Rang Undang-undang ini yang memindahkan kuasa pendaftaran dan pengawalan daripada Undang-undang Syarikat Kerjasama kepada Akta Persatuan Nelayan, 1971, kerana saya rasa Kementerian Per-

tanian dan Perikanan seharusnya sudah lama maklum bahawa banyak terdapat penyelewengan yang berlaku di Syarikat-syarikat Kerjasama Serbaguna Nelayan, iaitu walaupun Syarikat-syarikat Serbaguna ini ditubuhkan atas nama dan atas dasar syarikat kerjasama ia sebenarnya lebih merupakan partnership, business venture di antara kapitalis-kapitalis dan tuan-tuan bot dan Akta Persatuan Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan, 1971, kedua-dua Akta ini tidak memberi kesan apa-apa, tidak memberi perubahan kepada syarikat kerjasama ini kerana tiada peruntukan untuk kawalan, dan nampaknya pihak berkuasa pendaftar syarikat kerjasama juga selama ini tidak berbuat apa-apa terhadap penyelewengan yang berlaku mungkin juga kerana tidak ada kuasa. Dengan adanya Akta pada hari ini, saya berharap keutamaan (priority) dapatlah diberi untuk diperbetulkan pergerakan syarikat-syarikat kerjasama yang telah menyeleweng ini supaya nelayan-nelayan tidak lagi dieksploitasikan, dan dalam menimbangkan perkara yang akan dilakukan, saya harap keutamaan akan dapat diberi untuk mengadakan peraturan supaya pekerja-pekerja dalam syarikat kerjasama ini dapat hasil yang berpadanan dengan hasil tangkapan, iaitu kalau boleh diberilah mereka ini pembahagian hasil tangkapan sebagaimana yang dilakukan kepada pekerja-pekerja dalam bot-bot MAJU-IKAN.

Saya juga berharap syarikat-syarikat kerjasama yang banyak mempunyai harta-harta ini supaya penggunaan dan pembahagian harta-harta itu dapatlah dilakukan dengan secara yang boleh memberi faedah kepada ahli-ahli biasa dan tidaklah ditanamkan dalam syarikat-syarikat lain, ditanamkan di kilang-kilang air batu, ditanamkan dalam kilang-kilang baja, tetapi tidak dibahagi-bahagi dan tidak dibelikan bot untuk kemudahan ahli-ahli.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penyatuan ketiga-tiga badan yang menjalankan kegiatan perikanan ini, saya berharap Lembaga Kemajuan Ikan akan dapat menentukan satu dasar atau garis-garis kasar, garis-garis tertentu tentang masaalah kawasan penangkapan ikan, terutama sekali tentang kawasan penangkapan ikan tepi pantai, kerana pada masa ini saya rasa dasar tentang kawasan penangkapan ikan ini kurang tegas. Kita dapati bot-bot yang berpindah pengkalan dari

satu pengkalan ke satu pengkalan, melihat keadaan di mana banyak ikan dia ikut di sana dengan tidak menghiraukan kepentingan nelayan-nelayan tempatan. Misalnya, baru-baru ini di kawasan saya terdapat bot-bot bilis daripada Kedah sana berpindah ke Endau, Mersing walaupun dibantah dengan kuat oleh penduduk-penduduk tempatan, tetapi nampaknya tidak ada apa-apa pandangan daripada pihak Perikanan Negeri, dan ada pula arahan daripada pihak Perikanan Negeri menghalau nelayan-nelayan pancing balik daripada kawasan Endau itu walaupun mereka sudah berada di sana begitu lama. Perbuatan seperti ini kadang-kadang menimbulkan keraguan di kalangan nelayan. Mungkin ada kaitan di antara tuan-tuan punya bot dengan pegawai-pegawai dalam Kementerian Perikanan.

Saya harap juga dapatlah dasar pengeluaran lesen termasuk lesen-lesen pukut tunda dapat dikaji semula untuk menimbangkan pernohonan daripada nelayan-nelayan tempatan khususnya nelayan bumiputra. Pada masa ini pernohonan-pernohonan yang dimajukan kepada pihak Jabatan Perikanan mendapat jawapan lesen-lesen pukut tunda, terutamanya tidak dikeluarkan lagi, sudah dipegang oleh MAJUIKAN. Tetapi malangnya, lesen-lesen pukut tunda di kawasan-kawasan tertentu kesemuanya itu kepunyaan syarikat-syarikat kerjasama dan syarikat kerjasama itu kebanyakannya dari bot-botnya adalah bot-bot yang mendatang. Di kawasan saya lagi ada 400 buah bot di dua buah berpangkalan di sana di mana daripada 400 buah bot itu 390 buah bot adalah berasal bot-bot daripada tempat-tempat luar yang mendatang dan bot-bot kepunyaan penduduk-penduduk tempatan hanya 10 buah sahaja. Ini adalah satu perkara yang harus ditimbang.

Akhir sekali, dengan adanya penyatuan perusahaan perikanan di bawah satu badan ini, maka dapatlah badan ini menimbang untuk mengadakan satu skim perkhidmatan nelayan yang meliputi bayaran pada tangkapan misalnya dan caruman kepada K.W.S.P. Apabila mereka itu sudah berada dalam Persatuan Nelayan mungkin juga ada yang bekerja tetap dan dengan adanya skim demikian dapatlah mereka kemudahan sebagaimana pekerja-pekerja di kilang-kilang dan tidaklah mereka terbiar begitu sahaja.

5.33 ptg.

Datuk Dr Haji Abdul Aziz bin Omar (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan sekarang ini. Sempena dengan ini saya ucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan dengan kejayaannya yang cemerlang yang telah melipat-gandakan penangkapan ikan daripada tahun 1963 itu.

Sungguhpun kita berasa bangga dengan kejayaan-kejayaan ini, akan tetapi ada satu lagi perkara yang selalu merunsingkan kita iaitu di Lautan China sana perompak dan lanun bermaharajalela. Mereka selalu sahaja menggunakan kekerasan di atas nelayan-nelayan kita mengganggu pekerjaannya, menyamun dan ada kala juga membunuh nelayan-nelayan kita yang jauh dari pantai itu. Apabila satu kejadian telah meletus dan dilaporkan kepada pihak yang berkenaan, dijawabnya: "Kami tidak boleh membuat apa-apa, kerana ini adalah perairan antarabangsa (international waters)". Jadi tidaklah boleh polis atau Marine Police atau askar-askar kita pergi memberi perlindungan kepada mereka itu. Sebaliknya pula, saya tahu ada juga perairan di Kambojia, Marine Police dan juga askar-askar dari Kambojia telah keluar memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan Kambojia yang menjalankan perusahaan perikanan di lautan antarabangsa. Saya fikir tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh berbuat begitu. Saya merayulah kepada Menteri Pertanian dan Perikanan cuba bersungguh-sungguhlah berbincang dengan pihak tentera dan polis kita supaya memberikan lagi perlindungan yang sebenar-benarnya kepada nelayan-nelayan kita yang tempat penangkapan ikan-nya ialah di dalam lautan antarabangsa, kerana kalau mereka itu hanya duduk di dalam perairan negara kita sahaja penangkapannya tidak begitu lumayan.

Patut juga disebutkan di sini perkara perlesenan. Sekarang kita berasa bangga yang tiga perkumpulan besar iaitu Persatuan Nelayan, Syarikat-syarikat Kerjasama Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah disatukan. Maka dengan persatuan ini kita harap perlesenan pun akan berjalan dengan sempurna, iaitu apa yang saya maksudkan ialah lesen-lesen janglah diberi kepada mereka yang perseorangan, patutlah diberi kepada persatuan-persatuan

ini sahaja supaya menggalakkan mereka itu menjadi ahli di dalam persatuan ini. Jika tidak, tidaklah ada faedah bagi mereka itu menjadi ahli di dalam persatuan ini.

Saya juga suka mengemukakan berkenaan dengan perairan penangkapan ikan di negara kita sendiri. Bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum iaitu tempat perairan Negeri Kelantan ialah kecil jikalau dibandingkan dengan tempat perairan Negeri Trengganu. Sungguhpun demikian, nelayan daripada Kelantan adalah besar jumlahnya, boleh dikatakan 4 kali ganda lebih daripada nelayan-nelayan di Trengganu. Akan tetapi, apa yang menyedihkan nelayan-nelayan di Kelantan ini tidak dibenarkan sama sekali masuk ke perairan Trengganu. Maka di sini juga saya mintalah Menteri yang berkenaan membuat perundingan secara bersungguh-sungguh juga supaya dibenarkan penangkapan ikan daripada Kelantan ini masuk ke perairan Trengganu, kerana kalau tidak dibuat demikian pada satu hari kelak penangkap-penangkap ikan di Kelantan ini akan menjadi papa dan akan menghadapi satu kesulitan yang besar.

Kita dapati iaitu nelayan-nelayan daripada negara tetangga kita masuk ke perairan negeri kita dan boleh dikatakan mereka menangkap ikan dengan tidak mendapat apa-apa halangan daripada pihak berkuasa kita di sini. Maka itulah sahaja rayuan saya kepada Kementerian ini dan diharap Kementerian ini akan mengambil perhatian yang berat.

5.40 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I wish to join the Honourable Member for Tumpat in urging on the Honourable Minister to take more effective measures to protect the security of our fishermen when they go out on fishing trips. The problem of the Malacca fishermen and all the fishermen who go to the Straits of Malacca to fish has been a long standing one and even now when they go out to fish, they face problems of security; in many instances they find themselves being detained, their boats, their fishing gear, and their catches detained and they had to pay ransom to get themselves released. This problem is a problem which the Malaysian Government should take up with the

Indonesian Government and in the spirit of Asean fraternity and, as both countries are members of the Islamic Conference, they should work out an arrangement whereby the Malacca fishermen and the fishermen in the Straits of Malacca can go to fish with a sense of security because otherwise, as has happened many a time, many Malacca fishermen had to stay inshore and this not only brings hardship to themselves and to their dependants but also lead to a rise in the price of fish and the hardships of the people in general.

From the Law of the Sea Conference, we have heard from our Ministers that now the sea territory is 12 miles, and I would like the Honourable Minister to be able to give us an assurance that the fishermen in the Straits of Malacca, whether based in Malacca or in Pangkor or in other fishing bases, would be able to go out to fish for 12 sea-miles without facing problems of harassment—in other words, they can go out to sea for 12 miles with full protection from our marine and naval authorities. We have heard in the past that there had been joint patrols between the Indonesian and the Malaysian Naval authorities in order to combat piracy in the high seas. Unfortunately, despite these arrangements, no very marked improvement has been made in order to protect our Malaysian fishermen. So, now, with the extension of the 3 miles limit to 12 miles, I hope that the fishermen in the Straits of Malacca will be able to go out to sea for 12 miles with a full sense of security that they will be able to do so without harassment.

5.43 ptg.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini. Saya suka memberi penjelasan sedikit atau jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor berkenaan dengan kekurangan kayu cengal dalam membina bot-bot.

Pada awal tahun 1973 manakala kita menempah untuk pembinaan bot, kita dapati kekurangan kayu cengal. Tetapi setelah kita mengadakan perundingan dengan pihak MARA, pihak Kerajaan Negeri Trengganu dan lain-lain, pihak Kerajaan Negeri

Trengganu telahpun bersetuju menghaskan satu kawasan hutan yang penuh dengan kayu cengal diberikan kepada MARA dan daripada situ MARA telah dapat mengeluarkan kayu-kayu itu untuk pembinaan bot. Jadi, pada masa sekarang ini masalah berkenaan dengan kayu cengal tidaklah menjadi satu masalah yang besar lagi.

Berkenaan dengan kilang air batu, dalam masalah ini pihak MAJUIKAN sendiri telahpun atau sedang membina beberapa buah kilang air batu. Satu daripadanya ialah di Perlis dan juga kilang air batu telah dibina atau sedang dibina di Johor iaitu di antara S.E.D.C., Johor dengan pihak MAJUIKAN. Kita akan berikhtiar untuk membina kilang-kilang air batu ini dan memberi air batu ini kepada nelayan-nelayan dengan harga yang beraturan dan ini akan mengurangkan cost of production bagi nelayan-nelayan ini dan mereka akan dapat kemudahan di dalam masalah ini.

Masalah berkenaan dengan pegawai tidak cukup saya suka menjelaskan di sini iaitu pihak MAJUIKAN adalah satu badan yang baharu sahaja ditubuhkan, dan kita sedang berikhtiar untuk menambahkan pegawai-pegawai. Dalam masalah ini juga, apa yang kita hadapi ialah rakyat kita sendiri yang ada mempunyai ijazah ataupun pengetahuan berkenaan dengan perikanan. Ini sangatlah kekurangan, maka dengan sebab itu kita sedang menjalankan ikhtiar untuk menghantar beberapa orang anak-anak muda kita untuk mengambil pelajaran berkenaan dengan perikanan dan sebagainya, dan saya harap dalam masa tidak berapa lama lagi masalah ini akan dapat diatasi.

Berkenaan dengan masalah rancangan perniagaan yang dijalankan berhubung dengan perikanan hendaklah 30% daripada sahamnya di dalam tangan MAJUIKAN. Pada masa sekarang ini rancangan-rancangan yang dijalankan oleh MAJUIKAN ialah berdasarkan kepada kerjasama di antara MAJUIKAN dengan badan-badan yang lain, seumpama, S.E.D.C. ataupun dengan pihak nelayan-nelayan sendiri menerusi Syarikat Kerjasama ataupun Persatuan Nelayan dan juga tuan-tuan punya bot, orang-orang pasar dan sebagainya. Jadi dengan adanya kerjasama seumpama ini banyak masalah-masalah dapat kita selesaikan dan perjalanan perniagaan atau

pemasaran ikan pada masa sekarang ini telah dapat dibaiki dan dengan ini adalah menguntungkan nelayan-nelayan sendiri.

Pihak MAJUIKAN sendiri pada masa sekarang ini di dalam masalah pemasaran sedang memegang 30% daripada sahamnya, dan 30% lagi adalah dipegang secara imamah oleh MAJUIKAN tetapi saham ini adalah hak kepunyaan nelayan-nelayan, 20% kita utukkan kepada orang-orang atau peniaga-peniaga di pasar dan 20% kepada tuan-tuan bot. Dengan adanya pembahagian yang seumpama itu perjalanan adalah memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Timur menyatakan berkenaan dengan keuntungan daripada perniagaan-perniagaan dan perusahaan ikan itu hendaklah diberi kepada ahli-ahli saham, samada daripada ahli saham MAJUIKAN atau ahli saham Persatuan Nelayan ataupun Syarikat Nelayan. Sebenarnya, di dalam perjalanan Syarikat-syarikat Kerjasama pada masa sekarang ini tidak ada satu Syarikat Kerjasama dalam Malaysia ini di mana ahli-ahlinya terdiri semata-mata daripada tuan-tuan punya bot. Tetapi ahli-ahli syarikat Kerjasama Nelayan yang ada di dalam negeri ini adalah terdiri daripada tuan bot, juga pemasar-pemasar dan yang banyak sekali ialah nelayan-nelayan. Bagi pihak saya berasa puas hati iaitu nelayan-nelayan sendiri adalah mengambil bahagian yang cergas di dalam menjalankan Syarikat Kerjasama dan mereka adalah mendapat faedah daripada Syarikat-syarikat Kerjasama itu.

Masalah berkenaan dengan pengeluaran lesen. Pada masa yang sudah-sudah sehingga hari ini dasar kita mengeluarkan lesen Bot Pukat Tunda ini terbahagi kepada tiga. Semua bot-bot yang beratnya lebih daripada 25 tan dan kurang daripada 100 tan hendaklah dikeluarkan lesen-lesen ini menerusi Syarikat Kerjasama Nelayan atau Persatuan-persatuan Nelayan. Dengan keadaan ini tidak ada satu lesen Bot Pukat Tunda yang dikeluarkan kepada orang perseorangan, iaitu bot-bot yang beratnya lebih daripada 25 tan sehingga kepada 100 tan, tetapi bot yang lebih daripada 100 tan kita boleh mengeluarkan kepada Syarikat-syarikat Perusahaan Ikan ataupun orang perseorangan, tetapi saya rasa sehingga hari ini, kita baharu cuma mengeluarkan dua buah sahaja, tetapi bot-bot yang kecil seumpama 10 tan, 7 tan, 5 tan,

ini ada kita keluarkan kepada orang perseorangan, terutama sekali di negeri sebelah Pantai Timur—Negeri Pahang, Kelantan dan Trengganu. Kebanyakan bot-bot ini adalah menjalankan perusahaannya di musim tengkujuh iaitu musim ribut.

Berkenaan dengan Rancangan Simpanan E.P.F. dan lain-lain, pihak MAJUIKAN sendiri telahpun mengadakan rancangan ini iaitu dengan cara memaksa peserta-peserta di dalam Rancangan MAJUIKAN itu menyimpan wang kepada MAJUIKAN dan apa juga simpanan itu akan mendapat faedah dan sebagainya, dan manakala sampai kepada satu jumlah wang yang agak banyak maka bolehlah nelayan-nelayan itu membeli saham di dalam perusahaan MAJUIKAN dan dengan itu peserta-peserta di dalam Rancangan MAJUIKAN itu bukan sahaja boleh mendapat pangu daripada perusahaannya, tetapi mendapat keuntungan daripada perniagaan ataupun perusahaan MAJUIKAN.

Selain daripada itu, Kementerian saya juga sedang berunding dengan pihak Kementerian Buruh untuk mengadakan insuran untuk nelayan-nelayan ini. Sekiranya ini dapat dijalankan pada masa akan datang ini juga akan dapat menolong nelayan-nelayan.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat menyatakan berkenaan dengan rompakan lanun yang bermaharajalela. Perkara ini pihak Kementerian saya telahpun berunding dengan pihak Polis, Navy dan sebagainya, tetapi yang menjadi masalah ialah lautan luas, bot kita cuma ada dua, tiga buah sahaja. Kalau bot kita pergi di sini, di sini berlaku, di sana pergi berlaku rompakan lanun dan sebagainya. Sudah tentulah mereka ini jadi rumit, tetapi ikhtiar-ikhtiar sedang dijalankan untuk memberi sekuat-kuat kawalan bagi keselamatan nelayan-nelayan kita itu.

Berkenaan dengan perairan Kelantan dan Trengganu ataupun berkenaan dengan perairan Pantai Timur di mana nelayan-nelayan daripada Kelantan tidak dibenarkan mendarat ataupun bertempat di Trengganu, perkara ini masih lagi dalam perundingan dengan Kerajaan Negeri Trengganu, kerana Kerajaan Negeri Trengganu tidak bersetuju atau membangkang sama sekali adanya nelayan-nelayan daripada Kelantan bertapak ataupun tinggal di Trengganu ataupun mendaratkan ikan di Trengganu dan sedang berunding dengan mereka pada masa sekarang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka menyatakan berkenaan dengan masalah nelayan di Melaka kena tangkap dan sebagainya. Masalah nelayan Melaka ini ada dua masalah. Yang pertama sekali samada nelayan itu dirompak ataupun diceroboh ataupun ditangkap di dalam kawasan kita iaitu kawasan perairan 12 batu, ataupun adakah mereka ini ditangkap di luar kawasan 12 batu, iaitu di dalam kawasan perairan negara jiran kita. Kebanyakan perkara-perkara yang berlaku yang sudah-sudah, mereka ini adalah ditangkap bukan di dalam kawasan kita, tetapi di luar daripada kawasan kita, iaitu di dalam kawasan negara jiran kita. Kerana adalah menjadi known fact ataupun orang semua tahu, ikan di sebelah kita sangat berkurangan, tetapi ikan di pantai atau berdekatan pulau Sumatra banyak. Maka dengan sebab itu, ada kalanya terdapat nelayan kita melanggar masuk ke sana dan kena tangkap. Bila dia kena tangkap macam-macamlah dia kata. Dia kena rompak, dia kena itu, dan dia kena ini.

Pihak kita juga telah berunding dengan pihak yang berkuasa negara Indonesia berkenaan dengan ini, dan mereka juga sebagai in general memberi jaminan iaitu mereka akan cuba ikhtiar, menjaga supaya tidak ada berlaku rompakan lanun dan sebagainya oleh mana-mana pihak juga di dalam perairan Selat Melaka, terutama sekali tidak akan menceroboh kawasan kita, tetapi mereka juga harap janganlah pula nelayan daripada negeri kita menceroboh masuk kawasan perairan negeri Indonesia.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri menerangkan tadi, ikan dalam perairan Sumatra Indonesia lebih dan dalam perairan kita kurang, bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbang mengadakan satu peraturan, berbincang dengan Kerajaan Indonesia dan adakan satu peraturan di mana nelayan-nelayan di dalam Selat Melaka boleh mengambil lesen masuk perairan Indonesia untuk menangkap ikan.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mencuba masalah ini semenjak tahun 1967, tetapi sehingga hari ini belum berjaya.

Dalam masalah kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka meminta supaya pihak Kerajaan

memberi jaminan atau memberi full protection kepada nelayan-nelayan kita untuk keluar menangkap ikan di kawasan perairan Selat Melaka. Dalam masaalah ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi, pihak Kerajaan tidak bolehlah menjamin full protection melainkan sekiranya nelayan-nelayan itu pula sanggup untuk mengadakan kumpulan keluar setempat kemudian kita boleh hantar bot-bot Navy kita untuk mengawal setempat, tetapi kalau misalnya nelayan kita berselerak di seluruh Selat Melaka, sudah tentulah dua, tiga buah bot Navy kita tidak dapat hendak mengawal atau memberi full protection kepada nelayan-nelayan yang keluar menangkap ikan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG RACUN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.58 ptg.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang yang dikemukakan ini bertujuan hendak mengawal pengimpotan, perkilangan, penjualan dan lain-lain perniagaan ataupun pengurusan dan penggunaan racun makhluk perosak. Bahaya dan kerosakan yang boleh disebabkan oleh salahguna ataupun kecuaiian menyimpan dan menggunakan bahan-bahan racun ini mempunyai akibat-akibat yang buruk dan mencederakan serta merosak dan mengotorkan alam sekeliling.

Pengeluaran racun makhluk perosak yang moden (insecticides, fungicides, herbicides, rodenticides, nematicides) telah bermula di tahun-tahun selepas perang dunia yang kedua. Hingga masa ini ada lebih kurang 400 jenis racun makhluk perosak di pasaran dunia. Di Malaysia juga boleh terdapat lebih kurang 120 jenis racun makhluk perosak dengan berlainan kekuatan, rumusan, bungkusan-bungkusan dan tanda-tanda perdagangan.

Kawalan terhadap pengimpotan atau pembuatan racun-racun makhluk perosak yang dicadang ialah dengan cara pendaftaran dan boleh memberi faedah-faedah seperti berikut:

- (a) Racun makhluk perosak yang tidak dibenarkan digunakan di negara-negara yang maju oleh sebab sangat merbahaya kepada manusia atau tidak mujarab untuk mengawal musuh tanaman akan dilarang penjualannya;
- (b) Racun makhluk perosak yang sangat merbahaya untuk kegunaan am bolehlah diberi kebenaran untuk digunakan dengan berlesen oleh pengguna-pengguna yang terlatih;
- (c) Racun makhluk perosak yang mahal untuk digunakan atau tidak mujarab bolehlah dirumuskan bersesuaian dengan keadaan ladang tempatan;
- (d) Racun makhluk perosak yang sangat merbahaya bolehlah dirumuskan di dalam bentuk lain seperti biji-bijian supaya tidak menjadi merbahaya kepada petani-petani dan orang ramai;
- (e) Sesuatu racun makhluk perosak akan disyorkan untuk mengawal masalah-masalah musuh tanaman, dari itu petani-petani merasa mantap bahawa itulah syor racun makhluk perosak yang paling sesuai;
- (f) Racun makhluk perosak yang disyorkan ialah racun yang tidak akan mematikan ikan di dalam sawah-sawah padi dan sungai-sungai lagi pun tidak membunuh binatang ternakan di ladang-ladang;
- (g) Nasihat kepada pengguna akan cara-cara menyimpan, mengguna, menyembur dan apa langkah yang mesti diambil jika terjadi kemalangan adalah tercatat di labelnya;

- (h) Pendaftaran dan cerakinan kimia akan menentukan bahawa racun-racun makhluk perosak itu bukan satu bancuhan penipuan, yang boleh menyebabkan kemerbahayaan kepada tanaman atau menjadi tidak berkesan untuk mengawal musuh;
- (i) Pendaftaran itu juga akan menerangkan cara membungkus supaya mengelakkan penipuan pembancuhan dan juga bungkusan racun makhluk perosak yang bocor;
- (j) Racun makhluk perosak adalah tidak dibenarkan diisikan ke dalam botol-botol yang selalunya digunakan untuk botol minuman atau minyak masak, ini adalah untuk mengelakkan kekeliruan yang membawa kemalangan terutama kepada kanak-kanak.

BAHAGIAN II membuat peruntukan bagi penubuhan Lembaga Racun Makhluk Perosak.

BAHAGIAN III mengandungi peruntukan-peruntukan bagi mengawal pengimpotan dan perkilangan racun makhluk perosak dengan mengadakan pendaftaran. Pengimpotan bagi maksud-maksud pelajaran atau penyelidikan akan tidak terakluk kepada pendaftaran, tetapi hendaklah mengambil permit.

BAHAGIAN IV mengandungi peruntukan-peruntukan untuk mengawal perkilangan penjualan dan penyimpanan untuk jualan racun-racun makhluk perosak dengan melesen. Lesen-lesen mengilang racun makhluk perosak akan dikeluarkan oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak dan lesen-lesen menjual atau menyimpan untuk jualan racun makhluk perosak akan dikeluarkan oleh Pegawai-pegawai Pelesen Racun Makhluk Perosak.

BAHAGIAN V mengandungi peruntukan-peruntukan bagi mengawal adanya racun makhluk perosak dalam makanan. Menteri akan diberi kuasa membuat peraturan-peraturan menguatkuasakan kawalan itu.

Sisa-sisa "residue" racun makhluk perosak di dalam makanan sebagaimana yang dijelaskan dalam Rang Undang-undang tersebut adalah mustahak dikawal supaya makanan untuk orang ramai terjamin selamat, juga kuantiti sisa-sisa pada makanan yang akan diekspot menepati

kehendak-kehendak negara pengimpot. Jika bahan ini tidak diterima oleh negara pengimpot disebabkan berlebihan sisa-sisa racun makhluk perosak di dalam makanan, negara kita akan mengalami kerugian pertukaran matawang bagi masa akan datang.

BAHAGIAN VI, Fasal 28 meletakkan tanggungjawab ke atas majikan-majikan dan pengamal-pengamal perubatan yang berdaftar untuk melaporkan kepada Menteri mengenai kes-kes kematian dan bencana yang disebabkan oleh racun makhluk perosak. Menteri, akan mempunyai kuasa mengarahkan suatu siasatan atau penyiasatan diadakan mengenai kes-kes itu.

Laporan dan penyelidikan atas kemalangan dan kematian yang disebabkan oleh racun makhluk perosak akan memberi jawapan untuk menentukan bahawa kemalangan-kemalangan seumpamanya tidak akan berlaku lagi.

BAHAGIAN VII mengandungi peruntukan-peruntukan pelaksanaan, seperti kuasa memasuki rumah-rumah dan mengelidih serta merampas racun makhluk perosak, dan kuasa memberhentikan dan mengelidih kenderaan-kenderaan di jalanraya.

BAHAGIAN VIII adalah mengenai cerakinan bahan-bahan bagi maksud-maksud Akta ini dan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengannya.

Peruntukan-peruntukan BAHAGIAN IX adalah mengenai acara-acara dan perjalanan mahkamah dan perkara keterangan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah difikirkan mustahak dipotong beberapa bahan tertentu daripada kawalan undang-undang racun yang wujud di Malaysia dan mengawal bahan-bahan itu kesemuanya di bawah undang-undang racun makhluk perosak yang dicadangkan. Peraturan kawalan ini adalah dicadangkan supaya berkuatkuasa tanpa menyebabkan kesusahan yang tidak sepatutnya kepada orang-orang yang berniaga atau menguruskan bahan-bahan itu di dalam bidang mengawal undang-undang racun.

Rang Undang-undang Akta Racun Makhluk Perosak ini akan memaksa pengeluaran-pengeluaran racun makhluk perosak untuk membuat rumusan-rumusan dan kepekatan

yang paling sesuai untuk keadaan pertanian di Malaysia. Lagipun informasi yang mereka kehendaki atas kemujarapan akan menggalakkan lagi penyelidikan tempatan dijalankan oleh syarikat-syarikat racun makhluk perosak. Ini akan memberi peluang pekerjaan kepada orang-ramai dan akan membuat Malaysia sebagai pusat untuk penyelidikan dan pembangunan racun makhluk perosak. Keadaan-keadaan seperti ini akan menggalakkan lagi pembuatan racun makhluk perosak yang baru dan lebih berkesan untuk digunakan pada tanaman kita. Pada keseluruhannya rancangan kawalan racun makhluk perosak termasuklah pengajaran kepada petani-petani dan orang-ramai yang akan menggunakan racun makhluk perosak tersebut dengan cekap, betul dan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan ini, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Racun Makhluk Perosak 1974 ini dibaca bagi kali yang kedua.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.07 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Rang Undang-undang ini adalah sangat perlu sekali bagi mengawal penggunaan racun makhluk seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Racun tidak asing lagi adalah satu benda yang sangat merbahaya kepada makhluk yang bernyawa dan juga boleh menimbulkan kesan-kesan yang buruk kepada kehidupan manusia, jika tidak dikawal dengan betul. Dengan hal yang demikian, pihak yang bertanggungjawab perlu berhati-hati supaya racun pada maksud mulanya sebagai satu bahan perlu untuk kemajuan pertanian dan sebagainya bagi menghapuskan segala musuh yang merosak dan merbahaya kepada benda-benda tanaman bagi faedah seluruh rakyat.

Di samping itu, kita tidak boleh lupa racun ini juga sebagai satu benda yang ditakuti oleh manusia. Oleh itu, sudah pasti pihak yang bertanggungjawab memerlukan Undang-undang yang lengkap bagi mengawal kegunaan racun bagi

kepentingan dan kemajuan yang tertentu sahaja baik di bidang pertanian dan di bidang kemajuan yang lain supaya tidak merosak kesihatan manusia lebih-lebih lagi para petani kita yang menggunakan racun tersebut di kebun-kebun atau di sawah-sawah mereka seperti yang terdapat sebagaimana para petani di luarbandar seperti di negeri Sarawak. Samada di kampung ataupun rumah panjang masih banyak lagi yang buta huruf yang tidak boleh mengenal keterangan yang dibuat di dalam tulisan Jawi atau Rumi.

Oleh hal yang demikian, saya yakin pihak yang berkenaan apabila memberi racun untuk kemajuan pertanian bagi menghapus serangga dan sebagainya mestilah memberi segala tunjukajar dengan jelasnya serta dengan contoh tauladan yang boleh memberi gambaran yang betul; jangan hanya diberi penerangan cara bercakap atau ditulis sahaja kepada mereka yang berkenaan, atau petani yang dikatakan buta huruf itu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini seperti kita ketahui seramai 141 orang telah dimasukkan ke Rumah Sakit Besar Kuching kerana akibat dari racun yang bercampur di dalam tepung. Mengikut apa yang kita ketahui kebanyakan orang yang terkena racun itu adalah mereka yang memakan benda yang dibuat dari tepung yang dimakan di restoran dan juga di rumah mereka sendiri.

Pendekata, tepung yang dimakan itu telah diketahui ada mengandungi racun seperti diketahui bahawa tepung yang mengandungi racun itu disimpan berdekatan dengan racun yang dibawa dengan kapal dari Semenanjung Malaysia ke Kuching. Ini adalah sudah jelas menjadi buktinya racun pasti dikawal dengan sempurna supaya tidak merosakkan kesihatan manusia atau binatang ternakan dan tempat menyimpan racun makhluk perosak yang dimaksudkan dalam undang-undang ini mestilah disimpan berjauhan dari benda-benda makanan baik di waktu dalam kapal atau sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga racun yang digunakan oleh pihak Kerajaan seperti Jabatan Hutan dan sebagainya untuk membunuh pokok-pokok di kawasan hutan simpanan Kerajaan mestilah dikawal dengan sepenuhnya supaya racun tidak merosakkan makhluk yang lain. Lebih-lebih lagi kaktisan yang bertugas atau bertanggungjawab

itu harus berwaspada supaya tidak membuang racun yang merbahaya itu di tempat yang boleh merosakkan makhluk seperti di dalam danau atau sungai-sungai yang berdekatan hutan tempat pokok-pokok yang diracun itu. Lebih-lebih lagi di kawasan sungai-sungai yang didiami oleh manusia seperti terdapat di kawasan pendalaman Negeri Sarawak untuk mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berakui.

Saya adalah menyokong Rang Undang-undang Makhluk Perosak Tahun 1974 ini.

6.12 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan kuatnya Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak ini.

Saya dan juga peladang-peladang kita berpendapat bahawa Rang Undang-undang yang seumpama ini patut telah dikemukakan lebih awal, tetapi saya fikir keadaan ini belum terlambat lagi. saya cuma hendak memberi dua tiga pendapat dalam perkara Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah mengatakan tadi bahawa racun perosak yang telah dihantar ke Malaysia ini sebanyak 120 jenis. Dengan adanya Lembaga Racun Makhluk Perosak ini, saya fikir bahawa pada masa hadapan peladang-peladang kita dan juga barang-barang yang dimakan oleh manusia dalam negeri ini tidaklah ada berkait dengan racun-racun yang digunakan untuk tanaman-tanaman ini.

Saya fikir kiranya tidak ada racun dalam negeri kita ini pembangunan ekonomi dan bidang pertanian tidak begitu pesat, kerana bukan semua kawasan-kawasan itu boleh diusahakan dengan menggunakan terekor, tetapi peladang-peladang kita juga menggunakan racun ini memugah hutannya. Jadi, racun ini ada memberi faedah kepada zaman pembangunan ini.

Racun ini juga digunakan untuk membunuh serangga tanaman-tanaman. Dalam perkara membunuh serangga ini, patutlah kita berhati-hati sebab tanaman-tanaman, sayuran-sayuran atau buah-buahan yang diserang oleh serangga yang telah disemur dengan racun serangga tadi kita ambil dan dimakan oleh manusia, kita mahu bahawa sayuran-sayuran yang dimakan itu tidak memberi mudarat kepada manusia.

Demikian juga buah-buahan seperti buah rambutan dan juga buah-buahan yang lain yang diserang oleh serangga maka diracun bunga-bunganya. Bilamana buah-buahan ini telah menghasilkan buah-buahannya, buah itu dimakan oleh manusia, pada masa yang lalu kita dapati manusia telah kena sakit akibat daripada makan buah-buahan yang disemur dengan racun. Dengan keadaan yang seperti ini tentu ah Lembaga ini akan memerhati dari semasa ke semasa supaya perkara-perkara yang seperti ini tidak mengganggu kesihatan manusia.

Dalam masaalah penjualan-penjualan racun-racun ini, saya mengharapkan supaya Kementerian Pertanian ini akan memberikan kursus singkat kepada penjual-penjual racun yang telah kita daftarkan, sebab penduduk-penduduk luarbandar tidak begitu alim dan am masaalah menggunakan racun yang sesuai dengan tanaman-tanamannya. Dengan sebab itu, sipenjual itu patut kita berikan kursus sementara supaya mereka dapat memberikan nasihat-nasihat kepada pembeli-pembelinya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, racun ini juga digunakan oleh manusia-manusia yang berhati jahat iaitu digunakan membunuh pokok-pokok dengan sebab sakit hati kepada seseorang, ataupun membunuh binatang-binatang ternakan dengan sebab sakit hati, kalau didapati manusia-manusia yang seperti ini, dalam Rang Undang-undang ini juga, saya minta diberikan hukuman yang seberat-beratnya kepada mereka. Sebab pada masa yang akhir ini kita pernah dengar banyak pokok-pokok getah kita ditakik-takik oleh manusia, terutama kebun-kebun orang yang kaya-kaya bila mana mereka meminta wang pemerasan dia tidak membayar, dia ugut bahawa pokok-pokok tanaman kamu akan ditakik dan ditaruh racun. Jadi kalau dapat kumpulan-kumpulan yang membuat angkara menjahanamkan tanaman-tanaman ini patut kita berikan hukuman yang berat kepada mereka ini.

Dalam masaa ah racun makhluk perosak ini, ada dicampurkan dengan bahan-bahan makanan yang ada kaitannya dan ada juga digunakan untuk membunuh kuman dan am satu-satu penyakit. Ini pernah digunakan di kedai-kedai ubat. Masaalah ini juga bagi pihak Jabatan Analisa patut mengawasi dengan cermatnya bahawa segala ubat-ubat atau makanan yang ada sedikit-sebanyak

dicampur racun untuk memperbaiki makanan atau membunuh kuman-kuman itu dikawal supaya tidak merbahaya kepada nyawa manusia.

Selain daripada itu, ubat nyamuk yang kita gunakan ini juga ada dicampur dengan racun. Kadangkala manusia yang menggunakan ubat nyamuk ini tidak tahan dengan baunya yang begitu menyusahkan suasana pembauan kita. Ini juga saya fikir kilang-kilang yang membuat ubat nyamuk yang ada menggunakan racun ini patut dikaji dan dilihat supaya ubat nyamuk yang digunakan oleh penduduk-penduduk luarbandar, khususnya rakyat dalam negeri ini tidak akan membahayakan mereka waktu mendapatkan kemudahan daripada ubat nyamuk ini.

6.16 ptg.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Mukah dan Muar Utara. Di atas teguran-teguran itu insya Allah saya akan mengambil ingatan dan perkara-perkara yang menjadi kebaikan akan ditimbang dan dijalankan. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 67 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Ketiga menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

6.20 ptg.

RANG UNDANG-UNDANG DOKTOR VETERINAR

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan Rang Undang-undang Doktor-doktor Veterinar dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang yang dibentangkan ini akan membuat peruntukan bagi pendaftaran dan peraturan pengalaman doktor-doktor haiwan (practice of veterinary medicine) dan bagi maksud-maksud negara pula membuat peruntukan tertentu mengenai tempoh perkhidmatan Doktor-doktor Haiwan dalam Perkhidmatan Awam selepas pendaftaran dan berbagai peraturan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengan perkara-perkara yang tersebut.

Sehingga masa ini pengalaman doktor-doktor haiwan tidak mempunyai peraturan-peraturan yang sepatutnya ada dan mempunyai taraf iktisas yang sesuai dengan taraf-taraf iktisas yang lain. Akibat-akibat daripada ini ialah kemusykilan atas ertikata amalan doktor-doktor haiwan itu. Dengan demikian nampaknya bolehlah dikatakan siapa sahaja yang ingin hendak membuat apa-apa pekerjaan suntikan, perubatan, pembedahan dan sebagainya atas ternakan boleh menjalankan perubatan demikian dengan tidak ada apa-apa peraturan. Sudah tentu ini telah dan akan menimbulkan berbagai perkara yang idak diingini sehingga nama Doktor Haiwan ini dipermain-mainkan.

Di dalam Rang Undang-undang ini saya mengemukakan dengan sepenuh-penuhnya ertikata pengalaman doktor-doktor haiwan atau veterinary medicine yang sudah tentu nampaknya adalah lebih kurang sama luasnya dengan ertikata pengalaman doktor manusia sendiri. Dengan Rang Undang-undang ini juga dapatlah diketahui bahawa amalan kedokteran haiwan ini adalah amalan yang boleh dijalankan ataupun diamalkan oleh seseorang yang telah menjalankan latihan yang tertentu dan diiktiraf mengikut undang-undang ini. Saya percaya juga adalah peluang bagi kita semua memahami betapa pentingnya senarai amalan kedokteran haiwan ini bagi menentukan sumbangan kepada kesihatan dan pengeluaran ternakan negara kita ini.

Rang Undang-undang ini akan mewujudkan satu Daftar doktor-doktor haiwan yang akan mengandungi nama dan kelulusan mereka yang telah mengikuti pelajaran dan latihan yang didapati daripada institusi-institusi yang disenaraikan di dalam Jadual Kedua.

Apa-apa peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang ini telah pun diamalkan atau disediakan untuk doktor-doktor manusia yang lain, tetapi bagi Doktor Haiwan ini belum ada sehingga hari ini, tetapi dengan keadaan itu pihak Kementerian saya memikirkan adalah mustahak diadakan Rang Undang-undang ini dengan memberi peruntukan-peruntukan lebih kurang sama dengan Rang Undang-undang bagi doktor-doktor yang lain dan saya percaya manakala Rang Undang-undang ini diluluskan maka kedudukan Doktor-doktor Haiwan ini akan menjadi lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan ini, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang kedua.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Doktor Veterinar telah dibacakan pada kali yang ketiga dan diluluskan.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga

Rang Undang-undang Doktor Veterinar telah dibacakan pada kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DOKTOR VETERINAR

Perbahasan disambung semula.

6.25 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini. Walau apa pun Doktor Haiwan ini namanya; saya bersetuju, tetapi saya minta cuma satu sahaja iaitu research mestilah dibuat oleh Doktor-doktor Haiwan seperti yang dibuat di negeri-negeri lain. Lembu negeri kita ini apabila disembeleh dagingnya seperti kayu kerasnya.

Cuba kita makan satay; satay kambing dengan satay lembu. Satay lembu kita kerasnya seperti getah (*Ketawa*). Kalau disembelih dengan jampi bagaimanapun dagingnya tidak boleh lembut. Dengan sebab itu, saya harap pihak Doktor Haiwan ini hendaklah buat suatu research supaya daging lembu menjadi lembut.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Benggali yang memelihara lembu, mereka pukul lembunya itu dengan sekuat-kuatnya—hari-hari disebat, dipukul, tentulah daging menjadi keras dan pejal. Begitu juga lembu, kalau dipukul dan disebat hari-hari, dagingnya akan jadi keras. Tetapi di Jepun, kalau mereka memelihara lembu, hari-hari diurut (*Ketawa*), diberi minum beer. Ini bukan olok-olok; ini betul. Diberi minuman beer, diurut (massage) seperti manusia, kalau di massage, lembut juga tulangnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Siapa yang minum beer?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Lembu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Todi tidak minum?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Todi pun kadang-kadang dia minum (*Ketawa*). Ini memang betul. Di negeri Jepun dipelihara untuk makanan, kalau hendak makan betul-betul dipelihara, di massage, diberi minum dengan minuman yang sebaik-baiknya, tetapi kita disini memelihara ternakan dengan sebat sahaja, jadi bagaimana dagingnya hendak jadi lembut? Selama hari ini, saya dengar Doktor Haiwan mengatakan hendak

buat itu, hendak buat ini, memelihara rumput dan sebagainya, hendak mengeluarkan hasil yang banyak berkenaan dengan lembu, berkenaan dengan daging dan sebagainya tetapi sampai hari ini, saya tidak nampak kecuali ada satu di Behrang baru hendak dibuat. Yang Berhormat telah melawat disitu dan memujinya. Saya percaya juga, tetapi saya harap lebih banyak lagi diadakan daripada di Behrang.

Menteri Pertanian dan Perikanan pada suatu ketika dahulu, saya juga bersama-sama pergi ke Jamaica dan melihat bagaimana mereka memelihara lembu. Lembu Bengala dan Lembu Jersey dikahwinkan maka sesuai lembu itu hidup di negeri Jamaica. Lembunya besar-besar. Kalau memelihara lembu untuk mendapatkan susu, susunya banyak betul. Kalau lembu untuk daging badannya gemok. Itu dikatakan lembu daging. Begitu juga di negeri kita ini mestilah dibuat research yang sebegitu. Saya ingat tentulah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya.

Saya harap pada masa hadapan daripada hasil lawatan itu dapatlah suatu pengalaman, maka pengalaman itu boleh dicubakan di negara kita supaya kita boleh dapat daging yang banyak, lembut dan hasil susunya yang banyak, susu yang elok dan sesuai, bukan sahaja untuk kita minum susu daripada botol-botol yang dibawa oleh Benggali-benggali tetapi juga susu-susu itu akan dapat ditinkan di masa hadapan, tak payah dibawa dari luar negeri lagi.

Itulah sahaja teguran saya. Saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini dan berharap supaya doktor-doktor haiwan ini membuat research yang lebih baik lagi.

6.32 p.m.

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don (Kulim Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Doktor Veterinar yang dikemukakan pada hari ini.

Saya rasa sudah sampai masanya dibuat pendaftaran doktor-doktor veterinar yang mana kita tahu banyak kekurangan dalam negara kita, terutama sekali apabila negara kita sedang menjalankan usaha hendak memajukan ternakan, maka tentulah banyak memerlukan doktor-doktor veterinar itu. Apa yang saya baca dalam akhbar baru-baru ini,

ada di antara doktor veterinar yang hanya mendapat gaji sebanyak \$65. Barangkali pendaftaran mereka itu tidak dapat diterima, kerana kelulusan mereka barangkali daripada universiti yang belum diiktiraf oleh negara kita. Saya rasa pihak Lembaga yang akan ditubuhkan kelak akan dapat menimbangkan kedudukan doktor veterinar yang ada dalam negeri kita ini, yang hanya kalau tak salah saya, diminta bekerja menjaga kandang lembu sahaja.

Saya suka juga menegur berkenaan dengan doktor-doktor veterinar yang ada sekarang ini yang mengenakan bayaran yang paling mahal kepada perkhidmatan haiwan, misalnya, lembu-lembu ternakan yang termakan racun, untuk post-mortem seekor lembu bayarannya sampai \$10. Ini sangatlah mahal yang mana tidak termampu oleh orang-orang yang menternak lembu di tepi-tepi ladang getah. Kita tahu kesalahan menyebarkan racun mengikut Rang Undang-undang ini ada kena-mena dengan Rang Undang-undang Racun Makhhluk Perosak. Apabila termakan racun, lembu itu mati, kemudian bila direpot kepada veterinar, dia terpaksa membayar post-mortem tiap-tiap seekor \$10. Apa yang saya dapat tahu bayaran ganti-rugi kepada binatang ternakan itu mengambil masa sampai 7 tahun lamanya baru dapat bayaran ganti-ruginya. Ini adalah menyebabkan kesusahan kepada orang-orang kita di kampung yang ingin memajukan ternakan mereka.

Saya suka juga hendak menegur kalau binatang ternakan itu termakan racun-racun yang ditaburkan di ladang-ladang getah seperti racun arsenite. Orang-orang kampung kadang-kadang dia memberi minum dengan air lumpur sahaja dan keadaan lembunya itu adalah berkurangan sedikit daripada keadaan biasa. Tetapi apabila mereka dapat nasihat daripada doktor veterinar dia memberi pil, akhirnya mati langsung lembu itu. Saya tidak tahu macam mana kemahiran yang ada, mungkin kelengkapan alat-alat perubatan doktor veterinar itu tidak cukup yang ada pada doktor veterinar itu.

Saya suka memberitahu bahawa sayalah orang yang rajin sekali melawat doktor veterinar yang tidak jauh dari rumah saya, kerana saya ada memelihara kucing. Kucing saya itu daripada matanya mula-mula berkedip—bukan sakit mata, diubat berulang kali dalam seminggu, langsung buta mata kucing itu, kononnya diubat mata kucing itu.

Sungguhpun ada doktor, mungkin ubat-ubat tidak cukup. Inilah perkara yang saya berasa hairan, kerana dalam menternak ayam pun begitu juga, kita bawa pergi cucuk ayam kepada doktor veterinar, daripada ayam itu hidup, terus mati. Inilah perkara yang terjadi dalam negara kita.

Kita percaya kalaulah pusat-pusat haiwan ini ada di merata pelusuk tanahair kita, maka dapatlah memberi perkhidmatan kepada penternak. Tetapi kalau bekalan ubat tidak cukup dan kajian-kajian dibuat dari satu masa ke semasa, maka adalah sangat mendukacitakan rakyat di kampung yang ingin hendak memajukan usaha mereka di dalam lapangan ternakan.

Saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini yang hendak mendaftarkan doktor veterinar dalam negara kita.

6.35 ptg.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan Kulim Utara.

Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara menyatakan doktor haiwan dalam tanahair kita cuma ditugaskan untuk menjaga kandang lembu sahaja. Sebenarnya yang disebutkan doktor haiwan secara yang digunakan di Malaysia ini adalah sangat keterlaluan, kerana ada di antara doktor-doktor yang disebut itu tidak mempunyai ijazah yang diakui oleh pihak Kerajaan negeri kita. Dengan sebab itu, adalah mustahak diadakan undang-undang ini supaya kita dapat mendaftarkan doktor-doktor veterinar yang betul-betul ada mempunyai pelajaran dan pengetahuan supaya tidak menjadi sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi, beri pil terus mati, dan diubat mata kucingnya yang sakit terus menjadi buta. Itulah sebabnya kita mengadakan undang-undang seumpama ini supaya dapat kita mengawal pendaftaran doktor veterinar dan dapat mengawal binatang-binatang yang ada dalam negara kita.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, minta supaya diadakan kajian atau penyiasatan yang rapi berkenaan dengan haiwan, perkara ini telah, sedang dan akan dijalankan di dalam negeri ini. Kita ada dua cara penyiasatan atau kajian yang dibuat.

Pertama, berkenaan dengan perubatan haiwan iaitu dilakukan di Research Institute, Ipoh.

Kedua, berkenaan membiakkan haiwan dan menjaga population haiwan. Penyelidikan ini dijalankan di beberapa tempat di dalam negeri kita termasuklah di dalam ladang tenusu yang dibuka sebanyak 7 buah kawasan di seluruh Malaysia pada hari ini, dan kita akan tambah beberapa buah dalam tahun ini juga.

Research ini mempunyai dua tujuan yang besar. Pertama, untuk dibuat kajian supaya lembu itu dapat mengeluarkan daging yang lebih banyak iaitu dengan cara sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat tadi ponggongnya menjadi lebih besar.

Yang kedua, kita akan membesarkan susu lembu itu, supaya dapat mengeluarkan banyak susu dan supaya susu itu lazat. Itulah tujuan kajian yang akan dibuat pada masa hadapan kelak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 28—

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan pindaan-pindaan yang berikut kepada text Bahasa Malaysia Rang Undang-undang Doktor Veterinar ini. Pindaan ini adalah perlu kerana perkhidmatan yang berkenaan masih lagi dikenal sebagai Perkhidmatan Haiwan. Kedua, kerana kesilapan mengecap dan sebagainya.

Pindaan-pindaan seperti yang telah diedarkan, adalah seperti berikut:

Fasal 2—

- (a) Gantikan perkataan "Veterinar" yang terdapat dalam tafsiran "Ketua Pengarah" dengan perkataan "Haiwan".

- (b) Masukkan perkataan "doktor" di antara perkataan-perkataan "seorang" dan "veterinar" yang terdapat di baris akhir perenggan (c) dalam tafsiran "pengalaman perubatan veterinar".

Fasal 3 (2)

Gantikan perkataan "Veterinar" yang terdapat dalam perenggan-perenggan (b) dan (c) masing-masing dengan perkataan "Haiwan".

Fasal 28 (1)

Gantikan perkataan "Veterinar" yang terdapat dalam perenggan (b) dengan perkataan "Haiwan".

Clause 2

- (a) Substitute for the word "Veterinar" appearing in the interpretation of "Ketua Pengarah" the word "Haiwan".

- (b) Insert the word "doktor" between the words "seorang" and "Veterinar" appearing in the last line of paragraph (c) under the interpretation of "pengalaman perubatan veterinar".

Clause 3 (2)

Substitute for the word "Veterinar" appearing in paragraphs (b) and (c) the word "Haiwan" respectively.

Clause 28 (1)

Substitute for the word "Veterinar" appearing in paragraph (b) the word "Haiwan".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 hingga 82 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 29 hingga 45 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

PENANGGUHAN

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

RAPAT UMUM BARISAN NASIONAL— SALAH-GUNA KUASA

6.43 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, it is often said that power corrupts. Lately the National Front held a few rallies throughout the country. I am sad to say that the National Front leaders in organising and holding their rallies have failed or refused to distinguish between Government properties and political party's properties. The National Front leaders have abused their powers organising

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, quorum tidak cukup.

(*Loceng dibunyikan, Ahli-ahli dikira, kurang dari 26 hadir*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.